


MALAPETEKA DARWINISMA TERHADAP KEMANUSIAAN



HARUN YAHYA


Satu sebab utama mengapa manusia merasakan satu keinginan yang mendalam kepada kehidupan dunia ini dan menolak agama kecuali adalah anggapan bahawa kehidupan adalah kekal.

Dengan melupakan bahawa kematian pada bila-bila masa akan mengakhiri kehidupan, manusia mudah merasakan bahawa ia mampu mengecapi hidup yang gembira dan sempurna. Sebenarnya, dia terang-terang menipu diri sendiri. Kehidupan dunia hanyalah sebuah tempat sementara di mana Allah menguji manusia.

Ini adalah sebab mengapa manusia diciptakan serba kekurangan dan jauh daripada mencukupi untuk memuaskan keinginan dan keperluan manusia yang tidak terbatas. Setiap benda yang mempesona di dunia ini akhirnya akan ketinggalan, rosak, mereput dan lenyap.

Ini adalah hakikat yang tidak pernah berubah. Buku ini menerangkan fitrah kehidupan dan mengajak manusia untuk menghayati tempat sebenar yang dimilikinya, iaitu Hari Kemudian.

بسم الله الرحمن الرحيم



Maklumat Mengenai Penulis

Dengan menggunakan nama pena HARUN YAHYA, penulis buku ini telah menerbitkan banyak buku mengenai politik dan isu-isu berkaitan kepercayaan. Intipati penting tulisan-tulisan beliau adalah berhubung dengan paradigma materialistik dan kesannya terhadap sejarah dan politik dunia. (Nama penanya terbentuk hasil gabungan nama-nama 'Harun' [Aaron] dan 'Yahya' [John] sebagai kenangan abadinya terhadap dua orang Nabi yang telah bergelut menentang kemungkaran.)

Antara hasil usahanya meliputi; The 'Secret Hand' in Bosnia, The Holocaust Hoax, Behind the Scenes of Terrorism, Israel's Kurdish Card, A National Strategy for Turkey, Solution: The Morals of the Qur'an, Darwin's Antagonism Against the Turks, The Evolution Deceit, Perished Nations, The Golden Age, The Art of Colour by Allah, The Truth of the Life of This World, Confessions of Evolutionists, The Blunders of Evolutionists, The Dark Magic of Darwinism, The Religion of Darwinism, The Qur'an Leads the Way to Science, The Real Origin of Life, Miracles of the Qur'an, The Design in Nature, Self-Sacrifice and Intelligent Behaviour Models in Animals, Eternity Has Already Begun, Children Darwin Was Lying!, The End of Darwinism, The Creation of the Universe, Deep Thinking, Timelessness and the Reality of Fate, Never Plead Ignorance, The Miracle of the Atom, The Miracle in the Cell, The Miracle of the Immune System, The Miracle in the Eye, The Creation Miracle in Plants, The Miracle in the Spider, The Miracle in the Ant, The Miracle in the Gnat, The Miracle in the Honeybee.

Antara risalah-risalah terbitannya adalah; The Mystery of the Atom, The Collapse of the Theory of Evolution: The Fact of Creation, The Collapse of Materialism, The End of Materialism, The Blunders of Evolutionists 1, The Blunders of Evolutionists 2, The Microbiological Collapse of Evolution, The Fact of Creation, The Collapse of the Theory of Evolution in 20 Questions, The Biggest Deception in the History of Biology: Darwinism.

Hasil-hasil tulisan beliau yang berkaitan dengan Al-Quran adalah; Ever Thought About the Truth?, Devoted to Allah, Abandoning the Society of Ignorance, Paradise, The Theory of Evolution, The Moral Values of the Qur'an, Knowledge of the Qur'an, Qur'an Index, Emigrating for the Cause of Allah, The Character of Hypocrites in the Qur'an, The Secrets of the Hypocrite, The Names of Allah, Communicating the Message and Disputing in the Qur'an, The Basic Concepts in the Qur'an, Answers from the Qur'an, Death Resurrection Hell, The Struggle of the Messengers, The Avowed Enemy of Man: Satan, Idolatry, The Religion of the Ignorant, The Arrogance of Satan, Prayer in the Qur'an, The Importance of Conscience in the Qur'an, The Day of Resurrection, Never Forget, Disregarded Judgements of the Qur'an, Human Characters in the Society of Ignorance, The Importance of Patience in the Qur'an, General Information from the Qur'an, Quick Grasp of Faith 1-2-3, The Crude Reasoning of Disbelief, The Mature Faith, Before You Regret, Our Messengers Say, The Mercy of Believers, The Fear of Allah, The Nightmare of Disbelief, Prophet Isa Will Come, Beauties Presented by the Qur'an for Life, The Iniquity Called "Mockery", The Secret of the Test, The True Wisdom According to the Qur'an, The Struggle with the Religion of Irreligion, The School of Yusuf, The Alliance of the Good, Slanders Against Muslims Throughout History, The Importance of Following Good Word, Bouquet of the Beauties of Allah 1-2-3-4.

M A L A P E T A K A DARWINISMA TERHADAP KEMANUSIAAN

ISBN: 983-9384-41-4
Hakcipta Terpelihara © Harun Yahya

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa juga carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Hakcipta Terpelihara © Terbitan Pertama Bahasa Melayu, 2003
July 2003

 **SABA
ISLAMIC MEDIA** (Co. No. 410060-X)
No. 1-2-1, Prima Peninsula, Jalan Setiawangsa 11,
Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 6-03-42518792, 42510498
Fax: 6-03-42562030
<http://www.saba.com.my>
E-mail: absaba@tm.net.my

Terbitan Bahasa Inggeris oleh Ta-Ha Publishers Ltd., London, April 2000
Judul Asal: The Disasters Darwinism Brought To Humanity

Diterjemahkan oleh
Saba Islamic Media Sdn. Bhd.
Rohidzir Rais

Penulis:
Harun Yahya

Laman Web:
<http://www.harunyahya.org>
<http://www.harunyahya.com>
<http://www.harunyahya.net>

Dicetak oleh:
Advanco Sdn. Bhd.

MALAPETAKA DARWINISMA TERHADAP KEMANUSIAAN

oleh

HARUN YAHYA

Terjemahan

Rohidzir Rais



Kepada Pembaca yang Budiman

Tujuan ditulis satu bab khas mengenai keruntuhan teori evolusi di dalam buku ini adalah kerana ia telah menjadi asas kepada semua falsafah anti-kepercayaan spiritual. Memandangkan Darwin sendiri telah menolak kewujudan fakta mengenai penciptaan, dan justeru itu menolak kewujudan Allah SWT, sejak 140 tahun yang lampau, ramai yang telah menyisihkan kepercayaan mereka atau tergolong di kalangan mereka yang curiga. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab yang penting untuk menunjukkan kepalsuan teori ini dan ia juga amat dituntut oleh agama. Adalah amat penting sekali bagi kita melaksanakan tanggungjawab ini kepada setiap anggota masyarakat. Kemungkinan anda hanya sempat untuk membaca salah satu daripada buku-buku kami. Atas sebab itulah, kami merasakan bahawa perlu dimasukkan satu bab mengenai ringkasan topik ini.

Seperkara lagi yang ingin ditekankan ialah mengenai kandungan buku ini. Dalam semua buku yang dihasilkan oleh penulis, isu-isu yang berkaitan dengan kepercayaan dijelaskan berteraskan ayat-ayat Al-Quran dan para pembaca adalah dijemput untuk mempelajari dan membentuk kehidupan berasaskan ayat-ayat Allah SWT. Semua perkara yang ada kaitan dengan ayat-ayat Allah diterangkan dengan jelasnya agar pembaca tidak akan sangsi atau dibiarkan dengan persoalan-persoalan yang tidak terjawab. Pendekatannya yang ikhlas, mudah dan lancar memastikan setiap pembaca dari pelbagai peringkat umur dan ras sosial dapat memahami buku ini dengan mudah. Penjelasannya yang jelas dan berkesan menjadikan buku ini amat mudah dihabiskan dalam satu sesi pembacaan. Penerangan mengenai fakta-fakta benar yang disampaikan di dalam buku ini telah turut mempengaruhi mereka yang secara terang-terangan menolak unsur-unsur kerohanian di dalam kehidupan.

Buku ini dan juga semua penulisan yang dihasilkan oleh penulis adalah sesuai dibaca secara individu dan juga boleh dibincangkan di dalam kumpulan. Pembacaan secara berkumpulan oleh mereka yang benar-benar inginkan manfaat daripadanya, adalah amat berguna kerana mereka dapat bertukar-tukar pandangan dan pengalaman.



Sebagai tambahan, anda turut dapat menyumbang bakti kepada agama dengan menyebarkan persembahan dan pembacaan buku-buku ini yang ditulis dengan niat hanya untuk mencari keredaan Allah. Semua buku yang dihasilkan oleh penulis adalah amat menyakinkan. Atas sebab itu, bagi anda yang ingin mengembangkan agama ini kepada orang lain, salah satu daripada kaedah yang berkesan adalah dengan menggalakkan mereka membaca buku-buku ini.

KANDUNGAN

Pengenalan: Pelopor Kesengsaraan Pada Abad Ke-20	8
Sejarah Ringkas Darwinisme	14
Rasisme Dan Penjajahan Darwin	29
Perikatan Bahaya Di Antara Darwin Dan Rasisme	67
Darwinisme: Sumber Kekejaman Komunis	116
Kapitalisme Dan Perjuangan Untuk Hidup Di Dalam Ekonomi	171
Keruntuhan Moral Yang Dibawakan Oleh Darwinisme	185
Konklusi: Paya Darwinisme Yang Mesti Dikeringkan	195
Lampiran: Konsep Evolusi Yang Salah	198

PENGENALAN

PELOPOR KESENGSSARAAN PADA ABAD KE-20



Abad ke-20 yang baru sahaja kita tinggalkan, merupakan satu abad yang sarat dengan perperangan dan konflik, yang membawa kepada kesengsaraan, pembunuhan beramai-ramai, kemiskinan, dan kesusahan yang dahsyat. Berjuta-juta manusia telah dibunuh, dihapuskan beramai-ramai, terjerumus ke kancang kebuluran dan kematian, dan juga terbiar tanpa rumah dan kediaman, tiada pelindungan dan sokongan. Dan semua ini tanpa sebarang sebab: melainkan kerana perhambaan mereka terhadap ideologi-ideologi sesat. Berjuta-juta manusia telah terdedah kepada layanan tidak berperikemanusiaan yang tidak layak diterima walau pun oleh haiwan. Hampir di setiap zaman pasti terdapat pemerintah-pemerintah dan diktator-diktator yang menyebabkan semua kesengsaraan dan malapetaka ini: seperti Stalin, Lenin, Trotsky, Mao, Pol Pot, Hitler, Mussolini, Franco... Ketika sebahagian mereka berkongsi ideologi yang sama, sebahagian yang lain pula menjadi musuh ketat mereka. Hanya kerana ideologi mereka yang bertentangan, mereka telah mengheret seluruh masyarakat kepada konflik dan mengakibatkan saudara menentang saudara, mendorong mereka memulakan perperangan, melemparkan bom, membakar dan memusnahkan kereta, rumah, dan kedai-kedai, dan melancarkan demonstrasi- demonstrasi ganas. Dengan membekalkan mereka senjata-senjata, ia telah mendorong mereka untuk membelasah hingga mati orang-orang muda, orang-orang tua, lelaki, wanita dan kanak-kanak atau menyusun mereka menghadap ke dinding dan kemudian menembak mereka... Mereka menjadi begitu biadab sehingga sanggup mengacukan pistol ke kepala orang lain dan merenung matanya, kemudian membunuhnya, dan memijak-mijak kepalanya dengan kaki, hanya kerana dia menyokong idea berlainan. Mereka mengusir manusia daripada kediaman mereka tanpa mengira wanita, kanak-kanak atau mereka yang telah tua...

Demikian gambaran ringkas mimpi ngeri abad ke-20 yang baru sahaja kita tinggalkan: manusia yang menyokong idea-idea yang menimbulkan konflik dan mereka yang mengheret manusia ke arah kesengsaraan dan pertumpahan darah untuk menyokong ideologi-ideologi mereka.

Fasisme dan Komunisme menjadi kepala kepada ideologi-ideologi yang menyebabkan manusia terpaksa menempuh hari-hari yang kelam ini. Ia dilihat sebagai ancaman, sebagai idea-idea yang saling memusnahkan. Sebenarnya terdapat satu kenyataan yang menarik di sini: Semua ideologi-ideologi ini telah disuburkan oleh satu sumber ideologi, mereka mendapat kekuatan dan sokongan daripada sumber ini, dan terima kasih kepada sumber ini, mereka telah berjaya mengheret masyarakat memihak kepada mereka. Sepintas lalu, sumber ini tidak menarik perhatian, sering diabaikan sehingga sekarang, dan sering menonjolkan kepada masyarakat wajahnya yang bersih. Sumber tersebut ialah falsafah materialis dan DARWINISME, sebuah falsafah yang diadaptasikan daripada alam semula jadi.

Darwinisme telah berkembang pada abad ke-19 sebagai satu permulaan semula sebuah mitos berasal daripada kaum Sumerian dan Greek Purba oleh seorang pakar biologi amatur Charles Darwin, dan sejak itu telah membentuk idea berbahaya di sebalik semua idea-idea yang mengancam manusia. Dengan berselindung di sebalik topeng sains, ia telah membenarkan ideologi-ideologi ini dan tindakan penyokong-penyokongnya untuk mendapatkan pengesahan palsu.

Dengan pengesahan palsu ini, teori evolusi kemudiannya telah meninggalkan bindang ilmu biologi dan paleontologi dan mula memberikan ulasan di dalam bidang hubungan manusia kepada sejarah, dan mula mempengaruhi berbagai bidang lain daripada politik kepada sosial. Kerana sebahagian dakwaan-dakwaan asas Darwinisme menyokong beberapa pemikiran yang telah mula bergerak dan terbentuk

pada abad ke-19, ia telah mendapat sokongan padu daripada golongan-golongan ini. Pada dasarnya, masyarakat telah mula mencuba untuk menerima idea bahawa terdapatnya “perjuangan untuk hidup” (fight for survival) di dalam hidupan di alam ini, dan hasilnya, idea bahawa “yang kuat akan selamat, yang lain pula akan ditewaskan dan lenyap” telah mula mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku manusia. Apabila dakwaan Darwinisme bahawa alam ini adalah satu tempat untuk bertempur dan berkonflik mula mempengaruhi manusia dan masyarakat, kecenderungan Hitler untuk membina satu bangsa utama, dakwaan Marx bahawa “sejarah manusia adalah sejarah pertembungan kelas-kelas”, pandangan kapitalisme bahawa “yang kuat akan menjadi lebih kuat apabila makin banyak yang lemah”, penjajahan negara-negara dunia ketiga oleh bangsa-bangsa imperialis seperti Britain dan layanan mereka yang tidak berperikemanusiaan dan kejam, bersama kenyataan bahawa kulit berwarna masih berhadapan dengan serangan rasialis dan diskriminasi, semuanya ini telah mendapat justifikasi.

Walaupun beliau adalah seorang evolusionis, Robert Wright, pengarang buku *The Moral Animal* merumuskan malapetaka yang telah dibawakan oleh teori evolusi ini kepada sejarah manusia, seperti berikut:

Teori evolusi mempunyai sejarah aplikasi yang panjang, hebat dan kotor ke atas kehidupan manusia. **Setelah campur tangan di dalam falsafah politik sekitar abad ini untuk membentuk satu ideologi kabur yang dikenali sebagai “Darwinisme sosial”, ia telah jatuh ke tangan rasialis, fasis, dan kapitalis yang kejam.**¹

Seperti yang akan dilihat di dalam buku ini dan daripada bukti-bukti yang dikemukakannya, Darwinisme bukan hanya sebuah teori yang hanya hendak menjelaskan asal usul hidupan dan terbatas kepada bidang ilmu sains. Darwinisme adalah satu dogma yang masih dipertahankan oleh penyokong-penyokong ideologi tertentu, di samping kenyataan bahawa ia telah dibuktikan palsu daripada pandangan sains. Hari ini banyak pakar sains, ahli politik dan pemikir, sama ada mereka menyedari atau tidak wajah jahat Darwinisme, telah memberikan sokongan mereka

kepada dogma ini.

Sekiranya setiap orang dapat memahami kepalsuan saintifik teori ini, yang telah bertindak sebagai satu inspirasi kepada diktator-diktator dan mentaliti yang kejam dan beberapa pemikiran yang zalim, tidak berperikemanusiaan, dan mementingkan diri sendiri, ia akan dapat menghapuskan ideologi-ideologi yang berbahaya ini. Mereka yang melakukan kejahanatan tidak akan dapat mempertahankan diri mereka dengan menyatakan, "Tetapi ini adalah undang-undang alam". Mereka akan kehilangan sokongan saintifik untuk sifat mementingkan diri, dan kekejaman mereka.

Apabila idea Darwinisme, punca ideologi bahaya ini, telah dimusnahkan, hanya satu kebenaran akan tinggal. Iaitu kebenaran bahawa semua manusia dan alam ini telah dijadikan oleh Allah. Mereka yang memahami perkara ini juga akan menyedari bahawa satu-satunya realiti dan kebenaran adalah di dalam kitab suci yang telah diturunkan kepada kita. Apabila sebahagian besar masyarakat mula menyedari kebenaran ini, keperitan, masalah, pembunuhan beramai-ramai, mala petaka, ketidakadilan, dan kemiskinan akan bertukar dengan kesedaran, keterbukaan, kekayaan, kelapangan, kesihatan dan kemewahan. Untuk itu, setiap idea songsang yang berbahaya kepada manusia perlu ditewaskan dan dimusnahkan oleh idea mulia yang akan membawa kebahagiaan kepada manusia. Dengan membalaq lontaran batu dengan melontar kepada orang lain, membalaq pukulan dengan pukulan, dan membalaq agresif dengan agresif, bukan penyelesaiannya. Penyelesaiannya ialah dengan menolak idea mereka yang melakukan perkara-perkara ini dan menjelaskan kepada mereka dengan baik dan sabar, perkara sebenar yang perlu mereka gantikannya.

Tujuan penulisan buku ini ialah untuk menunjukkan kepada mereka yang mempertahankan Darwinisme tanpa melihat keburukannya, secara disedari atau tidak, apakah sebenarnya yang mereka pertahankan itu, dan

untuk menjelaskan apakah tanggungjawab yang terpaksa mereka pikul selagi mana mereka masih pura-pura tidak melihat kebenarannya. Tujuan lain pula bukan sekadar untuk mengingatkan mereka yang tidak mempercayai Darwinisme, tetapi juga mereka yang tidak melihat Darwinsime sebagai satu ancaman kepada manusia.

BAB 1

SEJARAH RINGKAS DARWINISME



Sebelum kita beralih kepada penderitaan dan malapetaka yang telah dibawakan oleh Darwinisme kepada dunia, mari kita lihat secara ringkas sejarahnya. Ramai beranggapan Teori Evolusi yang telah diasaskan oleh Charles R. Darwin, sebagai sebuah teori yang berlandaskan kepada bukti-bukti, pemerhatian dan eksperimen saintifik yang kukuh. Tetapi, pengasas sebenarnya bukan Darwin, dan ia juga tidak mempunyai sebarang sumber saintifik.

Pada satu zaman di Mesopotamia, apabila agama penyembahan berhala berkuasa, khurafat dan kepercayaan karut yang telah menjadi tunjang kehidupan dan alam ini amat banyak; di antaranya ialah kepercayaan “evolusi”. Menurut epik Enuma-Elish, yang kembali kepada bangsa Sumerian (tamadun awal Babylon Purba), telah berlaku satu banjir besar, dan daripada ini tuhan-tuhan yang dikenali sebagai Lahmu dan Lahamu terbentuk secara mendadak. Berdasarkan kepada khurafat ini, berhala-berhala ini pada mulanya telah mencipta diri mereka sendiri dan kemudian setelah menjadi universal, lalu membentuk benda-benda dan hidupan lain. Dengan kata lain, menurut dongeng Sumerian, hidupan muncul secara tiba-tiba daripada keadaan berair mati yang berkocak, kemudian berkembang dan membangun.

Kita akan dapati kepercayaan ini amat mirip dengan dakwaan teori evolusi yang menyatakan bahawa “hidupan telah berkembang daripada benda tidak hidup”. Daripada itu kita akan dapati idea evolusi bukannya milik Darwin, tetapi adalah milik penyembahan berhala Sumerian.

Kemudian, dongeng evolusi ini telah mendapat tempat yang luas untuk hidup di dalam tamadun penyembahan berhala yang lain, iaitu Greek Purba. Para ahli falsafah Greek Purba yang materialis beranggapan




Sekeping gambar menunjukkan tuhan air Sumerian. Seperti Sumerian, Darwinis percaya hidupan telah muncul secara kebetulan daripada air. Dengan kata lain, mereka melihat air sebagai tuhan yang menjadikan hidupan.

bahawa benda adalah satu-satunya perkara yang wujud. Mereka merujuk kepada dongengan evolusi, yang telah diwarisi daripada kaum Sumerian, untuk menjelaskan bagaimana hidupan dapat muncul. Dengan itu, falsafah materialis dan dongengan evolusi telah muncul bersama di Greek Purba. Dari situ, ia kemudian telah dibawa ke dalam kebudayaan Rom.

Kedua-dua konsep ini, yang setiap satunya adalah kepunyaan budaya penyembahan berhala, telah muncul di dunia moden pada abad ke-18. Sebahagian pemikir Eropah yang mengkaji sumber-sumber Greek purba telah membawa kepada materialisme. Satu sifat biasa bagi pemikir-pemikir ini ialah mereka menentang agama.

Di dalam keadaan ini, individu pertama yang mengkaji teori evolusi ini secara terperinci ialah seorang pakar biologi Perancis Jean Baptiste Lamarck. Di dalam teori beliau, yang kemudiannya didapati salah, Lamarck beranggapan bahawa semua hidupan telah berkembang daripada satu sama lain oleh perubahan-perubahan kecil di dalam hidup mereka. Seorang individu lain yang telah mengulangi dakwaan Lamarck, dengan cara yang berbeza ialah, Charles R. Darwin.

Darwin mengemukakan teori ini di dalam bukunya “*The Origin of Species*”, yang telah diterbitkan di England pada tahun 1859. Di dalam



Seperti masyarakat penyembahan berhala, Darwinis percaya bahawa hidupan muncul secara kebetulan di dalam air hasil daripada kesan-kesan semula jadi. Berdasarkan dakwaan yang tidak masuk akal ini, atom-atom mati di dalam "sup primitif" di dalam gambar ini telah bercantum dan memilih untuk membentuk hidupan.

buku ini, dongengan evolusi, yang berasal daripada Sumer purba ini, telah dikemukakan dengan terperinci. Beliau mendakwa bahawa semua spesies berasal daripada satu moyang, yang telah wujud secara kebetulan di dalam air, dan kemudian telah berkembang di dalam keadaan berbeza daripada satu sama lain oleh perubahan-perubahan kecil yang terhasil secara tidak sengaja.

Dakwaan Darwin ini tidak diterima sepenuhnya oleh kebanyakan ahli-ahli sains pada zaman beliau. Di samping itu, pakar-pakar fosil telah menyedari bahawa dakwaan Darwin ini tidak lebih daripada sebuah




Jika dibandingkan dengan hari ini, mikroskop yang terdapat pada abad ke-19 adalah amat primitif dan hanya dapat melihat sel sebagai tompokan, seperti di dalam gambar.

amat mundur. Sebagai contoh, sel yang telah diketahui kini mempunyai satu sistem yang paling rumit, hanya dapat dilihat sebagai satu tompokan melalui mikroskop ringkas yang digunakan pada zaman tersebut. Kerana itulah, Darwin tidak melihat sebarang masalah untuk mendakwa hidupan telah muncul secara kebetulan daripada benda mati.

Dengan cara yang sama juga, rekod fosil yang tidak lengkap juga membolehkan ia mendakwa hidupan muncul daripada satu sama lain melalui beberapa perubahan. Tetapi hari ini, rekod-rekod fosil tidak memberikan walau satu bukti untuk menyokong dakwaan Darwin bahawa hidupan telah muncul dengan peningkatan

Sebab Utama Penerimaan Darwinisme adalah Ideologi

Zaman ketika Darwin menerbitkan bukunya "The Origin of Species" dan ketika beliau mengemukakan teori evolusi beliau, sains pada waktu itu



Charles Darwin

antara satu sama lain. Sehingga kini, pengikut-pengikut teori evolusi cuba menyelesaikan dilema ini dengan mengatakan bahawa, "ia akan ditemui suatu hari nanti di masa hadapan". Tetapi kini mereka tidak dapat lagi berselindung di sebalik penjelasan ini. (Untuk maklumat yang lebih teperinci sila lihat bab Konsep Evolusi Yang Salah)

Walaubagaimanapun, tidak terdapat sebarang perubahan kepada pegangan Darwinis terhadap teori evolusi ini. Penyokong-penyalur Darwin telah sampai ke zaman kita di dalam keadaan terus berpegang dengan keyakinan penuh kepada Darwin sebagaimana ia telah diwarisi akhir 150 tahun yang lalu.

Kalau begitu, apakah sebab untuk Darwinisme, di dalam keadaan semua fakta-faktanya telah terbukti tidak saintifik, mendapat perhatian daripada beberapa golongan, dan telah dipropagandakan agar diterima?

Di antara ciri-ciri teori Darwin yang paling nyata ialah penolakannya terhadap kewujudan seorang Pencipta. Menurut teori evolusi, hidupan terbentuk dengan sendirinya daripada benda-benda mati, secara kebetulan. Dakwaan Darwin ini telah memberikan satu sokongan saintifik songsang kepada semua falsafah ateis, dimulakan dengan falsafah materialis. Kerana sehingga abad ke-19, kebanyakan ahli-ahli sains melihat sains sebagai satu cara untuk mempelajari dan menerokai apa yang telah Tuhan jadikan. Disebabkan kepercayaan ini telah diterima dengan meluasnya, maka para ahli falsafah yang ateis dan materialis tidak dapat menemui satu landasan yang sesuai untuk membangunkan fahaman mereka. Tetapi dengan menafikan kewujudan seorang Pencipta dan membina satu sokongan khayalan untuk kepercayaan ateis dan materialis ini, teori evolusi telah memberikan satu peluang keemasan kepada mereka. Kerana itulah, mereka telah mengiktiraf Darwin dan mengadaptasikan teori tersebut kepada ideologi-ideologi mereka.

Kerjasama Darwinisme dengan ideologi-ideologi yang merosak dan memusnahkan dunia ini, merupakan satu fakta yang amat jelas di sini.

Sosial Darwinisme: Satu Adaptasi Undang-undang Rimba Ke Tabiat Manusia

Salah satu dakwaan teori evolusi yang paling penting ialah atas perkembangan hidupan yang bergantung kepada “perjuangan untuk hidup” di alam semula jadi. Menurut Darwin, di dalam alam ini terdapat berbagai pertarungan untuk hidup yang tidak mengenal erti belas kasihan, iaitu konflik luaran. Yang gagah sering berjaya menawan yang lemah, dan ini yang mewujudkan peningkatan. Buku beliau bertajuk *The Origin of Species*, telah menghuraikan subjek ini. Di bawah bab bertajuk “*The Origin of Species by Means of Natural Selection or the Preservation of Favoured Races in the Struggle for Life*”.

Sumber inspirasi Darwin di dalam perkara ini ialah buku tulisan seorang ahli ekonomi Inggeris Thomas Malthus bertajuk “*An Essay on the Principle of Population*”. Buku ini menyatakan bahawa manusia akan menghadapi masa depan yang gelap. Malthus merumuskan bahawa populasi manusia akan meningkat pada kelajuan yang dahsyat. Jumlah mereka akan meningkat sekali ganda setiap 25 tahun. Bagaimana pun, keperluan makanan tidak meningkat pada kadar yang sama. Di dalam keadaan ini, seluruh manusia akan menghadapi ancaman bahaya kebuluran yang genting. Kuasa-kuasa yang dapat mengawal populasi ini hanyalah malapetaka, seperti perang, kebuluran, dan serangan penyakit. Ringkasnya, untuk membolehkan sebahagian manusia hidup, adalah perlu untuk mereka yang lain dikorbankan. Kewujudan bererti “perang yang berterusan”.

Darwin mengakui buku Malthuslah yang telah memberikannya idea tentang perjuangan untuk hidup:

Pada Oktober 1838, iaitu lima belas bulan selepas saya mulakan penyelidikan secara sistematik, saya telah membaca secara suka-suka pendapat Malthus tentang populasi, dan telah bersedia menilai perjuangan untuk hidup yang berterusan daripada pemerhatian yang panjang terhadap habitat haiwan dan tumbuhan, ia membuatkan saya terfikir bahawa di dalam keadaan ini, variasi-

variasi pilihan akan lebih terpelihara dan variasi bukan pilihan akan musnah. Hasilnya ialah pembentukan spesies-spesies baru. Akhirnya saya mendapat satu teori yang berguna.²

Pada abad ke-19, idea-idea Malthus telah diterima oleh masyarakat secara meluas. Para intelektual kelas atasan Eropah juga telah menyokong idea-idea Malthus ini. Tumpuan yang diberikan oleh Eropah abad ke-19 kepada idea-idea Malthus tentang populasi dapat diperhatikan di dalam artikel *The Scientific Background of the Nazi "Race Purification" Programme*:

Pada separuh awal abad ke-19, di Eropah, anggota-anggota daripada kelas yang memerintah telah berkumpul untuk membincangkan tentang “masalah populasi” yang baru ditemui dan untuk mencari jalan bagi melaksanakan mandat Malthus, meningkatkan kadar kematian orang-orang miskin. “Daripada menganjur kebersihan kepada orang miskin, kita perlu menggalakkan keadaan sebaliknya. Di bandar, kita perlu menjadikan jalan-jalan kita lebih sempit, penuhkan lebih ramai orang ke dalam rumah, dan mengharapkan pengembalian wabak-wabak. Di perkampungan pula, kita perlu membina perkampungan-perkampungan yang dekat dengan kolam-kolam bertakung, dan menggalakkan penempatan di kawasan-kawasan yang berpaya dan tidak baik.”³

Hasil daripada polisi gila ini, yang kuat akan menewaskan yang lemah di dalam pertarungan untuk hidup, dan dengan ini peningkatan populasi yang melampau dapat diseimbangkan. Pada abad ke-19 England telah melancarkan program “menghancurkan orang miskin”. Satu sistem industri telah asaskan di mana kanak-kanak berusia lapan atau sembilan tahun dipaksa bekerja 16 jam setiap hari di lombong-lombong arang batu dan beribu-ribu telah mati disebabkan oleh keadaan yang teruk ini. Teori Malthus “perjuangan untuk hidup”, telah mengheret berjuta-juta rakyat miskin di

Thomas Malthus, yang telah mempengaruhi Darwin dan beranggapan bahawa perperangan dan kekurangan akan dapat mengimbangi peningkatan populasi dunia.



England kepada kehidupan yang amat menyeksakan.

Darwin yang terpengaruh dengan Malthus, telah memasukkan pandangan ini ke alam semula jadi, dan menganggap bahawa perperangan ini akan dimenangi oleh yang paling kuat dan perkasa. Dakwaan Darwin ini juga merangkumi semua tumbuh-tumbuhan, haiwan dan juga manusia. Beliau juga menegaskan bahawa perjuangan untuk hidup ini merupakan undang-undang alam semula jadi yang berkekalan dan tidak akan berubah. Dengan menolak hakikat ciptaan, beliau telah mengajak manusia untuk meninggalkan kepercayaan-kepercayaan mereka dan prinsip-prinsip sesuatu etnik yang menjadi penghalang kepada “perjuangan untuk hidup” yang kejam ini.

Kerana itulah, teori Darwin telah mendapat sokong padu sebaik sahaja ia mula dikemukakan, mulanya di England dan kemudiannya di seluruh negara Barat. Para imperialis, kapitalis dan materialis yang menyokong teori yang menyediakan kepada mereka landasan saintifik untuk sistem politik dan sosial yang telah mereka asaskan, tidak teragak-agak untuk menerimanya. Di dalam masa yang singkat sahaja, teori evolusi ini telah mendapat perhatian berbagai bidang masyarakat manusia, daripada sosiologi kepada sejarah, daripada psikologi kepada politik. Di dalam setiap bidang, idea asasnya ialah slogan “perjuangan untuk hidup” dan “yang kuatlah yang terus hidup”, dan parti-parti politik, rakyat, pentadbir, firma-firma komersial, individu-individu telah mula hidup di dalam bara slogan-slogan ini. Disebabkan ideologi yang berkuasa telah mengiktiraf Darwinisme, maka propaganda-propaganda para penyokong Darwin telah mula menyusup masuk ke berbagai bidang, daripada pendidikan kepada seni, daripada politik kepada sejarah. Ia cuba mewujudkan pertalian di antara setiap subjek dengan Darwinisme dan melihatnya dari kaca mata seorang penyokong Darwin. Hasilnya, walaupun masyarakat tidak mengenali Darwinisme, tetapi model-model masyarakat yang diingini oleh Darwinisme telah mula terbentuk.


Darwin sendiri mengakui bahawa pendangan-pandangan beliau yang berasaskan kepada evolusi telah diserapkan kepada kepercayaan etnik dan sains kemasyarakatan. Darwin menyebutkan seperti berikut kerpada H. Thiel di dalam sepucuk surat pada tahun 1869:

Anda tidak akan percaya betapa gembiranya saya mengetahui bahawa anda telah menyerapkan ke dalam moral dan sosial persoalan-persoalan yang sama dengan pandangan-pandangan yang telah saya gunakan berkaitan dengan pemindaan spesies-spesies. Saya sendiri tidak menyangka pandangan-pandangan saya akan dikembangkan begitu jauh berbeza, dan yang lebih penting, ia menguasai.⁴



PENINDASAN DI SELURUH DUNIA

Pada Darwinsme, penipuan bahawa konflik dan pertempuran adalah sifat semulajadi manusia telah diterima. Hasilnya, di kebanyakan tempat di seluruh dunia, perperangan, pembunuhan, dan keganasan telah diselindung di sebalik mantel yang dikenali sebagai mantel sains, dan abad ke-20 telah menjadi satu abad kedudikan dan kesengsaraan.



TIMBANG TARA YANG KEJAM

Menurut Sosial Darwinisme, mereka yang lemah, miskin, sakit, dan mundur perlu dihapuskan, dan dilenyapkan tanpa belas kasihan. Mereka percaya bahawa ia adalah perlu untuk evolusi manusia. Salah satu sebab mengapa pada abad ke-20 tiada jawapan kepada berjuta-juta manusia yang menagih pertolongan, daripada Bosnia ke Ethiopia, ialah kerana ideologi ini yang telah membebankan masyarakat dengan kejam.



Di dalam keadaan pertempuran di alam ini diterima sebagai fitrah semula jadi manusia, konflik-konflik yang berlaku di atas nama rasisme, Fasisme, Komunisme, dan imperialisme, dan usaha mereka yang gigih untuk menghentam golongan yang dianggap lemah, kini dapat difahami dengan sejelas-jelasnya. Kini amat mustahil untuk menghalang atau menyekat mereka yang melakukan pembunuhan berkelompok yang kejam, melayan manusia lain seperti binatang, melaga-lagakan manusia supaya saling bermusuhan, mereka yang menghina orang lain kerana bangsa mereka, mereka yang menutup perniagaan-perniagaan kecil di atas dasar persaingan, dan mereka yang menolak untuk menolong orang-orang yang fakir. Kerana mereka melakukan ini semua berdasarkan kepada undang-undang semula jadi yang “saintifik”.

Perkara baru ini kemudiannya telah dikenali sebagai **“Sosial Darwinisme”**.

Salah seorang saintis evolusionis terkenal pada zaman kita, seorang ahli paleontologi Amerika Stephen Jay Gould menerima kebenaran ini dengan menulis kepada penerbit buku *The Origin of Species* dalam tahun 1859, “sebab-sebab tentang perhambaan, kolonialisme, perbezaan kaum, pertembungan kelas-kelas, dan peranan seks akan berterusan di bawah nama sains”.⁵

Terdapat satu fakta yang perlu diberikan perhatian yang berhati-hati di sini. Setiap zaman sepanjang sejarah manusia telah menyaksikan berbagai peperangan, kekejaman, penindasan, rasisme, dan konflik. Tetapi, pada setiap masa terdapat satu agama suci yang mengajar manusia bahawa apa yang mereka lakukan adalah salah dan menyeru mereka ke arah pendamaian, keadilan dan ketenangan. Di sebabkan manusia mengenali agama suci ini maka sekurang-kurangnya mereka dapat menerima apa yang mereka lakukan adalah salah apabila mereka melibatkan diri di dalam keganasan. Tetapi, kemudiannya pada abad ke-19, Darwin telah mengemukakan kepada mereka bahawa pertempuran untuk mencari untung dan ketidakadilan mempunyai justifikasi sains,



Pengarang buku "Darwin, Marx, Wagner", profesor sejarah Jacques Barzun

dan menyatakan bahawa semuanya ini adalah sebahagian daripada fitrah manusia, bahawa manusia mewarisi dendam dan sifat agresif yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka, dan bahawa dengan cara ini jugalah haiwan yang lebih gagah dapat selamat, undang-undang yang sama berlaku kepada manusia. Dipengaruhi dengan pemikiran ini, peperangan, penyeksaan dan pembunuhan beramai-ramai telah mula berlaku di sebahagian besar dunia. Lebih daripada itu, penyokong-penyokong Darwin

telah menyokong dan menggalakkan perbuatan-perbuatan ini yang membawa banyak kesengsaraan, pertumpahan darah, dan penderitaan kepada dunia, dan membela semua perlakuan mereka. Hasil daripada sokongan saintifik yang terkenal ini, semua ideologi-ideologi berbahaya ini telah menjadi semakin kuat, dan menyebabkan abad ke-20 dicap sebagai "zaman penderitaan".

Di dalam buku "Darwin, Marx, Wagner", pensyarah ilmu sejarah Jacques Barzun telah mentafsirkan kesan-kesan kebejatan moral dunia moden kini dari segi sains, kemasyarakatan dan kebudayaan. Ulasan berikut dipetik daripada buku beliau yang mengimbas pengaruh Darwinisme kepada dunia:

... Di setiap negara Eropah pada sekitar tahun-tahun 1870 dan 1914 terdapat sebuah parti yang menuntut untuk mengangkat senjata, sebuah parti individu yang mahukan persaingan tidak sihat, sebuah parti imperialis yang menuntut kebebasan ke atas rakyat bawahan, sebuah parti sosialis yang mahu berkuasa, dan sebuah parti rasialis yang mendesak pembersihan dalaman menentang orang luar - setiap mereka, apabila keinginan untuk tamak dan menjadi agung gagal, telah menggunakan Spencer dan Darwin, yang menyatakan, sains adalah jelmaan... Bangsa adalah berkaitan dengan biologi, ia adalah berkaitan dengan sosiologi, ia adalah secara Darwin.⁶

Pada abad ke-19, apabila Darwin mengemukakan dakwaan bahawa hidupan tidak dijadikan tetapi telah terbentuk secara kebetulan, dan

manusia mempunyai moyang yang sama dengan haiwan dan telah berubah secara kebetulan sebagai organisma yang paling maju peningkatannya, mungkin tidak ramai yang dapat meramalkan apakah implikasi daripada dakwaan ini. Tetapi pada abad ke-20, kesan akhir dakwaan ini telah dapat disaksikan di dalam pengalaman-pengalaman yang menakutkan. Mereka yang melihat manusia sebagai seekor haiwan yang telah berkembang, tidak teragak-agak untuk melonjak naik dengan menindas mereka yang lemah, menyahkan mereka yang sakit dan lemah, dan melakukan pembunuhan beramai-ramai sekadar untuk membersihkan bangsa-bangsa yang mereka rasakan berbeza dan berkedudukan rendah. Kerana teori mereka yang bertopengkan sains menyatakan kepada mereka bahawa ini adalah satu “undang-undang semula jadi”.

Mala petaka yang dibawakan oleh Darwinisme kepada dunia bermula dengan cara ini, dan berkembang pesat ke seluruh dunia. Pada abad ke-19, sebelum materialisme dan ateisme berkembang pesat melalui sokongan yang mereka terima daripada Darwinisme, sebahagian besar masyarakat percaya bahawa Allah telah mencipta semua hidupan dan manusia tidak seperti hidupan lain, mereka dianugerahkan roh yang dijadikan oleh Allah. Setiap manusia tanpa mengira bangsa dan kedudukan, adalah hamba yang dijadikan oleh Tuhan. Bagaimana pun, iman yang lemah telah dipatahkan oleh Darwinisme, yang membentuk kumpulan-kumpulan masyarakat yang saling bersaing antara satu sama lain, di samping tidak menghiraukan kepentingan moral, mereka melihat manusia sebagai seekor haiwan yang telah berkembang. Masyarakat yang menolak sebarang tanggungjawab mereka terhadap Allah telah melahirkan satu masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Daripada kebudayaan inilah munculnya berbagai jenis “isme”, dan setiap satunya telah menjadi malapetaka kepada manusia.

Di dalam halaman berikutnya, kita akan mengkaji ideologi-ideologi ini di dalam persoalan apa yang Darwinisme justifikasikan, hubungan rapat di antara ideologi-ideologi ini dan Darwinisme, dan akibat daripada kerjasama ini kepada dunia.

BAB 2

RASISME DAN PENJAJAHAN DARWIN



Sahabat karib Darwin, Profesor Adam Sedgwick adalah di antara mereka yang mengedari bahaya yang dibawakan oleh teori evolusi ini di masa hadapan. Beliau mencatatkan, selepas membaca dan meringkaskan buku *The Origin of Species*, bahawa "sekiranya buku ini diterima oleh masyarakat umum, ia akan membawa bersamanya satu bentuk keganasan manusia yang belum pernah disaksikan sebelum ini."¹⁷ Dan sememangnya masa telah membuktikan kebimbangan Sedgwick itu berasas. Kurun ke 20 telah ditinggalkan sebagai satu zaman kegelapan di mana manusia dibunuhi beramai-ramai hanya disebabkan oleh bangsa dan asal usul etnik mereka.



Professor Adam Sedgwick

Walau pun, telah berlaku diskriminasi dan penghapusan yang berdasarkan kepadanya di dalam sejarah kemanusiaan sebelum kemunculan Darwin. Tetapi Darwinisme telah memberikan diskriminasi ini kehormatan saintifik yang salah dan kebenaran yang silap.

"Pemeliharaan Ke Atas Bangsa-bangsa Pilihan..."

Kebanyakan Darwinis hari ini mendakwa bahawa Dawin bukan seorang rasialis, tetapi sebaliknya golongan rasialis yang telah memberikan ulasan mereka terhadap idea Darwin secara berat sebelah

untuk tujuan menyokong pandangan mereka sendiri. Mereka mendakwa ekspresi "By Preservation of Favoured Races" pada satu tajuk di dalam buku *The Origin of Species* hanya untuk binatang. Bagaimana pun, apa yang telah diabaikan oleh mereka yang membuat dakwaan ini ialah apa yang telah disebutkan oleh Darwin tentang bangsa-bangsa manusia di dalam bukunya.

Berdasarkan kepada pandangan yang telah dikemukakan oleh Darwin di dalam buku ini, bangsa-bangsa manusia mewakili peringkat-peringkat evolusi yang berbeza, dan sebahagian bangsa-bangsa ini telah berkembang dan bergerak maju lebih baik daripada sebahagian yang lain. Sebahagian yang lain pula, berada pada paras yang hampir sama dengan monyet.

Darwin mendakwa bahawa "perjuangan untuk hidup" juga berlaku di kalangan bangsa-bangsa manusia. "Bangsa-bangsa terpilih" telah berjaya di dalam perjuangan ini. Menurut Darwin bangsa pilihan tersebut ialah bangsa kulit putih Eropah. Sementara bagi bangsa-bangsa Afrika dan Asia, mereka telah ketinggalan di dalam perjuangan untuk hidup. Lebih daripada itu Darwin juga menyatakan: bangsa-bangsa ini lama kelamaan akan tewas sepenuhnya di dalam perjuangan untuk hidup ini dan akhirnya akan hilang, dia mendakwa:

Suatu masa nanti, tidak berapa lama lagi, bangsa-bangsa manusia yang bertamadun akan menghapuskan dan menggantikan bangsa-bangsa buas di seluruh dunia. Pada masa yang sama, makhluk-makhluk iras beruk... pasti akan terhapus. Perbezaan di antara manusia dan sekutunya yang paling hampir akan menjadi lebih jauh, jika tidak ia akan mengganggu manusia di negara yang lebih bertamadun, seperti yang kita harapkan, seperti perbezaan bangsa kulit putih dan beberapa jenis beruk serendah babun, tidak seperti perbezaan sekarang di antara Negro atau bangsa Australia dan gorila.⁸

Di samping itu, di bahagian lain di dalam *The Origin of Species*, Darwin juga telah mendakwa bahawa adalah perlu untuk bangsa-bangsa yang lebih rendah dihapuskan dan tidak perlu bagi manusia yang maju

untuk cuba melindungi mereka dan membiarkan mereka hidup. Beliau membandingkan keadaan ini dengan situasi orang yang menternak haiwan ternakan:

Dengan keganasan, yang lemah dari segi fizikal dan minda akan dihapuskan; dan mereka yang selamat selalunya menunjukkan tahap kesihatan yang hebat. Kami telah memajukan manusia, di samping itu kami berusaha untuk memeriksa proses penghapusan ini; kami telah membina kem-kem tahanan untuk mereka yang gila, cacat dan sakit; kami telah memulakan undang-undang kemiskinan; dan pakar-pakar perubatan berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan nyawa setiap orang sehingga ke saat-saat akhir. Dipercayai bahawa pemberian vaksin telah menyelamatkan beratus-ratus manusia, di mana mereka yang lemah selalu tewas kepada cacar. Oleh itu, mereka yang lemah daripada masyarakat-masyarakat yang maju meningkatkan diri mereka. Siapa pun yang menjalankan penternakan haiwan domestik tidak akan merasa ragu bahawa ia akan memudaratkan bangsa manusia.⁹

Seperti yang dapat kita saksikan, di dalam buku beliau *The Origin of Species* Darwin melihat penduduk asli Australia dan Negro sebagai makhluk-makhluk yang sama taraf dengan gorila dan mendakwa bahawa

bangsa-bangsa ini akan lenyap. Sementara bagi bangsa-bangsa lain yang dilihatnya sebagai "bermartabat rendah", dia menegaskan bahawa adalah perlu untuk menyekat mereka supaya bangsa-bangsa ini pupus. Oleh itu, laluan rasisme dan diskriminasi yang masih wujud sehingga ke hari ini, telah disahkan dan diterima oleh Darwin dengan cara ini.



Perjalanan yang telah dilalui oleh Darwin telah mendedahkan sifat rasialisnya. Sebagai contoh, Darwin menganggap istilah "binatang buas" adalah lebih sesuai kepada kaum-kaum yang kebudayaan dan kebolehan mereka telah dibincangkan oleh penyelidik lain.



Sementara itu, perkara yang berlaku kepada "mereka yang bertamadun", menurut idea rasialis Darwin, adalah untuk mempercepatkan sedikit jangka masa evolusi ini, seperti yang akan kita saksikan secara terperinci selepas ini. Di dalam keadaan ini tidak terdapat sebarang bantahan, daripada pandangan "saintifik", untuk bangsa-bangsa ini, yang akan lenyap, daripada dimansuhkan sekarang.

Wajah sebenar rasialis Darwin dapat diperhatikan di dalam tulisan-tulisan dan pemerhatiannya. Sebagai contoh, beliau secara terbuka telah memperlihatkan prejedis rasialisnya apabila menggambarkan orang asli Tierra del Fuego yang dilihatnya ketika di dalam sebuah pengembaraan panjang yang dilakukannya pada tahun 1871. Dia menggambarkan mereka sebagai makhluk-makhluk hidup yang "bertelanjang sepenuhnya, berlumur dengan warna-warna, makan apa sahaja yang mereka temui tidak ubah seperti binatang liar, tidak terkawal, ganas terhadap siapa sahaja di luar kabilah mereka, merasa megah menyeksa musuh mereka, menawarkan pengorbanan berdarah, membunuh anak-anak mereka, menyeksa isteri-isteri mereka, padat dengan kepercayaan khurafat yang tidak masuk akal". Bagaimana pun, seorang penyelidik W.P. Snow, yang telah menjelajah ke kawasan yang sama sepuluh tahun sebelumnya, telah memberikan gambaran yang berbeza. Menurut Snow, Tierra del Fuegians adalah "sahabat-sahabat yang perkasa dan baik; mereka amat menyayangi anak-anak mereka; sebahagian daripada bahan artifak mereka mempunyai nilai seni yang tinggi; mereka mengiktiraf beberapa hak harta benda; dan mereka menerima kuasa autoriti beberapa wanita yang lebih berumur."¹⁰

Seperti yang dapat dilihat pada contoh ini, Darwin sememangnya seorang rasialis. Tambahan pula, seperti yang telah dikatakan oleh pengarang buku *What Darwin Really Said*, Benjamin Farrington, Darwin telah mengeluarkan banyak ulasan berkaitan dengan "**perbezaan ketara di antara manusia-manusia yang berbeza bangsa**" di dalam bukunya *The Descent of Man*.¹¹

Lebih daripada itu, teori Darwin yang mengingkari kewujudan Tuhan, telah menyebabkan manusia tidak menyedari bahawa mereka adalah ciptaan Tuhan dan semua manusia telah dijadikan sama rata. Dan ini merupakan salah satu faktor di sebalik peningkatan rasisme dan penerimaannya di dunia. Seorang pakar sains Amerika James Ferguson telah mengumumkan kaitan di antara penafian ciptaan dan peningkatan fahaman rasisme seperti berikut:

Ilmu antropologi baru akan menjadi satu medan teori di antara dua aliran pemikiran yang berbeza tentang asal usul hidupan. Aliran yang tertua dan lebih kukuh ialah "monogenisme", kepercayaan bahawa semua manusia, tanpa mengira warna kulit dan sifat-sifat lain, berasal terus daripada Adam dan terhasil daripada ciptaan Allah. Monogenisme telah disebarluaskan oleh gereja dan telah diterima luas sehingga abad ke-19, apabila penentang kepada teori ini mula menyemarakkan teori "poligenisme" (teori evolusi) yang percaya bahawa komuniti-komuniti yang berbeza mempunyai asal usul yang berbeza.¹²

Seorang antropologis India Lalita Vidyarthi menerangkan bagaimana teori evolusi Darwin telah menyebabkan rasisme diterima oleh sains-sains kesosialan:

Teori beliau (Darwin) tentang 'yang kuatlah, yang terus hidup' telah dialukan oleh para pakar sains kesosialan hari ini, dan mereka percaya manusia telah mencapai peringkat-peringkat evolusi tertentu yang mencapai kemuncaknya pada tamadun bangsa kulit putih. **Pada separuh kedua abad ke-19, rasisme talah diterima sebagai satu fakta oleh majoriti para pakar sains Barat.**¹³

Sementara itu, bagi penyokong-penyokong Darwin yang datang selepasnya, mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan pandangan rasialisnya. Untuk melakukannya, mereka tidak langsung merasa bersalah untuk mereka banyak ketidakajaran saintifik dan pembohongan. Mereka menjangkakan bahawa apabila mereka telah berjaya membuktikannya, mereka akan memperolehi bukti secara saintifik kedudukan dan "hak" mereka untuk menindas, menjajah, dan malah memusnahkan bangsa lain, sekiranya ianya diperlukan.

Di dalam buku ketiganya *The Mismeasure of Man*, Stephen Jay Gould telah menggariskan bahawa sebahagian antropologis telah memalsukan data-data mereka untuk membuktikan "kedudukan" bangsa kulit putih. Menurut Gould, cara yang sering mereka gunakan ialah dengan memalsukan saiz otak tengkorak-tengkorak yang telah difosilkan dan ditemui mereka. Gould menyebutkan di dalam bukunya bahawa, anggaran saiz otak mempunyai kaitan dengan kebijaksanaan, ramai antropologis menambah saiz tengkorak orang kulit putih dan mengurangkan saiz tengkorak orang-orang kulit hitam dan India.¹⁴

Di dalam buku beliau *Ever Since Darwin*, Gould menerangkan dakwaan pelik penyokong-penyokong Darwin yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa sebahagian bangsa adalah berkasta rendah:

Haeckel dan rakan-rakannya juga mencapai kesimpulan yang mengesahkan ketinggian darjah bangsa kulit putih Eropah Utara. Mereka telah meneliti bukti-bukti anatomi dan kelakuan manusia, dengan menggunakan apa sahaja yang dapat mereka temui daripada otak ke pusat. Herbert Spencer menulis bahawa "kebijaksanaan mereka yang tidak bertamadun... adalah sama dengan kanak-

kanak yang bertamadun". Carl Vogt menyatakan dengan lebih keras pada 1864; "Kelakuan orang dewasa Negro, jika dilihat kepada kebijaksanaannya, adalah sama dengan kanak-kanak... Beberapa bangsa telah mengasaskan bandar-bandar, memiliki sebuah organisasi yang hebat, tetapi, bagi sebahagian yang lain, kita dapat perhatikan bahawa seluruh bangsa ini, samada dahulu dan juga sekarang, tidak memamerkan apa-apa yang menjurus ke arah pembangunan manusia atau sesuatu yang layak dipelihara".¹⁵



Stephen Jay Gould dan bukunya yang mendedahkan sifat rasis Darwin.



Dan seorang pakar anatomi perubatan Perancis, Etienne Serres bermatian mendakwa bahawa lelaki bangsa kulit hitam adalah primitif hanya kerana pusatnya berada pada paras yang lebih rendah.

Seorang evolusionis sezaman dengan Darwin, Havelock Ellis, menyokong perbezaan di antara bangsa-bangsa maju dan bangsa-bangsa mundur dengan sebuah penjelasan "saintifik", dengan mengatakan bahawa:

Kanak-kanak bagi kebanyakan bangsa Afrika berada pada tahap kebijaksanaan yang lebih rendah daripada kanak-kanak Eropah, ketika kanak-kanak Afrika tersebut membesar menjadi bodoh dan lembab, dan seluruh kehidupan sosialnya berada di dalam keadaan rutin yang sempit, kanak-kanak Eropah pula mengecapi zaman kanak-kanak yang riang.¹⁶

Seorang pakar antropologi penyokong Darwin Perancis, Vacher de Lapouge menyarankan di dalam hasil kerja beliau bertajuk *Race et Milin Social Essais d'Anthroposociologie* (Paris 1909) bahawa kelas bukan kulit putih adalah keturunan manusia liar yang tidak belajar untuk bertamadun, atau contoh kelas darah campuran yang mundur. Beliau mendapatkan keputusan tersebut dengan mengukur tengkorak golongan atasan Paris dan golongan bawahan di kubur. Berdasarkan keputusan beliau, berdasarkan kepada tengkorak-tengkorak mereka sebahagian manusia lebih cenderung untuk menjadi kaya, berkeyakinan diri dan merdeka, dan sebahagian yang lain bersifat konservatif, berpuas hati dengan yang sedikit, dan memiliki semua kualiti yang sesuai sebagai seorang hamba yang baik, kelas-kelas adalah hasil daripada pemilihan kesosialan, masyarakat kelas atasan berada bersama dengan bangsa-bangsa maju, darjah kesihatan ditentukan oleh indeks tengkorak. Lapouge kemudian telah membuat satu ramalan, "Saya berpandangan bahawa pada tahun-tahun mendatang ini manusia akan saling berbunuhan di antara satu sama lain kerana kepala mereka telah pusing atau pening"¹⁷, dan ramalan ini telah menjadi kenyataan, seperti yang akan kita lihat dengan lebih terperinci di dalam bab-bab berikutnya di dalam buku ini, dan abad ke-20 telah menyaksikan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan kerana rasisme...!

Dan bukan hanya pakar antropologi: pakar entomologi (mereka

yang mengkaji serangga) juga telah memberikan sokongan kepada rasialis yang telah dirangka oleh Darwinisme dengan dakwaan yang tidak dapat diterima akal. Sebagai contoh, pada tahun 1861, seorang pakar entomologi Inggeris telah mencapai satu konklusi, selepas mengumpulkan kutu yang hidup di tubuh manusia di bahagian-bahagian yang berbeza di seluruh dunia, bahawa kutu satu bangsa tidak dapat hidup di atas badan orang lain, yang apabila dilihat pada peringkat sains hari ini, ia sememangnya mengarut.¹⁸ Apabila mereka yang berstatus pakar sains sanggup membuat pengumuman seperti ini, maka tidak hairanlah sebahagian rasialis dogmatik boleh menggunakan slogan-slogan yang tidak logik, tidak masuk akal, dan sama sekali tidak bererti seperti "kutu Negro pun adalah Negro juga."

Kesimpulannya, rasialis yang menyebelahi teori Darwin telah mendapat tanah subur pada pertengahan kedua abad ke-19. Kerana pada masa itu bangsa kulit putih Eropah sedang ternanti-nanti satu teori yang menyokong jenayah-jenayah mereka sendiri.

Penjajahan dan Darwinisme British

Negara yang mendapat untung daripada pandangan rasialis Darwin ini ialah negara Darwin sendiri, Britain. Pada tahun-tahun ketika Darwin mengemukakan teorinya, Great Britain berada pada kedudukan untuk membentuk empayar jajahan nombor satu di dunia. Semua sumber-sumber semula jadi di kawasan menganjur daripada India ke Amerika Latin telah dieksplotasi oleh Empayar British. "Orang-orang kulit putih" telah merompak seluruh dunia untuk kepentingan mereka sendiri.

Tetapi, sudah tentu, dengan dimulakan dengan Great Britain, tidak satu pun negara penjajah yang mahu dikenali sebagai "perompak" dan untuk terus dikenali di dalam lipatan sejarah seperti itu. Kerana itu, mereka mencari-cari penjelasan untuk membuktikan bahawa apa yang

mereka lakukan adalah betul. Seperti penjelasan yang menggambarkan orang-orang yang telah dijajah ini sebagai "manusia primitif" atau "makhluk seperti haiwan". Dengan cara ini, mereka yang dibunuh beramai-ramai dan mendapat layanan yang tidak berperikemanusiaan tidak akan dilihat sebagai manusia, tetapi sebaliknya sebagai makhluk separuh-manusia separuh-haiwan, dan layanan buruk yang mereka terima tidak akan dianggap sebagai satu jenayah.

Sebenarnya pencarian ini bukannya baru: penyebaran awal penjajahan di dunia ini bermula pada abad ke-15 dan 16. Dakwaan yang menyatakan bahawa sebahagian bangsa manusia mempunyai sifat-sifat separuh-haiwan telah dikemukakan untuk pertama kalinya oleh Christopher Columbus di dalam pengembaraannya ke Amerika. Menurut dakwaan ini, Orang Asli Amerika bukan manusia, tetapi satu spesies haiwan yang telah berkembang. Kerana itu, mereka layak berkhidmat untuk penjajah-penjajah Sepanyol.

PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI KE ATAS PENDUDUK PERIBUMI AMERIKA:

Setelah penemuan Amerika oleh Columbus, telah bermula pembunuhan beramai-ramai penduduk peribumi Amerika.



Walau berapa hebat Columbus digambarkan di dalam filem tentang penemuan Amerika sebagai seorang yang telah menonjolkan watak yang baik dan berperikemanusiaan kepada orang-orang asli, tetapi sebenarnya Columbus tidak pernah menganggap orang-orang asli ini sebagai manusia.¹⁹

Christopher Columbus adalah orang pertama yang melakukan pembunuhan beramai-ramai. Columbus telah menubuhkan koloni Sepanyol di tempat-tempat yang dijelajahinya, menjadikan orang-orang asli sebagai hamba dan dia juga bertanggungjawab untuk memulakan perniagaan hamba-hamba. "Penaklukan" Sepanyol menyaksikan polisi penindasan dan eksplotasi yang telah diamalkan oleh Columbus, dan telah meneruskannya: pembunuhan beramai-ramai yang telah dilakukan telah mencapai satu dimensi yang tidak dapat dipercayai. Sebagai contoh, populasi sebuah pulau, adalah 200,000 apabila Columbus mula sampai ke situ, dan menjadi 50,000 sahaja 20 tahun kemudian, dan pada 1540 hanya seribu yang masih tinggal. Apabila penakluk Sepanyol yang terkenal, Cortes, pertama kali menjejakkan kakinya ke Mexico pada Februari 1519, jumlah populasi orang asli ialah 25 juta, tetapi pada 1605 ia telah menurun kepada 1 juta sahaja. Di pulau Hispaniola, populasi yang asalnya adalah 7-8 juta pada 1492, telah jatuh kepada 4 juta pada 1496, dan hanya tinggal 125 orang pada 1570. menurut pandangan ahli sejarah, kurang seabad Columbus menjejakkan kakinya ke benua tersebut 95 juta telah dibunuh beramai-ramai oleh penjajah. Ketika Columbus menemui Amerika, terdapat 30 juta orang asli tinggal di benua tersebut. Hasil daripada pembunuhan beramai-ramai sejak dahulu sehingga sekarang, mereka telah berada pada kedudukan menjadi satu bangsa yang berpopulasi kurang daripada 2 juta.

Queen Victoria dan pelakon utama di dalam pembunuhan beramai-ramai di atas, Cortes dari Sepanyol.



Sebab pembunuhan beramai-ramai ini mencapai kepada kadar yang menyayat hati ini adalah kerana orang-orang asli ini tidak dilihat sebagai manusia, tetapi sebaliknya sebagai binatang.

Tetapi dakwaan penjajah ini tidak mendapat banyak sokongan. Di Eropah pada masa yang sama, kenyataan bahawa manusia telah dijadikan sama rata oleh Tuhan dan mereka semua adalah keturunan daripada seorang moyang - Adam - telah diterima dengan meluas, di mana Gereja Katolik telah mengambil kedudukan yang jelas menentang pencerobohan perompak. Salah satu contoh terbaik ialah jawapan paderi Chiapas, Bartolome de las Casas, yang turut sama menjejakkan kaki ke Dunia Baru bersama dengan Columbus, yang menyatakan bahawa orang-orang asli itu "setiap mereka adalah manusia," sebagai jawapan kepada dakwaan para penjajah bahawa orang-orang asli tersebut adalah "satu spesies haiwan". Paus Paul III telah mengecam layanan ganas terhadap orang-orang asli di dalam satu perintah rasminya pada 1537, dan mengisytiharkan bahawa orang-orang asli adalah manusia sebenar yang mempunyai kemampuan untuk kepercayaan agama.²⁰

Tetapi pada abad ke-19 keadaan ini telah berubah. Bersama dengan tersebarinya fahaman falsafah materialis dan kerenggangan masyarakat daripada agama, kenyataan bahawa manusia telah dijadikan oleh Tuhan mula dinafikan. Ini, seperti yang telah disebutkan di halaman terdahulu, berlaku pada masa yang sama dengan peningkatan rasialisme.

Dengan perkembangan falsafah Darwinisme-materialis pada abad ke-19, rasialisme telah menjadi bertambah kuat, dan ini telah membentuk sokongan yang hebat kepada sistem imperialis Eropah.

James Joll, yang telah meluangkan banyak masa sebagai profesor sejarah di beberapa buah universiti seperti Oxford, Stanford dan Harvard, di dalam buku beliau Europe Since 1870, yang masih digunakan sebagai buku teks di universiti-universiti, telah menerangkan hubungan ideologi antara Darwinisme, imperialisme, dan rasialisme:

Kumpulan-kumpulan idea terkenal yang mengaspirasikan konsep imperialis ialah mereka yang diklasifikasikan sebagai “Darwinisme kesosialan”, yang melihat hubungan di antara negara-negara sebagai perjuangan untuk hidup yang berterusan, di mana sebahagian bangsa dianggap sebagai “lebih maju” daripada yang lain di dalam satu proses evolusi, di mana yang terkuat perlu memperkuuhkan diri mereka.

Charles Darwin, seorang pakar sains berbangsa Inggeris di mana buku beliau *The Origin of Species*, telah diterbitkan pada tahun 1859, dan *The Descent of Man*, seterusnya pada tahun 1871, telah mencetuskan kontroversi yang memberikan kesan kepada berbagai cabang pemikiran Eropah... Idea-idea Darwin, dan rakan-rakan sezamannya seperti ahli falsafah Inggeris Herbert Spencer,... telah menimbulkan persoalan-persoalan yang jauh daripada sains... Elemen Darwinisme yang muncul di dalam pembangunan masyarakat adalah kepercayaan yang menyatakan bahawa peningkatan populasi melebihi keperluan sokongan memerlukan satu pertembungan untuk hidup yang konsisten di mana yang terkuat akan menang.

Daripada itu, mudahlah bagi pemikir-pemikir sosial memberikan sokongan moral kepada kepercayaan ‘yang kuatlah, yang terus hidup’, supaya dengan itu, spesies dan bangsa yang selamat adalah mereka yang secara moralnya layak sahaja.

Doktrin pilihan semula jadi dapat seiringan dengan pemikiran-pemikiran lain yang telah dimajukan oleh seorang penulis Perancis, Count Joseph-Arthur Gobineau, yang telah menerbitkan ‘An Essay on the Inequality of Human Races’ pada tahun 1853. Gobineau menegaskan bahawa faktor paling utama di dalam pembangunan ialah bangsa; dan bangsa-bangsa yang maju ialah mereka yang menjaga kesempurnaan jati diri bangsa mereka. Kerana itu, menurut Gobineau, bangsa Aryan adalah bangsa yang paling berjaya... Houston Stewart Chamberlain ialah orang yang bertanggungjawab mengetengahkan sebahagian daripada idea ini... Hitler sendiri mengagumi penulis ini (Chamberlain) dengan menziarahi beliau di akhir hayatnya pada 1927.²¹

Seperti yang telah dibuktikan, terdapat rantai ideologi yang menghubungkan Darwin kepada pemikir-pemikir rasialis dan imperialis, dan berlanjutan sehingga kepada Hitler. Darwinisme adalah ideologi asas kepada imperialisme, yang telah menenggelamkan dunia di dalam lautan darah pada abad ke-19, dan Nazisme yang telah melakukan perkara yang

sama pada abad yang ke-20.

Ratu Victoria Great Britain juga menerima sebagai "ideologi asas" di dalam Darwinisme. Great Britain telah mendapat keuntungan besar melalui penjajahan, dan tidak ada sebab untuk mereka tidak mengundang bencana ke atas mereka yang tinggal di bawah penjajahan tersebut untuk keuntungan mereka sendiri. Satu contoh permainan politik kotor imperialisme ialah "Perang Candu" menentang China. Great Britain mula menyeludup masuk dadah candu yang ditanam di India ke China sejak suku pertama abad ke-19. Penyeludupan candu ini telah dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mendapatkan defisit yang baik di dalam dagangan luar. Lambakan dadah ini ke negara ini telah memberi kesan yang melemahkan autoriti negara China terhadap jajahannya sendiri. Keruntuhan masyarakat akhirnya mencapai ke satu dimensi yang serius. Pengharaman candu yang terpaksa dilakukan oleh kerajaan China setelah sekian lama merasa ragu, telah membawa kepada Perang Candu yang pertama (1838-1842). Tidak dapat dinafikan lagi bahawa peperangan ini telah menyebabkan China muflis. China terpaksa menundukkan kepalanya kerana penyusutan angkatan tenteranya di dalam setiap konfrontasi dengan kuasa luar dan menerima permintaan mereka yang sentiasa meningkat. Barat pula telah mula menduduki kawasan jajahan China sedikit demi sedikit daripada tahun 1842. Mereka telah mengambil pelabuhan konsesi daripada tangan China, menyewa ladang-ladang mereka, dan memaksa negara tersebut membuka kepada negara luar dengan cara yang memberikan keuntungan yang berlipat kali ganda kepada mereka. Hasil daripada ini, kemiskinan di dalam negara, kelemahan kerajaan, dan kehilangan kawasan jajahan China secara pelahan-lahan, telah membawa banyak pemberontakan.

Pengalaman di China hanyalah satu contoh hasil polisi British. Sepanjang abad ke-19, dimensi penindasan dan penderitaan imperialisme British telah dialami oleh mereka yang berada di kawasan-kawasan seperti Afrika Selatan, India dan Australia.

Tugas untuk menjustifikasikan sistem British yang menindas ini dan berusaha untuk menonjolkan ia adalah wajar, telah jatuh ke bahu para pakar sosiologi dan pakar sains British. Dan Darwinlah yang paling utama dan berkesan di kalangan mereka. Darwinlah yang telah mendakwa melalui evolusi terdapatnya "bangsa atasan", iaitu "bangsa kulit putih",

PENIPUAN PILTDOWN MAN

Salah satu petanda inspirasi teori evolusi tawarkan kepada imperialisme British, ialah skandal Piltdown Man.

Pada 1912, sebiji tengkorak aneh telah ditemui di Piltdown, England. Charles Dawson, pakar sains yang telah menemui tengkorak tersebut bersama kumpulannya, mendakwa ia adalah kepunyaan satu makhluk separuh beruk-separuh manusia. Arthur Keith, seorang pakar anatomi dan penyokong evolusi terkenal telah menjalankan uji kaji ke atasnya dan mengesahkan hasilnya.


Bagaimanapun, Dawson dan Keith telah menekankan satu fakta penting. Fosil tengkorak ini adalah sama besarnya dengan manusia moden. Tetapi, rahangnya mempunyai sifat-sifat beruk.

Secara tiba-tiba tengkorak Piltdown Man telah menjadi satu kebanggaan kepada British. Memandangkan tengkorak tersebut telah ditemui di England, sudah tentu ia adalah moyang bangsa British. Menurut rakyat British, keluasan otak yang besar menunjukkan bahawa bangsa British telah berkembang maju sebelum bangsa-bangsa lain, dan lebih tinggi daripada bangsa-bangsa lain.

Kerana itulah, penemuan Piltdown Man telah menggegarkan England. Akhbar-akhbar menyikannya di muka depan dan orang ramai merayakan penemuan ini dengan gembira. Kerajaan British telah menganugerahkan darjah kehormatan kepada Arthur Keith di atas penemuan masyhurnya ini. Don Johanson, menggambarkan hubungan di antara fosil Piltdown Man dan imperialisme English:

Penemuan Piltdown Man adalah amat berpusat pada kebanggaan Europa. Tidak hanya otak tersebut mempunyai kemuliaan, tetapi bangsa Inggeris juga mempunyai kemuliaan yang sama.*

Inspirasi yang English kecapi daripada Piltdown Man ini hanya berlangsung sehingga 1953, apabila Kenneth Oakley, seorang pakar sains yang telah mengkaji semula fosil tersebut secara terperinci, telah mendedahkan bahawa ia adalah penipuan terbesar abad ini. Fosil tersebut telah dihasilkan dengan menggabungkan rahang orang utan kepada sebiji tengkorak manusia.



*Don Johanson, *In Search of Human Origins*, 1994 WGBH Educational Foundation

dan membuktikan bahawa penindasan orang-orang kulit putih ke atas orang lain adalah "undang-undang semula jadi".

Disebabkan oleh justifikasi yang Darwin kemukakan kepada rasisme penjajahan, seorang saintis terkenal, Kenneth J. Hsu, ketua jabatan geografi di Swiss Federal Institute of Technology yang juga berketurunan China, menggambarkan Darwin sebagai "seorang saintis daripada Era Victoria, dan seorang anggota pengasas sebuah masyarakat yang telah menghantar kapal-kapal penggempur untuk mengimport secara paksa candu ke China, semuanya disebabkan oleh persaingan (di dalam pasaran bebas) dan 'yang kuatlah, yang terus hidup'."²²

Kebencian Darwin Terhadap Bangsa Turki

Matlamat utama penjajahan British sepanjang akhir abad ke-19 ialah Empayar Uthmaniyyah.


Pada waktu itu Empayar Uthmaniyyah memerintah kawasan yang luas daripada Yaman ke Bosnia-Herzegovina. Tetapi kemudian ia menghadapi masalah untuk mengawal kawasan ini yang telah ditadbir secara aman, tenang dan stabil. Minoriti Kristian telah mula bangun di atas nama kemerdekaan, dan kuasa-kuasa ketenteraan yang hebat seperti Rusia telah mula mengancam kerajaan Uthmaniyyah.

Pada suku terakhir abad tersebut, British dan Perancis telah menyertai kuasa-kuasa yang sedang mengancam Uthmaniyyah. British telah mengawasi kawasan-kawasan selatan Uthmaniyyah. Perjanjian Berlin, yang ditandatangani pada 1878, adalah satu ekspresi pilihan penjajah-penjajah Eropah untuk membahagi kawasan-kawasan jajahan Uthmaniyyah. Lima tahun kemudian, pada 1882, British telah menduduki Mesir, yang merupakan sebuah tanah jajahan Uthmaniyyah. Penjajahan British telah mengatur rancangan untuk mengambil alih tanah-tanah jajahan Uthmaniyyah di Timur Tengah.

Seperti selalu, Britain mengasaskan polisi jajahannya berdasarkan rasisme. Kerajaan British cuba menggambarkan bangsa Turki, yang menjadi elemen asas Uthmaniyyah, dan secara keseluruhannya kerajaan Uthmaniyyah sebagai manusia yang "mundur".


Perdana Menteri British, William Ewart Gladstone secara terbuka telah menyatakan bahawa bangsa Turki adalah contoh manusia yang bukan manusia, dan demi tamadun mereka, mereka mesti diusir kembali ke padang rumput Asia dan dihapuskan daripada Anatolia.²³

Ini semua, dan kenyataan-kenyataan seperti ini telah digunakan oleh



KEBENCIAN DARWIN TERHADAP TURKI DI DALAM SURAT-SURAT PERIBADINYA:

Charles Darwin telah menggunakan teorinya untuk memasukkan di dalam politik Britain rancangan menentang kerajaan Uthmaniyyah, dan cuba membuktikan bahawa bangsa Turki adalah satu bangsa yang mundur. Sehingga ke hari ini, musuh-musuh Turki masih mendapatkan sokongan daripada teori Darwin yang tidak masuk akal ini.



kerajaan British selama beberapa dekad sebagai alat propaganda untuk menentang Uthmaniyyah. British cuba menggambarkan bangsa Turki sebagai satu bangsa yang mundur dan mereka harus menundukkan kepala mereka kepada bangsa-bangsa Eropah yang lebih maju.

"Asas saintifik" terkenal untuk propaganda ini adalah Charles Darwin!

Ulasan-ulasan Darwin berkaitan dengan bangsa Turki terdapat di dalam buku *The Life and Letters of Charles Darwin*, diterbitkan pada 1888. Darwin menganggarkan bahawa dengan menghapuskan "bangsa-bangsa mundur" ini, pilihan semula jadi akan memainkan peranan di dalam membangunkan tamadun, dan kemudian telah mengeluarkan kenyataan berikut berkenaan dengan bangsa Turki:

Saya dapat buktikan perjuangan di dalam pilihan semula jadi telah berlaku dan masih terus berlaku untuk perkembangan ketamadunan yang kamu cenderung untuk mengakuinya. Ingat apakah yang menaikkan bangsa-bangsa Eropah, beberapa abad dahulu ketika ditakluki oleh bangsa Turki, dan betapa mustahil idea seperti ini sekarang! Bangsa-bangsa kulit putih yang lebih maju telah menewaskan bangsa Turki di dalam perjuangan untuk hidup. Lihat kepada dunia hari ini, berapa banyak bangsa-bangsa bawahan telah dihapuskan oleh bangsa-bangsa yang lebih maju di seluruh dunia.²⁴

Kegilaan Darwin ini adalah satu alat propaganda yang ditulis untuk memberikan sokongan kepada polisi British untuk memusnahkan

KEMPEN GALLIPOLI:

Di dalam kempen Gallipoli tentera Turki telah berlawan menentang kekuatan musuh-musuhnya yang diketuai oleh British, dan mereka telah kehilangan 250,000 orang.



Empayar Uthmaniyyah. Dan alat propaganda ini sangat efektif. Kata-kata Darwin bahawa "Bangsa Turki akan hilang, ini adalah undang-undang evolusi", telah memberikan sokongan saintifik kepada propaganda British untuk mencetuskan dendam terhadap bangsa Turki.

Keinginan British untuk merealisasikan ramalan Darwin itu telah menjadi kenyataan pada Perang Dunia Kedua. Peperangan gergasi ini, yang bermula pada 1914, telah mencetuskan konflik di antara Jerman dan Austria-Hungary di sebelah pihak, dan perikatan British, Perancis, dan Rusia di sebelah pihak yang lain. Tetapi salah satu matlamat penting di dalam peperangan ini ialah untuk memusnahkan dan mengagih-agih Empayar Uthmaniyyah.

British telah menyerang Empayar Uthmaniyyah daripada dua arah yang berbeza. Yang pertama adalah barisan hadapan Canal, Palestin, dan Iraq, yang berusaha untuk merampas jajahan Uthmaniyyah di kawasan Timur Tengah. Yang kedua adalah barisan hadapan Gallipoli, salah satu peristiwa pertempuran paling berdarah di dalam Perang Dunia Pertama. Tentera Darat Turki telah bertempur bermati-matian dan telah kehilangan 250,000 orang untuk menghalang kekuatan musuh yang dikumpulkan oleh British. Sementara bagi pihak British, mereka telah menghantar lebih ramai askar India dan unit-unit Anzac yang telah diambil daripada jajahan-jajahan mereka seperti daripada Australia dan New Zealand untuk menentang orang-orang Turki, yang mereka lihat sebagai satu bangsa "yang ketinggalan", dan kemudian baru mereka menghantar askar mereka sendiri.


Gema permusuhan Darwin terhadap bangsa Turki telah berterusan selepas Perang Dunia Pertama. Kumpulan Neo-Nazi Eropah yang menyerang orang-orang Turki di Eropah masih membina inspirasi mereka daripada pendapat gila Darwin tentang bangsa Turki. Kata-kata Darwin terhadap bangsa Turki masih boleh didapati di dalam halaman-halaman internet musuh-musuh rasialis bangsa Turki. (lihat bab Perikatan Berdarah Di Antara Darwin dan Hitler)

Rasisme dan Masyarakat Darwinisme di Amerika

Masyarakat Darwinisme telah memberikan sokongan kepada rasialis dan imperialis di negara-negara lain juga, tidak hanya Britain. Kerana itu ia berkembang dengan pesatnya ke seluruh dunia. Kemuncak kepada penerimaan teori ini telah muncul seorang Presiden Amerika Theodore Roosevelt. Roosevelt adalah penyokong dan pelaksana program pembersihan etnik yang dijalankan menentang orang-orang asli di atas nama "perpindahan secara paksa". Di dalam buku *The Winning of the West*, beliau telah mengasaskan ideologi pembunuhan beramai-ramai, yang menegaskan bahawa perang kaum untuk menghapuskan orang-orang asli Amerika adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.²⁵ Sokongan utama beliau adalah Darwinisme, yang telah memberikannya peluang untuk mentakrifkan orang-orang asli tersebut sebagai satu spesies yang ketinggalan.

Roosevelt menyedari bahawa tidak ada satu pun persetujuan dengan orang-orang asli ini yang dihormati, dan ini juga telah memberikan satu

justifikasi yang salah di sebalik teori "bangsa mundur" ini. Pada 1871, Kongres telah mengabaikan semua perjanjian yang telah dibuat bersama dengan orang-orang asli Amerika dan bercadang untuk mengasingkan mereka di pulau kematian di mana mereka



Di dalam bukunya "The Winning of the West", presiden Amerika Syarikat, Theodore T. Roosevelt telah mengasaskan ideologi pembunuhan beramai-ramai, dan kemudian telah melaksanakannya.



dapat menanti kematian mereka. Sekiranya mereka tidak pernah diterima sebagai manusia, maka bagaimana segala perjanjian yang dilakukan bersama mereka dapat disahkan?

Roosevelt juga menganggarkan bahawa perang kaum yang disebutkan di atas memberikan kejayaan gemilang kepada penyebaran masyarakat yang bertutur Inggeris (Anglo-Saxons) ke seluruh dunia.²⁶

Salah seorang penyokong rasisme Anglo-Saxon, seorang penyokong evolusi Amerika dan juga seorang pegawai agama Protestan Josiah Strong, beliau berpegang kepada logik yang sama. Beliau pernah menulis kenyataan berikut:

Apabila dunia telah memasuki tahap baru dalam sejarahnya - persaingan bangsa-bangsa terakhir di mana Anglo-Saxon terlatih. Sekiranya saya tidak salah, bangsa yang kuat ini akan melepassi Mexico, terus ke kawasan Tengah dan Selatan Amerika, merintasi pulau-pulau di laut, hingga ke Afrika dan merentasinya. Dan tiada siapa dapat meragui bahawa **hasil daripada persaingan ini**

Pada akhir abad ke-19 dan 20 di Amerika, orang-orang kulit putih telah melayan orang-orang kulit hitam dengan kejam. Undang-undang dan aplikasinya menunjukkan dengan jelas bahawa orang kulit hitam tidak dianggap sebagai manusia. Ketika orang kulit putih hidup di dalam kemewahan, orang kulit hitam pula telah mendapat layanan yang tidak berperikemanusiaan.

adalah "yang kuatlah, yang terus hidup"?²⁷

Rasialis paling utama yang menggunakan Sosial Darwinisme untuk menjustifikasikan diri mereka sendiri adalah mereka yang memusuhi orang kulit hitam. Teori rasis mereka yang telah mengklafikasikan bangsa-bangsa kepada kasta-kasta dan menempatkan orang kulit putih sebagai bangsa paling maju dan bangsa kulit hitam sebagai bangsa yang paling primitif, telah dengan ghairahnya menganuti konsep evolusi ini.²⁸

Seorang ahli teori evolusi yang rasialis paling terkenal, Henry Fairfield Osborn, telah menulis di dalam sebuah artikel bertajuk *The Evolution of Human Race* bahawa "darjah kebijaksanaan seorang Negro dewasa adalah sama dengan seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun daripada spesies *Homo sapiens*".²⁹

Berdasarkan logik mereka, orang kulit hitam sama sekali bukan manusia. Salah seorang penyokong fahaman rasialis evolusi, Carleton Coon, telah mengemukakan di dalam buku beliau *The Origin of Race*, yang telah diterbitkan pada 1962, bahawa bangsa kulit hitam dan bangsa kulit putih adalah dua spesies berbeza yang telah berpecah di antara satu sama lain ketika zaman *Homo Erectus*. Menurut Coon, ekoran daripada perpecahan tersebut, orang kulit putih telah berkembang dengan lebih pesat. Penyokong-penyokong diskriminasi menentang orang-orang kulit hitam telah menerima penjelasan saintifik ini sejak berzaman.

Kewujudan satu teori saintifik yang menyokongnya telah menyebabkan rasisme berkembang dengan pesatnya di Amerika. W. E. Dubois, yang dikenali sebagai seorang yang menentang diskriminasi kaum, menyatakan bahawa "masalah abad ke dua puluh ialah masalah warna kulit". Menurut beliau, masalah rasisme yang akan tersebar dengan sebegini luasnya di dalam sebuah negara yang ingin menjadi negara demokrasi paling hebat, dan yang dari satu segi telah pun mencapainya, adalah paradoks yang tidak kurang pentingnya. Pembasmian penghambaan tidak hanya memadai dengan pembentukan persaudaraan

di antara orang kulit hitam dan kulit putih. Beliau berpendapat bahawa diskriminasi secara rasmi, yang telah dibentuk di dalam masa yang singkat, yang pada masa kini telah berubah menjadi satu situasi yang nyata dan bersifat sah, adalah satu jalan keluar yang masih dicari-cari.³⁰


Pembentukan undang-undang diskriminasi perkauman pertama "Jim Crow Laws" (Jim Crow adalah nama hina bagi orang kulit hitam yang digunakan oleh orang kulit putih), juga telah berlaku pada masa ini. Orang-orang kulit hitam tidak langsung dilayan sebagai manusia, dan ditekan dan dilayan dengan penuh kebencian di mana-mana sahaja: tambahan pula ianya bukan hanya satu sifat beberapa orang rasialis secara individu tetapi sebaliknya ia telah ditetapkan oleh kerajaan Amerika Syarikat dengan undang-undangnya sendiri. Sebaik sahaja selepas undang-undang pertama yang memperkenalkan pengasingan di dalam pengangkutan keretapi dan trem yang telah dijalankan di Tennessee in 1875, seluruh negeri-negeri Selatan telah mengamalkan pengasingan di dalam pengangkutan-pengangkutan keretapi mereka. Papan tanda "untuk orang kulit putih sahaja" dan "untuk orang kulit hitam" telah digantung di mana-mana. Sebenarnya semua ini hanya membuktikan penerimaan status rasmi kepada satu situasi yang telah pun wujud. Perkahwinan di antara dua bangsa yang berbeza adalah haram. Berdasarkan undang-undang ini, pengasingan hanya diwajibkan di hospital, penjara, dan kubur. Tetapi ia juga telah dipraktikkan di hotel, teater, perpustakaan, dan malah di lif dan gereja. Bidang di mana pengasingan ini paling dirasai ialah di sekolah. Ini adalah praktis yang memberikan kesan yang hebat kepada orang-orang kulit hitam dan merupakan halangan terbesar terhadap pembangunan kebudayaan mereka.

Pelaksanaan pengasingan kaum telah diiringi oleh satu gelombang keganasan. Ia telah meningkatkan jumlah pembunuhan tanpa pengadilan. Sekitar 1890 dan 1901 kira-kira 1,300 orang kulit hitam telah dibunuh tanpa bicara. Hasil daripada pelaksanaan ini orang-orang kulit hitam

telah mula memerontak di beberapa negeri.

Pandangan dan teori rasialis telah mengiringi zaman ini. Kemudian,

rasisme biologi Amerika dapat dilihat di dalam satu hasil kajian yang dicapai oleh metode ukuran tengkorak R. B. Bean, dan di sebalik alasan untuk melindungi masyarakat



PENINDASAN KE ATAS BANGSA KULIT HITAM:

Ku Klux Klan adalah sebuah kumpulan yang telah melakukan serangan paling ganas ke atas bangsa kulit hitam. Rantai di dalam gambar ini telah digunakan untuk merantai hamba-hamba kulit hitam sesama sendiri.

benua baru daripada migrasi yang tidak terkawal, sejenis rasisme Amerika telah mula berkembang. Madison Grant, pengarang buku *The Passing of the Great Race*, telah mencatatkan bahawa kacukan dua bangsa akan membuka jalan kepada meningkatkan satu bangsa yang lebih primitif daripada spesies yang maju, dan dia mahu supaya perkahwinan campur disekat.³¹

Dia juga mahu supaya perkahwinan campur disekat.

Rasisme telah pun wujud di Amerika sebelum Darwin, seperti yang terjadi di seluruh dunia. Tetapi seperti yang telah kita saksikan, Darwinisme telah memberikan pandangan dan polisi rasialis sokongan padu pada pertengahan kedua abad ke-19. Sebagai contoh, seperti yang dapat kita saksikan di dalam bab ini, apabila orang-orang rasialis mengemukakan pandangan-pandangan mereka, mereka menggunakan dakwaan-dakwaan Darwin sebagai slogan. Ideal-ideal yang dianggap sebagai bahaya sebelum Darwin, kini telah mula diterima sebagai undang-undang semula jadi.

Polisi Kejam Rasialis Secara Darwin: Penghapusan Orang-orang Aboriginal


Orang-orang asli Australia dikenali sebagai Aboriginal. Mereka yang tinggal di benua tersebut beratus-ratus tahun telah mengalami penghapusan paling besar di dalam sejarah dengan peluasan pendudukan orang-orang Eropah di negara tersebut. Asas ideologi penghapusan ini ialah Darwinisme. Pandangan ideologi Darwinis tentang orang-orang Aboriginal telah membentuk teori liar yang telah menyeksa mereka.

Pada tahun 1870 Max Muller, seorang pakar antropologi penyokong evolusi daripada *London Anthropological Review*, telah membahagikan bangsa-bangsa manusia kepada tujuh kategori. Aboriginal telah ditempatkan pada kedudukan yang paling bawah, dan bangsa Aryan,



PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI BANGSA ABORIGIN:

Bangsa peribumi Australia, Aboriginal, telah dilihat sebagai satu spesies manusia yang tidak membangun oleh para penyokong evolusi dan telah dibunuh beramai-ramai.



iaitu bangsa kulit putih Eropah, berada pada kedudukan yang paling atas. H. K. Rusden, seorang Sosial Darwinis terkenal, telah menerangkan seperti berikut tentang Aboriginal pada 1876:

Konsep 'yang kuatlah, yang terus hidup' bererti yang gagah sentiasa betul. Dan kita perlu membangkitkan dan memenuhi undang-undang pilihan semula jadi ini apabila menghapuskan bangsa-bangsa Australia dan Maori yang inferior ini... dan kita membahagikan harta warisan mereka dengan baik.³²

Dan pada tahun 1890 Timbalan Presiden Royal Society di Tasmania, James Barnard, telah menulis: "proses pemusnahan ini adalah satu prinsip evolusi dan 'yang kuatlah, yang terus hidup' yang telah diterima umum".

Oleh itu adalah tidak perlu untuk beranggapan bahawa "telah berlaku kecuaian yang teruk" di dalam pembunuhan dan pencabulan terhadap orang-orang Aboriginal Australia.³³

Hasil daripada pandangan rasialis,

ganas, dan liar yang telah dipupuk oleh Darwin ini, satu operasi pembunuhan beramai-ramai telah dijalankan untuk menghapuskan orang-orang Aborigin ini. Kepala Aborigin telah dipaku di pintu-pintu stesen. Roti beracun telah diberikan kepada keluarga-keluarga Aborigin. Di kebanyakan kawasan-kawasan Australia, kawasan penempatan Aborigin telah dihapuskan dengan cara yang ganas dalam masa 50 tahun.³⁴

Polisi-polisi yang ditujukan kepada orang-orang Aborigin ini tidak hanya terhenti dengan pembunuhan beramai-ramai. Ramai di antara mereka yang dilayan sebagai haiwan-haiwan eksperimen. Institut Smithsonia di Washinton D.C. telah menyimpan 15,000 orang bangsa ini yang masih berbaki. 10,000 orang Aborigin Australia telah dihantar dengan kapal laut ke Museum British dengan tujuan untuk memastikan samada mereka benar-benar adalah "rantaian yang hilang" di dalam perubahan daripada haiwan kepada manusia.

Muzium-muzium ini tidak hanya berminat dengan tulang-tulang mereka, tetapi dalam masa yang sama juga mereka menyimpan otak kepunyaan orang-orang Aborigin ini dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang Aborigin ini juga dibunuuh untuk digunakan sebagai spesimen. Fakta di bawah membuktikan keganasan ini:

Memoir sebelum mati daripada Korah Wills, yang telah menjadi datuk bandar Bowen, Queensland pada 1866, telah menceritakan bagaimana dia telah membunuh dan memenggal seorang orang asli tempatan pada tahun 1865 untuk mendapatkan spesimen sains. Edward Ramsay, pegawai kurator Australian Museum di Sydney sejak 20 tahun daripada tahun 1874, juga telah terlibat sama. Beliau telah menerbitkan sebuah risalah yang memasukkan Aborigin di bawah tajuk "haiwan-haiwan Australia". Ia juga memberikan panduan tidak hanya bagaimana hendak merompak kubur, tetapi juga bagaimana untuk mencabut peluru daripada daging "spesimen" yang telah dibunuuh.

Seorang penyokong evolusi Jerman, Amalie Dietrich (digelar juga 'Angel of Black

Death') telah datang ke Australia bertanyakan pemilik-pemilik stesen tentang Aboriginal untuk dibunuh bagi mendapatkan spesimen, selalunya kulit sebagai sarung pelapik dan rangka untuk majikan muziumnya. Walaupun, pernah dihalau sekurang-kurangnya sekali, tetapi dalam masa yang singkat beliau telah kembali bersama spesimennya.

Seorang mualih New South Wales adalah saksi kepada penyembelihan oleh polis ke atas berdozen-dozen Aboriginal, lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Empat puluh lima kepala telah dididihkan dan 10 tengkorak yang sempurna telah dibungkus untuk luar negara.³⁵

Eksperimen ke atas orang-orang Aboriginal ini telah berlanjut sehingga abad ke-20. Di antara metode yang digunakan di dalam eksperimen ini ialah pemisahan secara paksa anak-anak Aboriginal daripada keluarga mereka. Cerita baru oleh Alan Thornhill, yang telah muncul di dalam edisi 28 April 1997 *Philadelphia Daily News*, telah menceritakan dengan panjang lebar tentang metode ini yang digunakan untuk menentang Aboriginal, seperti berikut:

KELUARGA-KELUARGA ABORIGIN MENCERITAKAN KEMBALI PENANGKAPAN MEREKA

Associated Press – Bangsa Aboriginal yang tinggal di padang pasir barat laut Australia, pernah melumurkan kulit anak-anak mereka yang cerah dengan arang, supaya kumpulan agen kerajaan tidak akan merampas mereka. "Kumpulan ini akan menangkap kamu apabila mereka menemui kamu", salah seorang kanak-kanak yang dicuri melaporkan, beberapa tahun kemudian. "Orang-orang kami akan menyembunyikan kami dan mewarnakan kami dengan arang".

"Saya telah dibawa ke Moola Bulla", kata seorang penggembala lembu yang telah diculik ketika masih kanak-kanak. "Kami berusia 5 atau 6 tahun". Kisah beliau adalah satu daripada beratus-ratus kisah yang telah didengari oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Hak Sama Taraf Australia, ketika siasatan ke atas "generasi yang dicuri". Daripada 1910 sehingga 1970-an, kira-kira 100,000 kanak-kanak Aboriginal telah diambil daripada ibu bapa mereka... Kanak-kanak Aboriginal yang berkulit cerah akan diberikan kepada keluarga-keluarga kulit

putih sebagai anak angkat. Kanak-kanak berkulit hitam pula menjadi yatim piatu.³⁶

Sehingga kini, kepedihannya amat dahsyat sehingga kebanyakan cerita-cerita telah dicetak secara diam-diam di dalam laporan akhir suruhanjaya, "Bringing Them Home". Suruhanjaya tersebut menyatakan bahawa tindakan autoriti ketika itu adalah bersamaan dengan pemusnahan bangsa seperti yang digambarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kerajaan telah menolak untuk mengikut penyiasatan yang dicadangkan di mana sebuah tribunal telah dibentuk untuk menilai bayaran ganti rugi untuk kanak-kanak yang diculik.

Seperti yang kita lihat, layanan tidak berperikemanusiaan ini, pembunuhan beramai-ramai, keganasan, kebuasan, dan pemusnahan yang dilakukan telah dijusfikasikan oleh tesis Darwin tentang "pilihan semula jadi", "perjuangan untuk terus hidup", dan "yang kuatlah, yang terus hidup"".

Segala penyeeksaan yang dialami oleh orang-orang asli Australia ini hanyalah sebahagian

OTA BENGÀ

Ota Benga adalah seorang peribumi Afrika. Beliau telah diperangkap seperti haiwan oleh penyelidik-penyalidik evolusi, dimasukkan di dalam sangkar, dan telah dipamerkan bersama dengan monyet-monyet di dalam sebuah zoo.



kecil daripada malapetaka yang dibawakan oleh Darwinisme kepada dunia.

Ota Benga

Apabila Darwin mendakwa di dalam *The Origin of Species* bahawa manusia telah membangun daripada satu moyang yang mereka kongsi bersama dengan monyet, maka pencarian terhadap fosil-fosil untuk menyokong senario ini bermula. Tetapi para pakar sains percaya bahawa makhluk "separuh-monyet separuh-beruk" tidak hanya dapat ditemui di dalam bentuk fosil-fosil sahaja, tetapi ia juga sebenarnya hidup di beberapa bahagian tertentu di dunia. Pada permulaan abad ke-20 pencarian "rantai yang hilang" telah menyebabkan banyak kejadian-kejadian ganas. Salah satu daripadanya ialah kisah manusia pigmi, Ota Benga.

Ota Benga telah ditangkap di Congo oleh seorang penyelidik penyokong evolusi bernama Samuel Verner pada 1904. Orang asli ini, yang namanya bermaksud "sahabat" di dalam bahasanya sendiri, telah berkahwin dan ayah kepada dua orang anak. Tetapi dia telah dirantai seperti binatang, dimasukkan ke dalam sangkar, dan kemudiannya dihantar ke USA. Di sini, para pakar sains evolusi telah memasukkannya ke dalam sebuah sangkar bersama dengan beberapa spesies monyet di St. Louis World Fair dan mempamerkannya sebagai "rantai paling hampir kepada manusia". Dua tahun kemudian mereka telah membawanya ke Zoo Bronx di New York dan mempamerkannya bersama dengan beberapa ekor cimpanzi, seekor gorila bernama Dinah dan seekor orang utan bernama Dohung, sebagai "moyang manusia paling tua". Pengarah zoo berkenaan yang juga seorang penyokong evolusi, Dr. William T. Hornaday, telah memberikan ucapan dengan panjang lebar tentang perasaan bangganya kerana berjaya memiliki "rangkaian yang hilang ini", dan para pelawat melayan Ota Benga di dalam sangkarnya seperti binatang. Satu edisi New York Times yang telah dicetak pada waktu itu menggambarkan

gelagat pengunjung-pengunjung seperti berikut:

Terdapat 40,000 pengunjung ke taman berkenaan pada hari Ahad. Hampir setiap orang tertumpu ke rumah monyet untuk melihat “bintang” tarikan di taman tersebut - Manusia Liar daripada Afrika. Mereka mengganggunya sepanjang hari, menjerit, mencemuh, dan menjerkahnya. Sebahagian mereka menjolok rusuknya, yang lain pula menyandungnya, semua mengertawakannya.³⁷

Edisi *New York Journal* pada 17 September 1906, menyatakan bahawa ia dilakukan untuk membuktikan evolusi, tetapi ia telah menghentamnya sebagai satu ketidakadilan dan keganasan yang nyata, di dalam petikan seperti berikut:

Manusia-manusia yang tidak berakal dan kebijaksanaan ini telah dipamerkan di dalam sangkar monyet, seorang manusia kerdil daripada Afrika. **Idea ini mungkin untuk menyemai beberapa pelajaran tentang evolusi.**

Sebenarnya, satu-satunya hasil yang diperolehi ialah penghinaan terhadap bangsa Afrika, yang sepatutnya mendapat simpati dan belas kasihan daripada orang-orang kulit putih di negara ini, setelah menempuh berbagai kekejaman di sini...

Adalah sesuatu yang memalukan dan menjijikkan bahawa nasib malang, kelemahan fizikal seorang manusia, yang telah dijadikan oleh Kuasa yang sama telah menjadikan kita dan menganugerahkan dengan perasaan yang sama dan jiwa yang serupa, perlu dikurung di dalam sangkar bersama dengan monyet dan dijadikan ejekan umum.³⁸

New York Daily Tribune juga telah memberikan ruang kepada kisah Ota Benga yang dipamerkan di zoo untuk membuktikan evolusi. Tindakan membela diri pengarah zoo tersebut yang juga adalah seorang penyokong Darwin, adalah sama sekali tidak berperikemanusiaan:

Pameran seorang pigmi Afrika di dalam sangkar yang sama dengan seekor orang utan di New York Zoological Park minggu lepas telah mencetuskan banyak kritikan. **Sebahagian menganggapnya sebagai satu cubaan pengarah Hornaday untuk mempamerkan hubungan rapat di antara Negro dan monyet.** Dr. Hornaday telah menafikannya, “Sekiranya sahabat kecil ini berada di dalam sangkar,” menurut Dr. Hornaday, “itu adalah kerana ia merasa selesa di sana, dan kerana kita tidak tahu apa yang hendak dilakukan kepadanya. Dia

bukannya seorang banduan, tetapi tidak ada orang yang merasakan bahawa adalah tindakan yang bijak sekiranya ia dibiarkan merayau-rayau di bandar tanpa ada orang mengawasinya.”³⁹

Ota Benga yang telah dipamerkan di dalam zoo bersama dengan gorila seperti seekor binatang telah mencetuskan rasa tidak senang hati berbagai golongan. Banyak yayasan telah memohon kepada pihak yang berkuasa untuk menghentikan perbuatan tersebut, dengan menegaskan bahawa Ota Benga adalah seorang manusia dan layanan yang diterimanya adalah sangat kejam. Salah satu permohonan tersebut telah disiarkan di dalam *New York Globe* pada 12 September 1906, seperti berikut:

Pengarang Globe,

Tuan – Saya tinggal di Selatan selama beberapa tahun, dan kerana itu saya tidak begitu senang dengan orang Negro, tetapi menerima mereka sebagai manusia. Saya rasa adalah sesuatu yang memalukan apabila pihak berkuasa bandar ini membenarkan perkara seperti ini yang dapat disaksikan di Bronx Park – seorang budak Negro, dipamerkan di dalam sangkar monyet...

Seluruh urusan orang pigmi ini perlu disiasat...

A.E.R.

New York, September 12⁴⁰

Permohonan yang lain pula mendesak supaya Ota Benga dilayan sebagai manusia, seperti berikut:

Pertunjukan Manusia dan Monyet Yang Tidak Dipersetujui oleh Paderi

Yang Mulia Dr. MacArthur Berpendapat Pameran ini Memalukan


“Orang yang bertanggung jawab ke atas pameran ini telah memalukan dirinya sendiri seperti mana dia telah memalukan orang Afrika” kata MacArthur. “Daripada menjadikannya binatang, dia sepatutnya dimasukkan ke sekolah untuk membangunkan kekuatan yang telah Tuhan berikan kepadanya”.

BANGSA ESKIMO DAN PELAKSANAAN RASISME

Seorang penyelidik Artik terkenal, Robert Peary telah membawa sekumpulan orang Eskimo Pole ke New York pada 1897. Anggota paling muda di dalam kumpulan ini ialah seorang budak bernama Minik. Kumpulan tersebut, termasuk Minik dan ayahnya, telah dipamerkan pada jangka yang panjang di American Museum of Natural History. Pada masa itu, ayah Minik telah menemui ajalnya kerana sakit. Minik tinggal sendirian dan tanpa pelindungan di New York. Suatu hari, Minik telah melihat tengkorak ayahnya sedang dipamerkan di American Museum of Natural History sebagai "satu contoh spesies". Walaupun, dia telah meminta kembali mayat ayahnya, lembaga muzium telah menolak permintaannya.

Fakta lain berkaitan dengan

kehidupan Minik ialah Robert Peary, penyelidik yang membawa Eskimo-eskimo ini ke Amerika, yang mempunyai pandangan rasialis. Walaupun beliau hidup di kalangan orang Eskimo, Peary secara terbuka beranggapan mereka tidak setara dengan gannya. Menurut Peary, Eskimo dan Negro adalah daripada bangsa-bangsa kelas bawahan. Walaupun, mereka kuat, bijak dan amanah, bekerja untuk keluarga mereka, mereka tidak sebaik bangsa kulit putih... Beliau pernah mengeluarkan kenyataan biadab seperti berikut: "Saya sering ditanya: Apakah nilai bangsa Eskimo kepada dunia? Mereka sama sekali tidak mempunyai sebarang nilai komersial: dan, lebih dari itu, mereka tidak mempunyai impian. Nilai hidup mereka adalah sama dengan seekor musang, atau seekor beruang, segalanya berdasarkan kepada naluri".¹ Tujuan beliau membawa Eskimo-eskimo ini ke Amerika telah dijelaskan oleh seorang penyelidik di dalam subjek ini: "Apakah tujuan Peary membawa Eskimo-eskimo ini ke New York? ... Mungkin Eskimo-eskimo ini hanyalah spesimen, seperti tengkorak dan rangka yang telah dikutipnya terdahulu, tetapi yang lebih menariknya ialah darah masih mengalir di dalam urat saraf mereka... Dia juga merasa tidak senang dengan mayat-mayat Eskimo lain yang diketahui nama



BANGSA ESKIMO DAN PELAKSANAAN RASISME ... sambungan

mereka, yang telah digalinya beberapa tahun terdahulu daripada kubur-kubur mereka dan mengangkatnya untuk menghiasi ruang muzium".²

Minik, Ota Benga, dan banyak lagi manusia yang tidak diketahui nama mereka, telah menerima layanan tidak berperikemanusiaan, di dalam berbagai cara, di tangan mereka yang dikenali sebagai "pakar sains" yang melihat sebahagian bangsa lain sebagai "bawahan".

-
1. *Ken Harper, Give Me My Father's Body, Steerforth Press, South Royalton, Vermont p. 8*

2. *Ken Harper, Give Me My Father's Body, Steerforth Press, South Royalton, Vermont p. 22*



METALITI RASIALIS MASIH WUJUD DAN MENDAPAT KEKUATAN DARIPADA DARWIN



Muslim News/November 2000

Racist prison murder

By Naima Chaudhury

A racist attack left 18-year-old Zainul Muhsin in a fatal coma just hours before he was due to be released. He died of severe head injuries and brain damage. Psychologist Robert Stewart was sentenced to life imprisonment at Kingston Crown Court earlier this month. Judge Mr Justice Gregson said: "An 18-year-old is a danger to himself and a danger to the public, especially for him is wholly appropriate". Stewart pleaded not guilty and when he was found guilty, this was turned against him, he verbally abused the judge and shouted a name-calling "N****r to Muhsin Family".

Zainul was sent hours away from being released from Feltham Young Offenders Institution after he spent 80-days in prison for participating in a week of same-faith and religious activities on a summer vacation. When he returned, he was beaten by

mothers by his visitors, holding a table leg in his right hand. Zainul was lying on his blood-soaked bed, Stewart said. "He looked shell-shocked or something... He said... 'It was an accident Day'." When asked why he carried out the attack, Stewart simply replied, "Because I felt like it." It was found that Stewart harboured extreme racist views, did one letter to a friend, Stewart wrote: "I'm going to break the Asian community of Great Britain... it's all about immigrants getting integrated into society, Racism, Polis, Bigotry, Christians, taking over the country and using us to build half castes." In a racial riot, it emerged he had written of murdering his cellmate, "I don't get but my *** I'll take someone tomorrow to get shipped out. I'll kill me ***** pad soon if I have to. I'll teach me shorts and policemen whores, make myself a K***r to the White nation."

In the very question posed by Solicitor for the Muslim Family, Imran Khan He believed that the sentence deserved to fit him, Feltham Young Offenders Institution and the Prison Service are not wholly innocent in this matter. Director General of the Prison Service, Martin Sirkey, said: "Zainul Muhsin's murder was a wicked crime by someone whom we now know to be a racist." And how true is that statement? The truth is that prison staff knew very well that prisoner held extreme racial prejudices, had racist tendencies and displayed anti-social behaviour... and yet proceeded to place Muhsin in the same cell as him. Stewart's present file showed that he had 19 previous convictions on his name including actual bodily harm and common assault. He had tried to escape from prison, and had previously been sent to prison for 17 days. There

Dr. Gilbert menyatakan dia telah membuat keputusan bahawa pameran ini adalah satu penghinaan dan beliau dan paderi-paderi lain akan bersama dengan Dr. MacArthur di dalam menguruskan supaya bangsa kaum Afrika ini dibebaskan daripada kandang monyet dan diletakkan di tempat lain.⁴¹

Kemuncak kepada semua layanan buruk ini ialah tindakan Ota Benga membunuh diri. Tetapi masalah yang berlaku di sini lebih hebat daripada seorang manusia kehilangan nyawanya. Tetapi ia adalah satu contoh yang jelas keganasan dan kebuasan yang rasisme secara Darwin ingin laksanakan.

Kebijaksanaan Datang Daripada Perangai, Bukan Darah

Gambaran Darwin terhadap manusia sebagai satu spesies yang telah berkembang dan pandangan beliau bahawa sebahagian bangsa masih belum menyempurnakan pembangunan mereka, dan sebagai spesies-spesies yang paling hampir dengan haiwan, adalah sangat berbahaya dan amat membinasakan di dalam sejarah manusia. Mereka yang menerima dakwaan Darwin ini sebagai panduan mereka dengan kejam telah menindas bangsa-bangsa lain, memaksa mereka tinggal di dalam keadaan yang teruk, dan malah menghapuskan mereka.

Bryan Appleyard, pengarang buku *Brave New Worlds*, menjelaskan mentaliti ganas yang mendasari rasisme, dan kesan daripadanya, seperti berikut:

Kenyataannya ialah apabila manusia menganggap anda sebagai satu makhluk yang lebih rendah kerana apa pun sebabnya, samada sebab khurafat atau saintifik, tidak akan ada batasan keganasan yang akan mereka lakukan kepada kamu. Dan mereka akan merasakan bahawa perasaan ganas mereka telah dijustifikasikan sepenuhnya, kerana ia adalah satu langkah ke arah mempercayai bahawa manusia lain bermartabat rendah, jahat, dan berbahaya, atau menggugat manusia “bermartabat tinggi”. Lebih daripada itu, mereka mungkin melihat fakta ini dengan lebih teruk dan mendakwa semua manusia “bermartabat rendah” adalah

berbahaya kerana mereka mengancam kehidupan atau kesihatan seluruh bangsa manusia. Mereka kemudian akan memulakan pembersihan, menyekat perkahwinan, atau malah membunuh untuk menghalang serangan ke atas integriti spesis.⁴²

Bagaimanapun, semua manusia telah dijadikan sama rata. Setiap orang telah dijadikan oleh Allah. Al-Quran telah menerangkan penciptaan manusia seperti berikut:

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah; Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang; Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur. (Surah As-Sajdah:7-9)

Seperti yang dijelaskan di dalam ayat di atas, manusia memiliki roh yang dikurniakan Allah kepada mereka. Setiap manusia, tanpa mengenal perbezaan kaum, berfikir, berperasaan, mencintai, menderita, merasa ghairah, dan mengenali cinta, menyayangi, dan merasa belas kasihan. Dan setiap manusia juga mengenali keganasan, kebencian, dan kesusahan. Kerana itulah, sepanjang zaman, mereka yang mempercayai bahawa bangsa-bangsa lain adalah haiwan yang separuh membangun dan menzalimi mereka, mereka yang menekan, menindas, mengeksplorasi walau hanya seorang manusia, dan mereka yang menyokong perlakuan-perlakuan ini dengan bukti-bukti dan teori salah yang mereka hasilkan, telah melakukan dosa yang paling besar di atas penolakan mereka.

Di zaman kita juga terdapat budaya masyarakat manusia yang tidak berkembang. Mereka memiliki semua sifat-sifat manusia, tetapi mereka kekurangan kriteria dari aspek teknikal dan kebudayaannya, secara umumnya mereka inilah yang memerintah dunia. Disebabkan oleh klimaks tempat mereka tinggal dan keadaan semula jadi, banyak komuniti yang hidup terasing daripada masyarakat dunia umumnya dan

telah mengembangkan kebudayaan yang berbeza. Tetapi setiap satu daripadanya pasti wujud sifat-sifat, adat, dan kelakuan yang biasa bagi manusia. Mereka yang mempunyai agenda tersembunyi, dan mereka yang melihat keuntungan di dalam rasisme, dengan penuh ghairahnya telah menerima teori Darwin dan menerima manusia-manusia ini, yang sebenarnya tidak berbeza daripada manusia-manusia lain, sebagai sebahagian daripada satu bangsa yang mundur dan malah seperti binatang. Hasil daripada pandangan ini, sehingga ke hari ini telah muncul mereka yang menindas dan menekan manusia dan komuniti yang mundur yang tidak berkembang.

Allah, bagaimanapun, telah mengharamkan rasisme. Allah telah menjadikan manusia, di dalam warna yang berbeza dan bertutur di dalam bahasa yang berbagai. Ini merupakan tanda-tanda kesenian dan keperbagaian ciptaan Allah:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaaNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. (Surah Ar-Rum:22)

Pada pandangan Allah, satu-satunya kemuliaan ialah akhlak seseorang, penghindaran daripada semua jenis dosa dan kemungkaran, dan ketinggian moral yang diperolehi daripada ketaatannya kepada agama. Sebahagian ketaatannya kepada agama ialah menyakini tidak ada manusia yang memiliki ketinggian melebihi orang lain yang diperolehnya daripada sifat-sifat luarannya. Allah menjelaskannya di dalam sebuah ayat:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah Al-Hujurat:13)

BAB 3

PERIKATAN BAHAYA DI ANTARA DARWIN DAN RASISME



Perikatan Berdarah Di Antara Darwin dan Hitler

Nazisme telah muncul di dalam kekecohan Jerman yang telah dikalahkan di dalam Perang Dunia Pertama. Ketua parti tersebut adalah seorang yang pemarah dan agresif, Adolf Hitler. Rasisme telah membentuk pandangan dunia Hitler. Hitler percaya bahawa bangsa Aryan, yang menjadi elemen utama rakyat Jerman, adalah lebih tinggi daripada bangsa-bangsa lain dan ia perlu memerintah mereka. Dia mengimpikan bangsa Aryan akan membentuk sebuah empayar dunia yang akan kekal selama seribu tahun.

Sokongan saintifik yang ditemui oleh Hitler untuk teori-teori rasialis ini ialah teori evolusi Darwin.

Perancang idea utama Hitler, seorang ahli sejarah Jerman yang rasialis Heinrich von Treitschke, telah benar-benar tepengaruh dengan teori evolusi Darwin dan mengasaskan pandangan rasisnya berdasarkan Darwinisme. Beliau pernah berkata “**Bangsa-bangsa hanya dapat dibangunkan oleh pertandingan ganas seperti (idea) ‘yang kuatlah, yang terus hidup’ Darwin**”, dan menegaskan bahawa ini bererti ia adalah peperangan yang berterusan dan tidak dapat dielakkan. Pendapat beliau ialah, “**Penaklukan dengan pedang adalah satu cara untuk membawa ketamadunan kepada kekejaman dan pengetahuan kepada kejihilan**”. Beliau berpendapat: “**Bangsa-bangsa kuning tidak mempunyai kebolehan memahami seni dan kebebasan politik. Telah menjadi takdir kepada orang kulit hitam untuk berkhidmat kepada orang kulit putih dan menjadi sasaran kebencian orang kulit putih untuk selama-lamanya...**”⁴³

Ketika Hitler membangunkan teori-teorinya, dia telah membentuk inspirasi, daripada Darwin seperti juga Treitschke dan secara umumnya idea Darwin berkaitan perjuangan untuk hidup. Judul bukunya yang terkenal Mein Kampf (“Perjuanganku”) telah diinspirasikan oleh idea perjuangan untuk hidup ini. Seperti Darwin, Hitler telah meletakkan bangsa-bangsa bukan Eropah pada status monyet, dan menyatakan, “Ambil semua bangsa Nordik Jerman dan tidak ada apa yang tinggal melainkan beruk-beruk”.⁴⁴

Di dalam rapat parti Nuremberg 1933, Hitler mendakwa bahawa “satu bangsa tertinggi menakluki satu bangsa rendah... adalah kebenaran yang kita perhatikan di dalam alam semulajadi dan ia dikira sebagai kebenaran yang paling masuk akal. Kerana ia telah diasaskan berdasarkan sains”.⁴⁵

Hitler yang mempercayai ketinggian bangsa Aryan, percaya bahawa ketinggian bangsa ini telah diberikan secara semulajadi. Di dalam Mein Kampf beliau menulis seperti berikut:

Orang-orang Yahudi telah membentuk satu bangsa sub-manusia yang bertentangan, yang telah ditakdirkan oleh warisan biologi mereka menujurus kepada kejahatan, **seperti bangsa Nordik yang telah dijadikan untuk menjadi bangsawan...** Sejarah akan sampai ke kemuncaknya di dalam satu empayar kegemilangan yang baru, berdasarkan tatatingkat bangsa baru yang ditentukan sendiri oleh alam semula jadi.⁴⁶

Hitler, yang beranggapan bahawa manusia adalah haiwan yang telah berkembang, percaya bahawa selain daripada membiarkan kuasa semula jadi dan peluang, atau dengan kata lain kebetulan, untuk mengawal evolusi adalah perlu juga baginya untuk mengawalnya sendiri bagi membangunkan bangsa manusia. Dan ini adalah matlamat utama gerakan Nazi. Untuk merealisasikan matlamat ini, langkah pertama ialah dengan memisahkan, dan mengasingkan, bangsa-bangsa mundur ini daripada bangsa Aryan, yang mereka percaya adalah bangsa yang maju.

Pada peringkat ini, Nazi telah mula melaksanakan Darwinisme, dan sebagai contoh "teori eugenik" yang berasal daripada Darwinisme.



*Hitler dan bukunya
Mein Kampf di
mana dia menyusun
ideologinya.*


Teori Eugenik Adalah Berasaskan Kepada Idea-idea Darwin

Teori eugenik, yang telah berkembang pada separuh pertama abad ke-20, bererti menyingkirkan mereka yang sakit dan cacat dan “meningkatkan” bangsa manusia dengan menambah jumlah individu-individu yang sihat. Menurut teori eugenik ini, dengan cara yang sama juga haiwan yang lebih baik dapat dihasilkan dengan mengahwinkan haiwan-haiwan yang sihat antara satu sama lain, jadi bangsa manusia juga dapat ditingkatkan dengan cara yang sama.

Seperti yang telah dijangka, mereka yang mengemukakan program ini ialah para penyokong Darwin. Di kemuncak gelombang eugenik ini di England, telah muncul sepupu Charles Darwin, Francis Galton dan anaknya Leonard Darwin.

Jelaslah di sini bahawa idea eugenik adalah hasil asal Darwinisme. Tambahan pula, kebenaran ini telah diberikan kepentingan istimewa di dalam penerbitan-penerbitan yang menyokong eugenik, “Eugenik ialah penguasaan manusia terhadap evolusinya sendiri”, demikian ia disebutkan.

Kenneth Ludmerer, seorang ahli sejarah perubatan di Universiti Washington, mencatatkan bahawa idea eugenik berusia setua idea republik Plato tetapi dia juga menambah Darwinisme merupakan penyebab kepada kebangkitan minat kepada idea ini pada abad ke-20:



Francis Galton (kiri) dan Leonard Darwin (kanan).

... pemikiran eugenik moden berkembang hanya pada abad ke-19. Peningkatan minat terhadap eugenik ketika abad tersebut mempunyai beberapa punca. Yang paling utama ialah teori evolusi, bagi idea Francis Galton tentang eugenik - dan beliaulah yang telah mencipta istilah "eugenik" - ia adalah satu logik yang terhasil daripada doktrin sains yang telah dikemukakan oleh sepupu beliau, Charles Darwin.⁴⁷

Di Jerman orang pertama yang terpengaruh dan mula mengembangkan eugenik ialah seorang pakar biologi evolusi yang terkenal Ernst Haeckel. Haeckel adalah kawan baik dan penyokong Darwin. Untuk menyokong teori evolusi ini beliau telah mengemukakan dakwaan "pengulangan semula", yang mendakwa bahawa embrio daripada hidupan yang berbeza mempunyai persamaan antara satu sama lain. Ia kemudian telah terbukti bahawa Haeckel telah memalsukan data apabila beliau mengemukakan dakwaan ini.

Ketika Haeckel sedang mereka-reka pemalsuan saintifiknya, dalam masa yang sama juga ia mengemukakan propaganda eugenik. Beliau mencadangkan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan cacat mesti dibunuh dan dengan itu ia akan dapat mempercepatkan masyarakat evolusi. Malah dia jugah telah mendakwa bahawa pesakit kusta dan pesakit kanser dan pesakit mental perlu dibunuh, atau sebaliknya mereka ini akan menjadi bebanan di dalam masyarakat ini dan akan melambatkan evolusi.

Seorang penyelidik Amerika Geoge Stein telah merumuskan kesetian membabi buta Haeckel kepada teori evolusi di dalam sebuah artikelnya di dalam majalah American Scientist seperti berikut:

... (Haeckel) mendakwa bahawa Darwin betul... manusia telah berkembang



Ernst Haeckel

daripada dunia haiwan. Dan langkah bahaya yang telah diambil di dalam pendedahan Haeckel terhadap Darwinisme yang pertama di Jerman, menyebabkan kewujudan sosial dan politik manusia telah dikawal oleh undang-undang evolusi, pilihan semula jadi, dan biologi, seperti yang ditunjukkan oleh Darwin. Untuk mendakwa sebaliknya adalah khurafat yang ketinggalan zaman.⁴⁸

Haeckel meninggal dunia pada 1919. Tetapi idea belia telah diwarisi oleh Nazi. Sebaik sahaja Hitler mendapat kuasa, satu program eugenik rasmi telah dimulakan. Hitler merumuskan polisi baru ini seperti berikut:

Di dalam negara yang popular, pendidikan minda dan tubuh memainkan peranan yang penting, tetapi pilihan manusia juga tidak kurang pentingnya... Kerajaan mempunyai tanggungjawab mengetepikan untuk tujuan pembiakan sesiapa yang sakit atau gen-gennya tidak sempurna. ...**dan perlu menjalankan tanggungjawab ini dengan kasar tanpa menghiraukan sesiapa sahaja.** ...**Menghentikan pembiakan mereka yang bertubuh lemah atau cacat fizikal di dalam jangka masa 600 tahun akan datang...** untuk memajukan kesihatan manusia yang sukar dijangkakan hari ini. Sekiranya peningkatan bangsa yang sihat dapat direalisasikan dan dirancang, hasilnya ialah satu bangsa yang... telah kehilangan kelemahan fizikal dan kerohanian yang kita miliki kini.⁴⁹

Untuk memenuhi tuntutan polisi Hitler ini, mereka yang berpenyakit mental, kurang upaya, dilahirkan buta, dan mereka yang mempunyai

Orang-orang tua dan mereka yang sakit dibunuh di bawah polisi eugenic Hitler.



penyakit genetik di dalam masyarakat Jerman telah dikumpulkan di dalam “pusat-pusat pemandulan” khas. Mereka ini telah dianggap sebagai parasit-parasit yang merbahaya kepada ketulinan dan perjalanan evolusi bangsa Jerman. Tidak berapa lama kemudian, mereka yang telah dipisahkan daripada masyarakat ini telah **mula dibunuh dengan arahan sulit daripada Hitler**.

Pemenang pingat emas Olimpik Berlin 1936 Jesse Owens, yang tidak diberikan ucapan tahniah oleh Hitler kerana dia berkulit hitam



mengucapkan tahniah kepada Jesse Owen dan telah meninggalkan stadium. Malah sebahagian penyokong evolusi telah berpandangan bahawa wanita dari segi evolusinya adalah lebih rendah daripada lelaki. Dr. Robert Wartenberg, seorang pensyarah neorologi, telah cuba membuktikan kemunduran wanita ini dengan mendakwa bahawa mereka tidak mungkin selamat melainkan sekiranya mereka “dilindungi oleh lelaki”. Beliau merumuskan bahawa sebab mengapa wanita-wanita yang lemah ini tidak dihapuskan adalah disebabkan oleh perlindungan ini, ia telah mengebabkan tahap evolusi menjadi pelahan dan kerana itulah pilihan semulajadi kurang beroperasi ke atas wanita daripada lelaki. Berasaskan kepada pandangan ini, wanita di Nazi Jerman telah diharamkan secara terbuka daripada menyertai sebarang profesional.⁵⁰

Berikutan perkembangan Darwinisme dan teori eugenik di Jerman, “para pakar sains perkauman” secara terbuka telah menganjurkan pembunuhan ke atas ahli-ahli dan segmen-segmen di dalam masyarakat yang tidak lagi dikehendaki. Salah seorang pakar sains berkenaan, Adolf Jost, telah mewartakan untuk pertama kalinya pembunuhan perubatan (medical killing) di dalam sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 1895, *Das Recht auf den Tod (The Right to Death)*. Jost menyatakan. **“untuk kepentingan kesihatan masyarakat yang hidup, kerajaan perlu memikul tanggungjawab**



Hitler telah mengumpulkan gadis-gadis Jerman berambut perang dan bermata biru di kem-kem dan memastikan mereka bersama dengan pegawai-pegawai SS. Dengan cara ini dia berharap untuk membina satu bangsa superior.



terhadap kematian individu-individu". Adolf Jost adalah penasihat kepada Adolf Hitler, yang hanya menonjolkan dirinya di arena politik sekitar 30 tahun kemudian. Hitler menyatakan bahawa "Kerajaan perlu melihat bahawa hanya mereka yang sihat sahaja boleh memiliki anak". "Ia mesti mengishtiharkan pemberian tidak dibenarkan kepada mereka yang sakit atau mereka yang mewarisi penyakit dan kemudian boleh memindahkannya".⁵¹

Di bawah satu undang-undang pada 1933, 350,000 mereka yang sakit jiwa, 30,000 gipsi, dan beratus-ratus kanak-kanak kulit hitam telah dimandulkan dengan berbagai cara seperti pengembiran, x-ray, suntikan, dan kejutan elektrik di kawasan kemaluan. Seorang pegawai Nazi menyatakan, "Sosialisme Nasional hanya berkaitan dengan biologi".⁵²

Sebagaimana Hitler cuba mempercepatkan peningkatan bangsa Jerman dengan polisi pembunuhan dan kekejaman yang dilakukan ke atas mereka yang tidak berdosa, beliau juga mengamalkan satu lagi syarat eunik. Lelaki dan wanita berambut perang dan bermata biru, yang diterima sebagai mewakili bangsa Jerman, telah digalakkan untuk menjalinkan hubungan dan mempunyai anak. Pada tahun 1935 ladang-

PENYELEWENGAN BANGSA AUTAMA:

Pegawai-pegawai Nazi, yang dilatih berdasarkan kepada idea-idea evolusi, mencari bangsa utama dengan mengukur tengkorak, hidung dan dahi.

ladang pembibitan khas telah ditubuhkan untuk tujuan ini. Ladang-ladang ini, di mana gadis-gadis muda yang memenuhi kriteria rasialis telah ditempatkan, sering dikunjungi oleh unit-unit SS. Anak-anak luar nikah yang dilahirkan di sini akan dibesarkan sebagai askar kepada empayar 1,000-tahun Jerman yang diramalkan.



Penyelewengan Ras Aryan Nazi

Nazi sekali lagi telah menggunakan konsep Darwinisme untuk membuktikan ketinggian bangsa Aryan. Darwin menganggap bahawa apabila manusia mula berkembang tengkorak kepala

Seperti Hitler, Heinrich Himmler, Ketua Gestapo, dan pegawai-pegawai Nazi yang lain berpegang kepada pandangan-pandangan Darwin, dan melaksanakan idea-idea yang rasialis dan kejam ini.



mereka juga turut membesar. Nazi amat mempercayai idea ini dan telah menjalankan pengukuran tengkorak untuk membuktikan bahawa bangsa Jerman adalah maju. Di setiap sudut perbandingan Jerman Nazi telah menunjukkan bahawa tengkorak Jerman adalah lebih besar daripada tengkorak bangsa-bangsa lain. Gigi, mata, rambut, dan sifat-sifat lain telah diukur berdasarkan ukuran evolusi. Individu-individu yang didapati tidak memenuhi ukuran bangsa Jerman akan dihapuskan di atas nama prinsip-prinsip eugenik.

Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinaaskan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia;) sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.(Surah Al-Baqarah:205)

Semua kegilaan ini telah dilakukan demi untuk melaksanakan prinsip-prinsip secara Darwin ke atas masyarakat. Seorang ahli sejarah Amerika, Michael Grodin, pengarang buku *The Nazi Doctor and the Nuremberg Code*, telah mendedahkan realiti ini seperti berikut:

Saya rasa apa yang berlaku ialah terdapat satu padanan yang sempurna di antara ideology Nazi dan Darwinisme dan pembersihan etnik apabila ia mula berkembang pada abad ke-20.⁵³

George Stein menjelaskan subjek ini:

Sosialisme nasional, ialah satu usaha untuk mengorganisasikan sebuah komuniti politik berdasarkan biopolisi yang jelas: **sebuah biopolisi yang sepenuhnya selaras dengan fakta-fakta saintifik revolusi secara Darwin.**⁵⁴

Seorang pakar sains penyokong Darwin Sir Arthur Keith memberikan ulasan tentang Darwin seperti berikut:

Pemerintah Jerman adalah seorang penyokong evolusi; dia cuba menjadikan pembentukan Jerman mengikut teori evolusi.⁵⁵

Pengarang buku *Darwin: Before and After*, Robert Clarke, merumuskan, Adolf Hitler: "... telah terpengaruh dengan ajaran Darwin –

mungkin semenjak dia masih kecil lagi. Hitler memutuskan... bahawa bangsa yang lebih tinggi akan menakluki yang rendah".⁵³ falsafah politik Nazi Jerman telah dibentuk di bawah pengaruhi idea-idea Hitler ini.

Pengarang buku *Race and Reich*, Joseph Tenenbaum mencatatkan bahawa falsafah politik Jerman telah dibina di atas kepercayaan bahawa keperluan untuk pembangunan evolusi ialah:

... perjuangan, pilihan, dan "yang kuatlah, yang terus hidup" semua pemikiran dan pemerhatian yang dicapai... oleh Darwin... tetapi ia telah bertunas di dalam falsafah sosial Jerman pada abad ke-19. ... Dengan itu, ia membangunkan doktrin hak warisan Jerman untuk memerintah dunia berdasarkan kepada kekuatan superior... (daripada) hubungan "pemukul dan bongkah besi" di antara Reich (Jerman di bawah pemerintahan Nazi) dan bangsa-bangsa yang lemah.⁵⁷

Bukan Adolf Hitler seorang sahaja di kalangan ketua-ketua Nazi di dalam "peperangan ideology evolusi". Heinrich Himmler, ketua Gestapo, menyatakan bahawa undang-undang semulajadi perlu menjalankan peranannya di dalam 'yang kuatlah, yang terus hidup'. Sebenarnya semua ketua-ketua Nazi mempercayai evolusi dan rasisme Jerman, seperti juga para pakar sains Jerman dan industrialis sepanjang zaman kegelapan tersebut.⁵⁸

Kebencian Hitler Terhadap Agama

Sebab lain mengapa Hitler begitu berminat kepada teori evolusi ialah kerana dia melihat teori evolusi sebagai satu senjata menentang kepercayaan agama. Hitler amat bencikan agama. Moral-moral murni seperti belas kasihan, rahmat, dan kemanusiaan, yang dianjurkan oleh agama, menjadi halangan terbesar pembentukan jenis bangsa Aryan yang ganas dan perkasa seperti yang ingin oleh Nazi. Oleh itu, apabila mereka berkuasa dalam tahun 1933 mereka telah cuba untuk menukarkan masyarakat Jerman kepada kepercayaan budaya pagan lama. Swastika

(lambing salib berkait), satu simbol daripada kebudayaan lama pagan, adalah simbol kepada pengembalian ini. Perayaan yang disambut di setiap penjuru Jerman adalah pengembalian semula mereka kepada upacara pagan purba. Idea evolusi, yang telah diwarisi daripada kebudayaan pagan, bertepatan dengan ideologi Nazisme untuk tujuan ini. Hitler pernah mendedahkan sikapnya terhadap kristian apabila beliau menyatakan bahawa agama adalah satu:

...penipuan yang terancang yang mesti dimusnahkan. Kerajaan mesti kekal sebagai ketua. Ketika saya masih muda, saya merasakan adalah perlu untuk memusnahkan agama... dengan dinamit. Saya kemudian menyedari perlunya menggunakan kebijaksanaan... Peringkat terakhir mesti... di kerusi St. Peter, seorang pegawai agama yang nyanyuk; berhadapan dengannya beberapa wanita tua yang jahat... Yang muda dan sihat berada di pihak kita... Orang-orang kita telah berjaya hidup dengan baik tanpa agama ini. Saya mempunyai enam divisyen SS yang tidak mempedulikan isu-isu agama.⁵⁹

Daniel Gasman telah mendedahkan sebab-sebab kebencian Hitler terhadap agama di dalam buku beliau *The Scientific Origins of National Socialism*:

Hitler telah menggariskan idea biologikal evolusi sebagai senjata paling berkesan menentang agama tradisional dan dia berulang kali menghina agama Kristian kerana penentangannya terhadap pengajaran evolusi... Bagi Hitler, evolusi adalah lambang kejayaan sains moden dan kebudayaan.⁶⁰


Sebenarnya sebab utama mengapa berlakunya malapetaka yang tidak terkira banyaknya kepada dunia pada abad ke-20 adalah kerana sikap orang-orang seperti Hitler dan Nazi yang tidak mempunyai agama. Mereka yang telah menafikan kewujudan Allah dan percaya bahawa manusia telah berkembang untuk menjadi haiwan yang maju, merasakan diri mereka tidak akan dihisab, tanpa tanggungjawab untuk menjawab sesiapa pun. Kerana mereka tidak mempunyai ketaqwaan kepada Allah dan Hari Kiamat, mereka menyakini bahawa kehancuran dan keganasan yang mereka lakukan tidak akan berakhir, dan kerana sebab itulah tanpa

belas kasihan mereka telah membunuh berjuta-juta manusia. Kesengsaraan dan kepedihan yang akan dialami di dalam sebuah masyarakat yang tidak mempunyai agama dapat dilihat dengan jelas di dalam contoh Hitler ini. Dan bukan hanya Hitler: seperti yang akan kita lihat sebentar lagi, Stalin, Mao, Pol Pot, Franco, Mussolini dan lain-lainnya yang telah menenggelamkan abad ke-20 ke dalam darah, juga dikenali sebagai mereka yang menolak agama. Sudah pasti pengajaran tersebut





Perhimpunan Nazi yang mirip kepada perayaan pagan purba.



datangnya daripada mimpi ngeri yang terhasil daripada kekurangan agama.

Sedangkan mereka yang bertaqwah kepada Allah dan hidup berdasarkan moral-moral al-Quran sering menganjurkan pendamaian, ketenangan, keselamatan, kemewahan, dan kesedaran kepada sebuah masyarakat. Mereka yang beriman dengan agama Allah tidak akan sekali-kali mengganggu kedamaian di mana-mana tempat di seluruh dunia, sebaliknya mereka sering menganjurkan kasih sayang, belas kasihan, persahabatan, keimanan, dan kerjasama.

Simbol swastika yang digunakan oleh Hitler adalah lambang kepunyaan kebudayaan pagan lama.



Gambar-gambar yang menunjukkan keadaan masayarakat ketika Perang Dunia Kedua.



Poster-poster dari era Hitler yang melambangkan pembunuhan yang dilakukan di atas namanya.





Gambar-gambar ini menggambarkan penderitaan, ketakutan, keganasan dan kesengsaraan yang telah dilakukan oleh Hitler dan mereka yang berkongsi pandangan dengan beliau terhadap manusia. Darwinisme, yang menjadi punca utama mimpi negeri ini, masih terus menyiksa manusia seluruh dunia.





Hitler adalah penyebab kepada pembunuhan berjuta-juta manusia, dan berjuta-juta yang lain ditinggalkan sendirian tanpa kediaman. Ideologi kejam beliau ini berdasarkan kepada tesis Darwin tentang bangsa-bangsa superior dan inferior. Dan dia tidak merasa ragu-ragu untuk membunuh mereka yang dianggap sebagai bangsa inferior.

Malapetaka Yang Dibawa oleh Mussolini Penyokong Darwin dan Pemimpin Fasis

Dengan cara sama yang digunakan oleh Hitler untuk mengasaskan polisinya dengan menggunakan Darwinisme, begitu juga rakan sezamannya dan juga sekutu beliau Benito Mussolini juga telah menggunakan dakwaan secara Darwin dan konsepnya untuk menjadikan Itali sebagai negara imperialis dan Fasis.

Mussolini adalah penyokong Darwin sejati, yang percaya bahawa keganasan adalah satu kuasa lonjakan di dalam sejarah dan peperangan pula membawa kepada revolusi. Bagi beliau, “keengganahan England untuk menyertai peperangan hanya menyebabkan kemunduran Empayar British”.⁶¹



Di kepala majalah *The People of Italy (Il Popolo d'Italia)*, yang telah diasaskan dengan biaya bantuan daripada kerajaan Perancis, beliau memasukkan ayat berikut, "Siapa yang mempunya besi juga akan memiliki roti" dengan kata lain beliau menyatakan kepada masyarakat bahawa untuk mengisi perut-perut mereka mereka memerlukan kuasa untuk mencetuskan peperangan.

Mussolini telah memilih kapak sebagai simbol Fasisme dan Parti Rasisme. Kerana kapak adalah simbol peperangan, keganasan, kematian, dan pembunuhan.

Gelagat, keagresifan dan kecenderungan Mussolini terhadap keganasan seperti Fasis-fasis yang lain juga, telah diceritakan di dalam buku Denis Mack Smith. Di dalam buku beliau, Smith mencatatkan bahawa salah satu pegangan Mussolini yang tidak berubah ialah keagresifan dan kesungguhan beliau untuk menggunakan keganasan.⁶²

Seperi penyokong Darwin-Fasis lain, polisi gemar berperang Mussolini, keagresifan dan penindasannya telah menyebabkan banyak manusia dibunuh secara beramai-ramai, ditinggalkan tanpa kediaman dan keluarga, dan negara ditinggalkan di dalam keadaan musnah.



Skuad pembunuhan Mussolini, Blackshirt

Keganasan dan penindasan telah dilakukan, oleh anggota-anggota Blackshirt, tidak hanya di negaranya, tetapi di negara lain juga. Di dalam tahun 1935 beliau telah menakluki Ethiopia, dan pada 1941 telah menghapuskan 15,000 orang. Dia tidak teragak-agak untuk membela dan menjustifikasi penaklukannya ke atas Ethiopia dengan pandangan-pandang rasialis Darwinisme. Menurut Mussolini rakyat Ethiopia adalah mundur kerana mereka adalah bangsa berkulit hitam, dan dijajah oleh satu bangsa yang maju seperti orang-orang Itali merupakan satu penghormatan kepada mereka.

Pada masa yang sama beliau meneruskan penindasan terhadap orang-orang Islam yang telah bermula semenjak penaklukan Itali ke atas Libya pada 3 Oktober 1911, dan telah meningkatkan serangan ke atas orang-orang Islam. Penaklukan tersebut hanya berakhir dengan



Gambar-gambar rakyat Ethiopia yang ditindas oleh Mussolini.



Seorang ahli parliment yang bercakap menentang Mussolini telah diculik dan dibunuh pada waktu siang. Gambar menunjukkan mayat ahli parliment tersebut dibawa dari hutan tempat ia ditemui.

kematian Mussolini di dalam satu perjanjian yang ditandatangani pada 10 Februari 1947. Dalam jangka masa tersebut 1.5 juta orang Islam telah mati syahid dan beratus-ratus ribu yang lain telah tercedera.

Mussolini, yang telah mencemar namanya di dalam lipatan sejarah kerana keganasan dan penindasannya, telah menggambarkan Fasisme yang disokongnya dan mengamalkannya, di dalam sebuah ucapan:

Fasisme bukan hanya kebebasan tetapi kekejaman, bukan lagi pengawal bangsa tetapi penjaga kepentingan peribadi.⁶³


Seperti yang dapat kita lihat di dalam contoh Hitler dan Mussolini, Fasisme, di mana yang kuat dan ganas adalah betul dan mulia dan di mana satu-satunya jalan untuk berjaya dan membangun ialah dengan kuasa kekejaman, agresif, ganas, dan peperangan, adalah pelaksanaan dakwaan-dakwaan Darwin bahawa “Yang kuat hidup, yang lemah mati”, dan telah menyebabkan penderitaan berjuta-juta manusia.

Franco Yang Rasialis dan Tekanan Yang Dilakukannya Ke atas Sepanyol

Salah seorang penindas rasialis yang yang telah menukarkan abad

ke-20 ini kepada tasik darah ialah Franco. Beliau telah mengatur gerakan "Falange" di Sepanyol dengan bantuan daripada para penyokong Darwin Fasis Hitler dan Mussolini, dan telah membawa kesengsaraan dan penindasan yang dahsyat kepada penduduk Sepanyol. Franco telah mengheret rakyatnya kepada perang saudara, mengubah saudara menentang saudaranya sendiri, bapa menentang anak.

Sepanjang Perang Saudara Sepanyol sekitar 250 orang telah dibunuh setiap hari di Madrid, 150 orang di Barcelona, dan 80 orang di Seville. Sebahagian daripada hukum bunuh ini dijalankan dengan cara memasukkan paku ke dalam kepala. Pembunuhan beramai-ramai yang tidak berperikemanusian ini telah dilakukan di mana-mana sahaja. Di kawasan perkampung gunung kecil di Utara Madrid, sebagai contoh, 31 orang kampung telah ditahan kerana mereka tidak mengundi Franco, mereka semua telah dibawa keluar daripada kampung mereka dengan menggunakan lori dan telah dibunuh di tepi jalan. Para penyokong rasialis telah memasuki sebuah bandar yang mempunyai penduduk seramai 11,000 orang berhampiran Seville dan telah membunuh lebih daripada 300 orang. Natijah daripada peristiwa-peristiwa ganas ini, hampir 800,000 orang telah dibunuh di dalam perang saudara ini, lebih 200,000 orang telah dihukum bunuh dengan arahan daripada Franco. Berjuta-juta orang telah tercedera dan menjadi cacat.



Franco Memberikan Hitler Seluruh Penduduk Kampung Untuk Menguji Senjatanya

Penyokong utama terhadap Fasis Franco di dalam Perang Saudara tersebut ialah Hitler dan Mussolini. Franco tidak membiarkan sokongan sekutu-sekutunya tanpa balasan: beliau telah membuat perjanjian-perjanjian yang paling kejam dan ganas di dalam sejarah, dengan memberikan bandar-bandar kecil seperti seperti Guernica kepada Nazi sebagai hadiah kepada mereka untuk menguji senjata-senjata mereka.

Pada pagi 5 May 1937, penduduk perkampungan kecil Guernica menyedari kematian yang dibawakan oleh kapal terbang gergasi dan berton-ton bom, keajaiban baru daripada teknologi Nazi. Perkampungan kecil tersebut telah diserahkan oleh Franco kepada ujian kapak terbang Nazi.⁶⁴

Kejadian ini hanyalah salah satu hasil daripada falsafah songsang ini yang menganggap manusia sebagai haiwan makmal. Falsafah ini, yang membiarkan beratus-ratus manusia mati hanya untuk menguji kekuatan senjata mereka dan telah mencacatkan, mencederakan, dan menyiksa beratus-ratus yang lain, masih hidup hari ini di bawah berbagai kepalsuan. Perkara ini akan



Tidak ada belas kasihan walaupun kepada kanak-kanak di dalam Perang Saudara Sepanyol, yang berpunca daripada Franco. Mereka dibawa daripada rumah-rumah mereka tanpa sebab dan kemudian mereka ditembak. Mereka yang tidak berdosa telah dibunuh, dicacatkan dan kehilangan keluarga dan orang-orang yang disayangi. Ini adalah kesan daripada kekejaman Fasis di dalam kehidupan seharian.



berterusan selagi mana falsafah secara Darwin dan beberapa penindasan yang melihat manusia sebagai satu spesis binatang dan melihat perperangan sebagai satu cara untuk maju yang paling efektif, masih dikekalkan.

Peranan Awal Darwinisme Di Dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua

Di dalam buku beliau Europe Since 1870, pensyarah British yang terkenal James Joll menjelaskan salah satu faktor yang membawa kepada meletusnya Perang Dunia ialah kepercayaan pemimpin-pemimpin Eropah kepada idea-idea Darwin:

Kita telah melihat bagaimana idea-idea Darwin ini memberikan pengaruh yang hebat kepada ideologi imperialisme pada akhir abad ke-19; tetapi adalah penting untuk menyedari bagaimana doktrin perjuangan untuk hidup dan 'yang kuatlah, yang terus hidup' telah diterima oleh majoriti pemimpin-pemimpin Eropah pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Pertama. Contohnya,



Halaman Kiri: Situasi di London yang telah dibom oleh kapal terbang Jerman ketika Perang Dunia Kedua.



chief of staff Empayar Austro-Hungarian, Franz Baron Conrad von Hoetzendorff, telah menulis di dalam memoirnya selepas perang:

Agama dermawan, pendidikan moral dan ajaran-ajaran pemurah, boleh melemahkan perjuangan manusia untuk hidup di dalam bentuknya yang paling kejam, tetapi mereka tidak akan berjaya untuk membuangnya sebagai satu motif dorongan dunia... Ia selaras dengan prinsip bahawa tragedi perang dunia ini berlaku disebabkan oleh motif dorongan di dalam kehidupan kerajaan dan rakyat, seperti petir yang perlu mangdiscas dirinya sendiri.

Untuk menentang latar belakang ideologi seperti ini, desakan Corad kepada satu peperangan pencegahan untuk melindungi Empayar Austro-Hugarian telah menjadi komprehensif.

Kita telah menyaksikan bagaimana pandangan-pandangan ini tidak terhad kepada bentuk ketenteraan sahaja, dan Max Weber sebagai contoh amat bimbangkan persaingan antarabangsa untuk terus hidup. Sekali lagi, Kurt Riezler, pembantu peribadi dan sahabat kepada canselor Jerman Theobald von Bethmann-Hollweg, telah menulis pada 1914: "Permusuhan yang kekal telah diwarisi di dalam hubungan di antara manusia; dan permusuhan yang kita saksikan sekarang ini di mana-mana sahaja... bukan disebabkan oleh kesilapan semula jadi manusia tetapi adalah disebabkan oleh intipati dunia dan sumbernya sendiri".⁶⁵

Friedrich von Bernhardi, seorang jeneral Perang Dunia Pertama dan seorang pakar sosial secara Darwin Jerman, adalah salah seorang daripada pemimpin-pemimpin ini. "Peperangan" menurut Bernhardi "adalah satu keperluan biologi"; ia "adalah perlu sepertimana perlunya persaingan elemen-elemen alam semulajadi" ia "memberikan satu pilihan



*perangan pada abad ke-20
ah meyebabkan
musnahan hebat kepada
musaia.*

secara biologi, memandangkan pilihan-pilihannya bergantung kepada perkara-perkara yang paling semulajadi”.⁶⁶

Seperti yang dapat kita lihat, Perang Dunia Pertama terjadi disebabkan oleh pemikir-pemikir Eropah, jeneral-jeneral, dan pemimpin-pemimpin yang melihat perperangan, pertumpahan darah, penyiksaan, dan penderitaan sebagai satu bentuk “pembangunan” dan satu undang-undang semula jadi yang tetap. Inspirasi ideologi yang membawa seluruh generasi ini kepada keruntuhan dengan idea-idea yang sama sekali salah tidak lain ialah konsep Darwin tentang “perjuangan untuk hidup” dan “bangsa pilihan”. Dua tahun selepas Bernardi berkata demikian, Perang Dunia Kedua, yang membawa pembangunan ideologi (!) bermula, menyebabkan kematian 8 juta orang, memusnahkan beratus-ratus bandar, dan berjuta-juta tercedera,



cacat, tiada tempat tinggal dan menganggur. Punca perang Nazi, yang telah bermula 21 tahun kemudian dan telah menyebabkan kematian kira-kira 50 juta orang, juga berlandaskan kepada Darwinisme.

Hitler sering mengaitkan polisi-polisi perang dan pemusnahan bangsa beliau kepada Darwinisme. Beliau melihat peperangan bukan sekadar untuk menghapuskan bangsa-bangsa yang lemah, tetapi juga sebagai suatu kuasa untuk membuang anggota-anggota yang lemah di dalam bangsa utama. Nazi Jerman menerima peperangan sebahagianya kerana sebab ini, kerana di dalam pemikiran songsang mereka peperangan adalah satu langkah penting untuk peningkatan satu bangsa.

Seorang evolusionis A. E. Wiggam menerangkan tentang "kepercayaan bahawa peperangan membangunkan manusia", di mana Hitler mengasaskan polisi beliau, di dalam sebuah buku yang diterbitkan pada 1922:

... pada satu masa manusia lebih berotak daripada saudara mereka, beruk. Tetapi, dengan **menendang, memukul, berkelahi...** menewaskan musuh-musuhnya dan kenyataan bahawa sesiapa yang tidak mempunyai kebijaksanaan dan kekuatan yang memadai untuk melakukannya akan dihapuskan, otak manusia telah



menjadi kejam dan ia menurun dari segi kebijaksanaan dan ketangkasian, walaupun tidak pada saiznya...⁶⁷

Hitler mendapat sokongan daripada para penyokong evolusi seperti Wiggam dan melihat perperangan sebagai satu kemestian kepada sesiapa yang ingin selamat. Dia mengeluarkan kenyataan seperti ini secara terbuka di dalam *Mein Kampf*:

Seluruh alam semulajadi adalah satu pertembungan di antara kekuatan dan kelemahan – satu kemenangan abadi yang kuat ke atas yang lemah. Jika perkara ini tidak berlaku makan akan berlaku kerosakan kepada alam semulajadi. Sesiapa yang tidak mahu berjuang di dalam dunia di mana perjuangan adalah undang-undang kehidupan, tidak layak hidup. Untuk berfikir sebaliknya adalah sesuatu yang “menganggu” alam semulajadi. Kedukaan, kesengsaraan dan penyakit adalah natijahnya.⁶⁸

Diktator-diktator secara Darwin dan dan despot-despot, yang percaya bahawa perperangan akan membawa peningkatan kepada manusia, telah menukar abad ke-20 ini kepada sebuah tasik darah. Mereka melakukan penindasan di setiap pelusuk dunia.



Dengan dakwaan Darwin bahawa yang kuat akan kekal selepas pertempuran untuk terus hidup ini dan bahawa spesis-spesis yang membangun dengan cara ini akan diadaptasikan kepada masyarakat manusia, peperangan telah dilihat sebagai satu keperluan untuk pembangunan manusia. Sebagai contoh, Hitler menganggap kehebatan Jerman ialah penghapusan anggota-anggota yang lemah melalui peperangan sepanjang kurun. Walau pun Jerman memang telah biasa dengan peperangan tetapi justifikasi "saintifik" baru ini merupakan satu kuasa untuk mempertahankan polisi-polisi ganas mereka.

Lebih daripada itu, Hitler mendakwa, "**tamadun manusia seperti yang kita kenali hari ini tidak akan wujud jika tidak kerana peperangan yang berterusan ini**".⁶⁹

Haeckel meramalkan, di dalam subjek peperangan, bahawa uslub ganas Spartans, salah sebuah bandar yang membentuk Greece Purba, perlu diamalkan. Beliau menulis bahawa "dengan membunuh semuanya kecuali 'kanak-kanak yang paling sihat dan kuat' Spartans terus berada di dalam keadaan yang kuat dan gagah".⁷⁰

Peperangan telah digambarkan sebagai "satu aturan penting" kepada populasi seluruh Eropah, dan tidak hanya di Jerman. Menurut Friedrich Von Berhardi seorang pakar sosial secara Darwin Jerman "jika tidak kerana peperangan, kita mungkin akan mendapati bahawa bangsa-bangsa yang mundur dan tidak maju akan mengatasi mereka yang sihat dan muda dengan kekayaan dan bilangan mereka. Kepentingan peperangan bergantung di sini, ia menyebabkan satu proses pemilihan, dan peperangan-peperangan ini telah menjadi satu keperluan biologi".⁷¹

Seperti yang telah kita saksikan setakat ini, Hitler dan ahli-ahli teori Nazi yang menyokongnya melihat peperangan sebagai satu keperluan dengan inspirasi yang mereka bina daripada Darwinisme. Dan dengan menlaksanakan keperluan ini mereka telah mengundang kesengsaraan kepada rakyat mereka sendiri, dan orang lain di seluruh dunia. Pada

peringkat ini adalah wajar untuk meletakkan Darwin sebagai orang yang bertanggungjawab di atas penderitaan yang dialami di dalam Perang Dunia Kedua:

Buktinya amat jelas bahawa idea-idea Darwinian telah memberikan kesan yang hebat kepada pemikiran dan amalan Jerman... Sebenarnya, idea-idea Darwinian mempunyai pengaruh yang besar berlakunya Perang Dunia Kedua, kehilangan 40 juta nyawa, dan pembaziran kira-kira 6 trilion dolar. Dengan meyakini bahawa evolusi adalah betul, Hitler menganggap dirinya sebagai seorang penyelamat kepada manusia sejagat... Dengan membela satu bangsa superior, dunia akan melihatnya sebagai orang yang telah mengangkat tahap evolusi manusia.⁷²

Memang terdapat banyak peperangan yang terjadi di dunia ini sebelum Darwin mengemukakan teorinya. Tetapi kesan daripada teori beliau, peperangan pertama kalinya telah diberikan justifikasi salah oleh sains. Max Nordau telah memberikan tumpuan terhadap peranan negatif Darwin pada subjek peperangan di dalam sebuah artikel bertajuk *The Philosophy and Morals of Wars*, yang telah menggegarkan Amerika:

Autoriti utama kepada semua penganjur peperangan ini ialah Darwin. Memandangkan teori evolusi telah disebarluaskan, mereka dapat melindungi sifat kekejaman mereka dengan nama Darwin dan mendakwa naluri untuk membunuh yang ada di dalam hati mereka sebagai perkataan terakhir sains.⁷³

Bukanlah satu kebetulan abad ke-20 menyaksikan peperangan paling kejam di dunia, yang dating selepas abad ke-19, yang telah dibentuk oleh idea ahli teori materialis seperti Darwin, Marx, dan Freud. Darwinisme telah menyediakan landasan saintifik dan teori yang mungkin berakhir di dalam peperangan, dan pemerintah-pemerintah zalim yang melihat peperangan sebagai satu kemestian untuk peningkatan manusia telah membunuh sejumlah 60 juta orang di dalam kedua-dua perang dunia.

PERANG KOREA:

Perang Korea, yang telah meletus di antara 1950 dan 1953, telah membawa kerosakan teruk kepada mereka yang tidak berdosa, golongan tua dan kanak-kanak. Manusia menjadi begitu kejam sehingga sanggup menggugurkan bom-bom kepada manusia yang tidak bersalah tanpa ada rasa belas kasihan.



Peperangan Di Seluruh Negara

PERANG VIETNAM:



Perang Vietnam, di mana sejuta orang telah terbunuh atau dicederakan di kedua-dua pihak, telah meninggalkan ramai mangsa kesengsaraan yang masih hidup. Tambahan pula mereka berperang beribru-ribu batu daripada rumah mereka.





Seorang bapa menunjukkan kepada askar-askar Vietnam selatan anaknya yang telah terbunuh ketika tentera kerajaan mengejar gurila Viet Cong.


Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya.

(Surah Ash-Shura:42)



BOSNIA DAN KOSOVO:

Pengalaman di Bosnia dan Kosovo tidak harus dilupakan. Ketidadaan simpati kepada mereka yang tidak berdosa yang dibunuh adalah disebabkan mereka Muslim atau daripada kebudayaan atau bangsa berbeza. Kegagalan untuk memberikan bantuan atau simpati, dan tekanan terhadap mereka yang tidak berdosa di Eropah Tengah selama beberapa tahun telah mendedahkan keruntuhan moral dan belas kasihan pada abad ke-21 ini.







JAKARTA:

Ketika rusuhan May di Jakarta, rumah mayat di Bandar tersebut telah padat dengan mayat. Di dalam pertempuran yang berlaku Bandar-bandar telah dimusnahkan dan kereta-kereta telah dibakar.


UTARA IRELAND:

Masyarakat yang pincang hidup di dalam ketakutan dan kemiskinan, dan jalan-jalan telah musnah di dalam serangan-serangan yang berlaku di antara Great Britain dan pejuang-pejuang dari organisasi IRA.



LIBERIA:


Sering berlaku keganasan di dalam sengketa dalaman.



Neo-Nazis

Walaupun pemimpin-pemimpin Fasis seperti Hitler dan Mussolini, dan organisasi-organisasi Nazi yang berkaitan dengan mereka (SA, SS, Gestapo) atau "Blackshirts" Mussolini yang terdapat hari ini, kelihatannya seperti sesuatu yang silam, tetapi organisasi-organisasi Neo-Nazi yang mengikuti idea-idea mereka masih aktif. Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pergerakan rasis dan Fasis telah bangkit kembali di kebanyakan negara-negara Eropah. Pada awal pergerakan-pergerakan ini muncul Neo-Nazis di Jerman.

Fasisme masih hidup hari ini. Serangan dan pencabulan keamanan oleh kumpulan-kumpulan Neo-Nazi terutamanya di Jerman, sering terjadi. Neo-Nazis yang memuja Darwin di dalam laman-laman web mereka, adalah musuh kepada bangsa Turki.



Neo-Nazis dianggotai oleh samseng-samseng, penagih dadah, dan mereka yang dahagakan darah, dan memiliki semua ciri-ciri mentaliti Fasis. Sebuah artikel berita tentang Neo-Nazis menunjukkan betapa dahaganya mereka kepada darah dan keganasan:

Darah, kehormatan, dan fanatisisme... Nilai-nilai anggota Kumpulan Fascist Olympia dapat diringkaskan di dalam tiga perkataan ini. Hari ini, organisasi ini telah mempunyai 35,000 anggota. Dan di dalam mata setiap mereka dapat dilihat keinginan luar biasa untuk terus bertambah.⁷⁴

Fasisme masih hidup hari ini. Serangan dan kekacauan oleh kumpulan-kumpulan Neo-Nazis, yang menyangjung Darwin di dalam halaman-halaman web, adalah musuh kepada orang-orang Turki.

Neo-Nazis telah dipengaruhi oleh fahaman Darwinis sepetimana ketua-ketua mereka “yang hebat”, Hitler dan pemimpin-pemimpin Nazi yang lain. Di dalam halaman-halaman internet yang mereka sediakan untuk propaganda Nazi yang rasialis, dengan mudah kita akan dapat menemui kata-kata Darwin dan pujian untuknya, kerana Darwin memberikan sokongan kepada semua pergerakan dan idea-idea Neo-Nazis. Tambahan pula, mereka telah mengangkat teori Darwin ini sebagai satu teori yang mesti diterima, tanpa perlunya sebarang bukti.

Serangan dan pembunuhan yang dilakukan oleh Neo-Nazis adalah sangat kejam. Neo-Nazis merasa bangga membakar manusia hingga mati, menakut-nakutkan mereka, dan mendera kanak-kanak kecil, dan bangsa Turki adalah salah satu sasaran utama mereka. Neo-Nazis telah melahirkan kemarahan dan dendam mereka kepada bangsa Turki di dalam setiap sudut halaman internet mereka, dan menzahirkan kemarahan ini dengan tindakan. Kenyataan tentang bangsa Turki telah muncul di dalam salah satu halaman Neo-Nazis:

Sebagai contoh, sekiranya ia berkuasa hari ini, saya ingin melihat sebahagian bangsa Turki di dalam bilik gas.⁷⁵

Sekali lagi individu yang menjadi asas dendam Neo-Nazis terhadap

bangsa Turki ialah Charles Darwin. Neo-Nazis beranggapan mereka telah mendapat penjelasan saintifik terhadap kebencian mereka terhadap bangsa Turki dengan mengambil dakwaan-dakwaan Darwin yang salah dan bodoh berkaitan dengan mereka. Di halaman akhir bab ini kamu akan dapat menyaksikan lebih banyak laman-laman internet Neo-Nazi yang memuja Darwin dan memperlihatkan apa yang hendak mereka perkatakan tentang bangsa Turki.

Keganasan Neo-Nazi terhadap banga Turki dan orang lain semakin meningkat. Sebuah akhbar harian Turki *Sabah* bertarikh 12 Ogos 2000 telah memberikan satu senarai serangan-serangan Neo-Nazi ketika musim panas tahun 2000:

- Pada bulan Jun, tingkap-tingkap Masjid Ar-Rahman di bandar Gera di negeri Thüringen telah dipecahkan.
- Dua bom api telah dilontarkan ke sebuah masjid Turki di bandar kecil Eppingen di negeri Baden-Württemberg.
- Sebutir bom api telah dilontarkan ke Masjid Hijau di bahagian Utersen, Pinneberg.
- Sebuah bangunan yang didiami oleh orang-orang Turki telah dibakar.
- Di Bochold, sebuah kafe Turki dan sebuah bangunan didiami orang-orang Lubnan telah dibakar. Empat belas orang telah tercedera, seorang berada di dalam keadaan serius.



Neo-Nazis melakukan serangan yang ditujukan kepada orang-orang Turki di Bandar Möln pada 1992.

- Di Utara Jerman, di bandar Chemnitz, seorang bayi kepada sebuah keluarga Iraq telah dicampakkan ke tanah. Muka bayi berkenaan telah tercedera apabila ia terkena konkrit.⁷⁶

Telah berlaku banyak kemalangan-kemalangan ganas kebelakangan ini. Dengan mengambil dendam Darwin terhadap bangsa Turki sebagai panduan, Neo-Nazi telah mengatur serangan terhadap bangsa Turki di



Möln pada November 1992. Seterusnya, dalam tahun 1993, lima orang berbangsa Turki telah dibakar oleh Neo-Nazi di Solingen.⁷⁷ Media

Halaman-halaman web Neo-Nazis. Di dalam halaman-halaman Neo-nazis ini yang memuji menyanjung Darwin, mensasarkan serangan dan ugutan kepada orang-orang Turki.

TO HONOR DARWIN

by Professor Revilo P. Oliver (September 1986)

The theory of biological evolution requires no god. It is the only reasonable and logically plausible explanation of the origin and development of life on this planet that has been thus far proposed. For rational men, there is no alternative.

During the past decade, however, leftist ideologues, abetted by the Jews, have received a virtual monopoly of attention, representing the opinions and interpretations of the proletariat, including, of course, the same jingoistic war-mongers who could more appropriately be called "National" ideologues in the past or, rather, had the expression "National" been a part of "National Socialism," they, having learned the importance of propagandistic terminology, would be using the big words, saying instead of "the people" either of the great, chosen, heroic, valiant, God-fearing, brave, etc., etc., etc., etc., etc., over again what previous to them, Nazis, said, and also giving them power on earth. But, as is ordinarily done when they are compelled by those masters, we see the resulting day a new and more terrible darkness.

telah menyifatkan kejadian ini sebagai “Serangan rasialis paling ganas di dalam sejarah Jerman semenjak era Nazi”. Serangan-serangan seperti ini dapat disaksikan pada tahun-tahun berikutnya. Rumah-rumah orang Turki telah dibakar, mereka juga telah dibelasah dan dicederakan. Sepertimana serangan Jerman ke atas Holland. Di dalam satu serangan yang ditujukan kepada bangsa Turki, seorang wanita dan lima orang anaknya telah dibunuh. Mereka yang mengambil bahagian di dalam upacara perkabungan dijalankan telah menerima surat-surat ugutan yang mempunyai lambang swastika (lambang Neo-Nazi).

Kejadian-kejadian ini hanyalah sebahagian daripada serangan-serangan rasialis terhadap bangsa Turki. Serangan-serangan dan pembunuhan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan Fasis ini, pewaris-pewaris Darwin dan Fasis seperti Hitler, masih berterusan. Undang-undang rasmi masih tidak memadai untuk menyekat serangan kumpulan-kumpulan ini yang tidak berperikemanusian. Cara yang pasti dapat menghentikan mereka ialah dengan mencetuskan perang ideologi yang serius seiring dengan undang-undang rasmi. Kezaliman yang dilakukan oleh mereka yang menganggap rasisme sebagai satu undang-undang semula jadi tidak akan berakhir selagi idea-idea Darwinis tidak ditewaskan oleh sains.

Stern, No:37/1992

Terror
von rechts



Stern (No:40/1992) menulis:

JERMAN DI DALAM KEJATUHAN

Setiap hari terdapat serangan ke atas kem-kem pelarian dengan batu dan bom api. Kebencian terhadap orang luar semakin meningkat dan ini menjelaskan undang-undang masa hadapan. Ahli ahli politik tidak dapat membantu. Gerakan berhaluan kanan dilihat dengan penuh kebimbangan dari luar negara. Ke manakah arah tujuan negara ini?

A man approaches in an off-road vehicle. A group of two boys aged 10 to 12 approached, called him names and fired a blank-cartridge gun into the air. Two climbed on the bus behind him. When the bus arrived at the training centre, they grabbed Muhammad and beat him. One held him while the other punched him with his fist. When he fell to the ground, he was repeatedly kicked in the face with their spiky-toed army combat boots.

"I wasn't surprised about the attack," says Muhammad, whose shaved head exposed extensive scarring. "This often happens and called names. But it was the first time that I was beaten up and I've been afraid ever since. When I saw the Goliath—the 'bully bus'—I look around for other people so there'll be witnesses if they attack me. Though I'm not sure they'd fully notice. Nobody came to my rescue when I was beaten up at the school." Such incidents are commonplace in Germany's newspapers. Michael Fromme's front-page story after day is the stunning picture tag on the crusade to bring the east into the German mainstream.

THUGS Some disaffected youths in the east are turning towards xenophobia, see Nazi groups.

Deutschland im Herbst



Tagtäglich werden Asylbewerberheime mit Steinen und Brandbomben angegriffen. In der Bevölkerung machen sich Zukunftsangst und Ausländerfeindlichkeit breit. Politiker taktieren hilflos. Im Ausland wächst die Sorge über den Rechtsruck in Deutschland. Wohin treibt dieses Land?

Stern, No:40/1992



Die neue deutsche Welle



Rechtsradikale Songs sind die Marschmusik zu den gewalttätigen Aktionen gegenländer. Immer mehr Jugendliche, vor allem in den neuen Bundesländern, lassen sich von den Rhythmen aufputschen.



Stern, No:40/1992

Stern (No:40/1992):

Lagu-lagu radikal digubah dengan muzik untuk melakukan keganasan terhadap orang-orang luar. Golongan muda, yang jumlahnya semakin meningkat setiap hari, terutamanya di negeri-negeri Jerman baru, telah terangsang oleh irama-irama agresif ini.



Stern, No:30/1999

BAB 4

DARWINISME: SUMBER KEKEJAMAN KOMUNIS




Satu ideologi yang telah membawa penderitaan yang maha hebat kepada manusia pada abad yang penuh dengan keganasan dan kekejaman yang baru sahaja kita tinggalkan, dan merupakan ideologi paling tersebar luas di dunia, ialah tidak lain, Komunisme. Komunisme, yang mencapai kemuncaknya dengan dua orang ahli falsafah Jerman Karl Marx dan Friedrich Engels di dalam abad ke-19, telah menumpahkan begitu banyak darah di dunia ini mengatasi Nazi dan imperialis. Ia telah menyebabkan kematian kepada mereka yang tidak berdosa dan menyebarkan keganasan, ketakutan, dan kekecewaan kepada manusia. Sehingga kini apabila orang memperkatakan tentang negara-negara Tabir Besi dan Rusia, imej yang muncul ialah komuniti-komuniti yang dikuasai oleh kegelapan, kabus, dan kekecewaan, jalan-jalan kosong, kesusahan, dan ketakutan. Walau seyakin mana Komunisme dianggap telah musnah pada 1991, tetapi saki-baki yang ditinggalkannya masih wujud. Walau “seliberal” mana pun sebahagian daripada Komunis dan Marxis yang “tidak pernah menyesal”, tetapi falsafah materialis, keburukan Komunisme dan Marxism dan yang telah memesongkan manusia daripada agama dan moral, masih terus mempengaruhi manusia.

Ideologi ini yang telah menyebarkan keganasan ke setiap ceruk dunia sebenarnya telah mewakili satu idea yang berasal daripada zaman purba. Dialektik ialah satu kepercayaan bahawa semua pembangunan di alam ini meningkat hasil daripada konflik. Berdasarkan kepada kepercayaan ini Marx dan Engels telah mula menjalankan analisis sejarah dunia. Marx mendakwa bahawa sejarah manusia adalah satu konflik, di mana konflik ketika itu ialah di antara pekerja dan kapitalis, dan pekerja-pekerja ini akan bangkit dan membentuk revolusi Komunis.

Sifat yang paling menonjol dua orang pengasas Komunisme ini ialah, seperti mana materialis-materialis lain, mereka telah mencetuskan kebencian terhadap agama. Marx dan Engels sememangnya ateis dan melihat penyimpangan daripada agama sebagai inti pati pandangan Komunisme.

Tetapi Marx dan Engels kekurangan satu perkara penting: untuk menarik perhatian masyarakat umum mereka perlu memberikan ideologi mereka satu tarikan saintifik. Dan perikatan bahaya yang telah menyebabkan kepedihan, keganasan, pembunuhan yang melampau, menukar dua saudara kepada musuh, separatisme abad ke-20, telah berkembang pada noktah ini. Darwin telah membentangkan teori evolusinya di dalam bukunya *The Origin of Species*. Dan alangkah menariknya dakwaan asas yang dikemukakannya adalah penjelasan yang Marx dan Engels sedang cari. Darwin mendakwa bahawa hidupan telah berkembang hasil daripada "pertarungan untuk hidup" atau "konflik dialektik". Tambahan pula, dia menafikan ciptaan dan menolak kepercayaan-kepercayaan agama. Bagi Marx dan Engels pula ia adalah peluang yang tidak patut dilepaskan.

*Pengasas Komunisme,
Karl Marx dan Friedrich
Engels*



KERUNTUHAN PANDANGAN SEJARAH MARXIS

Karl Marx, pengasas Komunisme, telah mengadaptasi idea Darwin, yang telah mempengaruhinya, ke dalam proses dialektik sejarah. Menurut Marx, masyarakat melalui beberapa fasa di dalam sejarah, dan faktor yang menentukan fasafasa ini ialah perubahan purata pengeluaran dan hubungan pengeluaran. Berdasarkan pandangan ini, ekonomi menentukan perkara-perkara lain. Sejarah melalui peringkat-peringkat evolusi: Masyarakat primitif, masyarakat hamba, masyarakat feudal, masyarakat kapitalis, dan peringkat terakhir, masyarakat Komunis.

Tetapi sejarah sendiri telah membuktikan bahawa ramalan zaman-zaman evolusi Marx tidak berlaku. Tidak pernah di dalam sejarah mana-mana masyarakat melalui peringkat-peringkat evolusi yang diramalkan oleh Marx. Sebaliknya, dapat dilihat sistem-sistem yang Marx kenal pasti datang sebelum atau selepas pada masa yang sama di dalam satu

masyarakat. Ketika sebahagian negara mengalami sistem mirip kepada sistem feudal, undang-undang kapitalis mungkin dijalankan di kawasan lain. Tidak ada sebarang bukti menunjukkan peringkat daripada satu sistem ke satu sistem yang lain mengikut corak evolusi yang didakwa oleh Marx dan teori evolusi.

Dari segi lain pula, tidak satupun ramalan Marx tentang masa depan menjadi kenyataan. Teori Marx telah dikesan tidak berguna hanya 10 tahun selepas kematiannya. Marx mendakwa satu demi satu bangsa kapitalis paling maju akan melakukan revolusi, tetapi tidak satupun yang berlaku. Lenin, pengikut Marx paling hebat, cuba menjelaskan mengapa revolusi-revolusi ini tidak berlaku, dan kemudian dia pula meramalkan bahawa revolusi-revolusi ini akan berlaku di negara-negara Dunia Ketiga. Hingga kini dakwaan Lenin telah dibuktikan tidak benar oleh sejarah. Hari ini negara-negara yang berada di bawah Komunisme dapat dikira dengan jari sebelah tangan sahaja.

Tambahan pula, Marxisme menggunakan kekerasan di dalam kawasan yang dikuasainya, dan ia tidak berkuasa dengan gerakan popular, seperti yang didakwanya, tetapi melalui tekanan diktator.

Kesimpulannya, sejarah kini telah membantalkan ramalan

zaman-zaman sejarah evolusi falsafah Marx. Teori-teori seperti “sejarah dialektik” dan “sejarah evolusi” di dalam banyak jilid yang ditulis oleh ahli ideologi seperti Marx dan Engels, hanyalah hasil daripada fantasi.

Kekaguman Marx dan Engels Terhadap Darwin

Darwinsme amat penting kepada Komunisme sehingga hanya beberapa bulan selepas buku Darwin diterbitkan, Engels telah menulis kepada Marx, “(tulisan) Darwin, yang baru saya bacanya, adalah sebuah karya cemerlang”⁷⁸

Marx menulis kembali kepada Engels pada 19 Disember 1860, menyatakan “Ini adalah sebuah buku yang mengandungi asas sejarah semula jadi untuk tatapan kita”⁷⁹

Di dalam sepucuk surat yang telah ditulis oleh Marx kepada Lassalle, seorang lagi sahabat sosialis beliau, pada 16 Januari 1861, menyatakan: “Buku Darwin amat penting dan ia memberikan saya satu asas di dalam sains naturalisme tentang pertembungan kelas di dalam sejarah”⁸⁰ Ia telah mendedahkan kepentingan teori evolusi kepada Komunisme.

Marx meluahkan simpatinya kepada Darwin dengan mendedikasikan hasil kerja beliau yang paling penting, *Das Kapital*, kepadanya. Salinan jilid pertama buku Marx milik Darwin telah dicatat oleh Marx, ia menggambarkan dirinya sebagai seorang peminat setia kepada penyokong naturalisme English tersebut.⁸¹

Engels juga telah mengakui kekaguman beliau terhadap Darwin:

Alam semula jadi adalah satu ujian bagi dialektik, dan perlu dijelaskan... bahawa mutakhir ini, alam semula jadi bekerja secara dialektik dan tidak metafizik...

Pada hubungan ini, **Darwin mesti diiktiraf dahulu sebelum yang lain.**⁸²

Engels memuji Darwin dan Marx sebagai mempunyai persamaan, "Sebaik sahaja Darwin menemui undang-undang evolusi di dalam alam organik semula jadi, Marx pula telah menemui undang-undang evolusi di dalam sejarah manusia", dia berkata.⁸³

Di dalam hasil kerjanya yang lain, beliau telah menggariskan kepentingan Darwin dalam membentuk satu teori yang menentang agama:

Dia (Darwin) telah menghuraikan konsep metafizik alam semula jadi dengan membuktikan dunia organik hari ini – tumbuhan, haiwan, dan juga manusia – adalah hasil daripada satu proses evolusi yang berlaku berjuta-juta tahun.⁸⁴

Begitu juga Engels pernah sekali menunjukkan bagaimana beliau menerima teori Darwin dengan menulis sebuah artikel bertajuk "*The Part Played by Labour in the Transition from Ape to Man*".

Seorang penyelidik Amerika Conway Zirckle menjelaskan mengapa pengasas Komunisme menerima teori Darwin dengan segera:

Marx dan Engels menerima evolusi sebaik sahaja Darwin menerbitkan buku *The Origin of Species*. Evolusi diperlukan oleh pengasas komunisme untuk menjelaskan bagaimana manusia dapat hidup tanpa campur tangan daripada kuasa alam ghaib, dan juga boleh digunakan untuk menyokong dasar falsafah materialistik mereka. Tambahan pula, tafsiran Darwin tentang evolusi – evolusi tercetus daripada operasi pilihan semula jadi – **telah memberikan mereka satu hipotesis alternatif untuk melindungi penjelasan fakta secara teleologi bahawa semua bentuk hidupan telah diadaptasikan kepada keadaan sekeliling mereka.**⁸⁵

Tom Bethell, daripada majalah *Harper*, menjelaskan rangkaian asas di antara Marx dan Darwin di dalam ayat berikut:

Marx mendewakan buku Darwin bukan kerana sebab-sebab ekonomi tetapi sebab yang lebih besar, iaitu seluruh bidang diskusi Darwin adalah materialistik, dan penjelasannya tidak lagi melibatkan sebarang rujukan kepada sesuatu yang ghaib, perkara-perkara bukan material di luar atau ‘melampaui’nya. Di dalam keadaan ini, **Darwin dan Marx adalah rakan seperjuangan sejati.**⁸⁶

Hari ini, perikatan di antara Darwinisme dan Marxisme adalah kenyataan yang diterima semua. Biografi-biografi Marx sering menyatakan kenyataan ini. Sebagai contoh, sebuah biografi Karl Marx telah menghuraikan perikatan ini seperti berikut:

“Darwinisme telah memberikan kenyataan yang keseluruhannya menyokong Marxisme dan membenarkannya. Penyebaran idea-idea evolusi Darwinis telah membentuk tanah subur kepada idea Marxis sehingga diterima oleh kelas yang memerintah... Marx, Engels dan Lenin telah mengambil sejumlah ideal Darwin dan menggunakan untuk kepentingan saintifik mereka, dan dengan cara ini penyebaran idea-idea ini telah dipertingkatkan.”⁸⁷

Seperti yang telah kita disaksikan, Marx dan Engels begitu ghairah untuk mempercayai bahawa konsep evolusi Darwin telah membentuk sokongan saintifik untuk pandangan ateis mereka sendiri. Tetapi keghairahan ini terbukti belum tiba waktunya. Teori evolusi mendapat sambutan meluas kerana ia telah didedahkan di dalam keadaan sains abad ke-19 yang primitif dan dipenuhi dengan kesilapan-kesilapan yang melemahkan sebarang bukti saintifik. Sains, yang telah dibangunkan pada separuh kedua abad ke-20, telah mendedahkan kepalsuan teori evolusi. Ini juga bererti kehancuran pemikiran Komunis dan materialis seperti mana yang berlaku kepada Darwinisme. (Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat buku *The Evolution Deceit* oleh Harun Yahya). Tetapi disebabkan para pakar sains yang bersama dengan pandangan materialis mengetahui bahawa kehancuran Darwinisme juga bererti kehancuran kepada ideologi-ideologi mereka sendiri, maka mereka telah berusaha dengan apa cara sekali pun untuk menyembunyikan kehancuran Darwinisme daripada masyarakat.

Ketaksuhan Pengikut-pengikut Marx dan Engels terhadap Darwin


Pengikut-pengikut Marx dan Engel, yang telah menyebabkan kematian berjuta-juta manusia dan menjadi punca kepada mereka yang lain hidup di dalam kesengsaraan, ketakutan dan keganasan, telah menerima teori evolusi ini dengan amat gembira dan ghairah.

John N. Moore memperkatakan hubungan di antara evolusi dan ketua-ketua Soviet yang telah melaksanakan idea-idea Marx dan Engel di Rusia:

Pemikiran ketua-ketua USSR berakar umbi daripada pandangan evolusi.⁸⁸

Leninlah yang telah merealisasikan projek Revolusi Komunis Marx. Lenin, pemimpin gerakan Bolshevik Komunis di Rusia, berhasrat untuk menjatuhkan rejim pemerintah di Rusia dengan kekerasan. Kekecohan yang berlaku selepas Perang Dunia I telah memberikan peluang yang mereka cari-cari. Dengan diketuai oleh Lenin, Komunis telah mengambil





Lenin dan Trotsky

alah kuasa dengan kekerasan pada Oktober 1917. Selepas revolusi ini, Rusia telah menghadapi tiga tahun perang saudara di antara Komunis dan penyokong-penyokong pemerintah asal (tsar).

Seperti pemimpin-pemimpin Komunis yang lain, Lenin sering kali menegaskan bahawa teori Darwin adalah asas utama falsafah materialis.

Salah satu kenyataan beliau telah mendedahkan pandangan beliau terhadap Darwin:

Darwin telah memusnahkan kepercayaan bahawa haiwan dan tumbuhan tidak mempunyai sebarang pertalian, melainkan secara kebetulan, dan ia telah dijadikan Allah, dan kerana itu ia kekal.⁸⁹

Trotsky, yang dianggap sebagai penggubal terpenting revolusi Bolshevik selepas Lenin, juga telah menegaskan kepentingan Darwinisme. Beliau mengisyiharkan keagumannya terhadap Darwin seperti berikut:

Penemuan Darwin adalah kejayaan terhebat kepada dialektik dalam semua bidang organik.⁹⁰

Berikutan kematian Lenin pada 1924, Stalin, yang dikenali sebagai seorang diktator paling kejam di dalam sejarah dunia, telah mengambil alih kepimpinan Parti Komunis. Selama 30 tahun berkuasa, Stalin telah membuktikan betapa zalimnya sistem Komunisme ini.

Langkah pertama Stalin ialah menguasai golongan petani yang mewakili 80 peratus populasi Rusia di atas nama kerajaan. Di atas nama polisi pengumpulan yang mencabul hak-hak peribadi, semua hasil

pertanian penduduk kampung Rusia telah dikutip oleh pegawai-pegawai bersenjata. Hasil daripada tindakan ini ialah kebuluran yang serius. Berjuta-juta wanita, kanak-kanak, dan orang-orang tua yang tidak menemui sesuatu untuk dimakan telah mengakhiri hidup mereka di dalam derita kebuluran. Jumlah kematian di Caucasus sahaja ialah 1 juta.

Stalin telah menghantar beratus-ratus orang yang cuba menolak polisi ini ke kem-kem buruh Siberia yang teruk. Kem-kem ini, di mana tahanan-tahanan bekerja sehingga mati, telah menjadi tanah perkuburan kepada ramai orang. Di samping itu. Berpuluhan ribu orang juga telah dihukum bunuh oleh polis rahsia Stalin. Berjuta-juta penduduk telah dipaksa untuk berpindah ke pelosok-pelosok Rusia yang jauh, termasuk orang-orang Turki Crimea dan Turkestan.



Melalui polisi-polisi kejam ini Stalin telah membunuh kira-kira 20 juta orang. Ahli sejarah mendedahkan bahawa kekejaman ini telah memberikannya kepuasan yang hebat. Ia memberikannya kepuasan untuk duduk di mejanya di Kremlin dan menganalisis senarai-senarai mereka yang telah mati di kem-kem tahanan atau siapa yang telah dihukum bunuh.

Sebahagian ahli psikologi peribadinya menyatakan, pengaruh utama yang menyebabkan beliau menjadi seorang pembunuh yang

Stalin, salah satu nama paling berdarah di dalam sejarah, menyebabkan kematian berpuluhan juta orang, kematian disebabkan kebuluran dan kemiskinan, dan berjuta-juta yang lain terbiar tanpa tempat tinggal dan pekerjaan

kejam seperti ini ialah falsafah materialis yang diyakininya. Di dalam perkataan Stalin sendiri, asas utama kepada falsafah ini ialah teori evolusi Darwin. Dia menerangkan kepentingan beliau menerima idea-idea Darwin:

Terdapat tiga perkara yang perlu kita lakukan untuk membebaskan minda pelajar-pelajar menengah kita. Kita perlu mengajar mereka period bumi, asal usul geologi, dan **ajaran Darwin**.⁹¹

Ketika Stalin masih hidup, seorang rakan sepermainannya yang rapat sewaktu kecil telah menceritakan dengan panjang lebar bagaimana Stalin menjadi seorang ateis di dalam buku *Landmark in the Life of Darwin*:

Ketika di awal usianya, ketika masih menjadi seorang pelajar sekolah gereja, Stalin telah membentuk satu minda kritikal dan sentimen revolusi. Dia telah mula membaca Darwin dan menjadi seorang ateis.⁹²

Di dalam buku yang sama, G. Glurdjidze, seorang lagi rakan sepermainan Stalin telah menceritakan bagaimana Stalin telah berhenti mempercayai Tuhan dan telah memberitahunya bahawa puncanya ialah **buku Darwin**, dan mendesaknya untuk turut membacanya.⁹³

Salah satu petunjuk penting tentang keyakinan membabi buta Stalin terhadap teori evolusi ialah penolakan sistem pendidikan Soviet terhadap undang-undang genetik Mendel ketika beliau berkuasa. Undang-undang ini, yang telah diterima oleh seluruh dunia sains semenjak permulaan abad ke-20, telah menolak dakwaan Lamarck bahawa “sifat-sifat perolehan boleh diwariskan kepada generasi berikutnya”. Pakar sains Rusia Lysenko yang melihat ini sebagai kejutan hebat kepada teori evolusi dan dalam masa yang sama adalah ancaman yang besar, telah memberitahu Stalin ideal beliau. Stalin telah tertarik dengan idea-idea Lysenko ini dan menjadikan beliau ketua pegawai persekutuan-persekutuan sains. Oleh itu, sains genetik, yang telah memberikan satu kejutan hebat kepada teori evousi, telah ditolak di semua persekutuan

sains dan sekolah Soviet Union sehingga Stalin meninggal dunia.

Di zaman Stalin, Soviet Union telah berubah kepada keadaan yang kucar kacir di mana berjuta-juta nyawa manusia berada di dalam bahaya, dan di mana mereka boleh diambil pergi bila-bila masa sahaja untuk dikenakan seksaan di luar imaginasi walaupun mereka tidak melakukan sebarang jenayah. Bukan hanya Komunisme, tetapi sejarah Fasisme juga penuh dengan kejadian-kejadian seperti ini.

Sebahagian pengulas sejarah telah melakukan kesilapan ketika mentafsirkan kejadian-kejadian ini apabila cuba membuktikan bahawa punca utama kepada semua kekejaman dan kezaliman ini adalah kerana mereka seperti Lenin, Stalin, Mao, Hitler, dan Mussolini tidak siuman dan kurang waras. Bagaimana ini boleh menjadi satu kebetulan, seluruh dunia boleh jatuh ke tangan orang-orang yang tidak siuman dan gila di dalam satu waktu yang sama.

Ia adalah kebenaran yang nyata dan jelas bahawa semua orang dan ideologi-ideologi ini minum daripada pergi yang sama dan bahawa mereka telah digambarkan sebagai telah dijustifikasi dan daripada sumber yang sama. Ringkasnya, terdapat pihak lain yang bersalah di sebalik orang-orang ini. Punca ketua-ketua yang kejam dan tidak siuman ini mengheret berjuta-juta yang lain bersama mereka, dan yang membenarkan mereka melakukan



perbuatan jenayah, ialah kuasa dan sokongan sains yang telah diberikan kepada mereka oleh falsafah materialis dan Darwinisme.

Mao Tse Tung: Duta Darwin dan Marx ke China

Ketika Stalin menjalankan rejim pemerintahan satu partinya, rejim Komunis lain yang melihat Darwinisme sebagai sokongan saintifiknya telah terbentuk di China. Komunis di bawah kepimpinan Mao Tse Tung telah mula berkuasa pada 1949 selepas perang saudara yang panjang. Mao telah membentuk sebuah rejim yang menindas dan kejam, seperti sekutunya Stalin, yang telah memerikannya sokongan hebat. China telah menyaksikan pembunuhan politik yang tidak terkira banyaknya. Pada tahun-tahun berikutnya, tentera muda Mao, yang dikenali sebagai "Red Guard", telah menjerumuskan negara tersebut kepada satu keadaan yang sangat teruk.

Mao secara terbuka telah mengumumkan asas falsafah kepada sistem yang dibentuknya dengan menyatakan, "**Sosialisme China telah terbentuk di atas Darwin dan teori evolusi**".⁹⁴

Dengan menjadi seorang Marxis dan seorang ateis dan penganut setia kepada konsep evolusi, Mao telah menetapkan bahawa bahan bacaan pada awal hari "Loncatan Ke Hadapan Yang Hebat" di dalam kesusasteraan ialah tulisan-tulisan Charles Darwin dan bahan-bahan lain yang menyokong paradigma evolusi.⁹⁵

Apabila Komunis China mula berkuasa pada 1950 mereka telah mengambil teori evolusi sebagai asas ideologi mereka. Sebenarnya intelektual China telah menerima teori evolusi ini sejak lama dahulu:

Pada abad ke-19, Barat menggelar China sebagai gergasi yang sedang tidur, terasing dan terperosok dalam tradisi purba. Beberapa orang bangsa Eropah telah menyedari **kecenderungan intelektual-intelektual China menggunakan idea-idea evolusi Darwin dan melihat pada diri mereka dorongan yang kuat**

untuk maju dan berubah. Menurut seorang penulis China Hu Shin (*Living Philosophies*, 1931), apabila buku Thomas Huxley *Evolution and Ethics* dicetak pada 1898, ia telah disambut dan diterima oleh intelektual-intelektual China. Orang-orang kaya telah menjajakan edisi China yang murah supaya ia dapat disebarluaskan lebih meluas kepada rakyat.⁹⁶

Oleh itu, mereka yang berpaling kepada Komunisme dan mengetuai revolusi China ialah intelektual-intelektual ini yang telah “dipengaruhi” oleh idea-idea Darwin.

Tidak sukar bagi China untuk menyertai gerakan Darwinisme dan Komunisme walaupun dengan kepercayaan-kepercayaan dan sejarah panteisme yang tebal. Di dalam sebuah artikel majalah *New Scientist*, ahli falsafah Kanada, Michael Ruse menyatakan, berkaitan dengan zaman awal abad ke-20 China:

Idea-idea ini segera bertapak, kerana China tidak mempunyai swadaya intelektual dan agama yang menentang evolusi seperti yang sering terjadi di Barat. Dari beberapa segi, **Darwin dilihat seperti orang China...** Pemikiran Taoist dan pemikiran secara Confusius yang moden sering menegaskan manusia bukan benda. Kejadian kita sama dengan haiwan bukan lagi satu kejutan... Hari ini, falsafah rasmi ialah Marxisme-Leninisme. Tetapi **tanpa pendekatan sekular materialis Darwinisme, tentu tanah tersebut tidak dikerjakan supaya Mao dan para revolucioner dapat menabur benih mereka dan memungut hasilnya.**⁹⁷

Seperti yang telah dinyatakan oleh Michael Ruse, dengan firma yang ditubuhkan daripada idea-idea secara Darwin, China dengan mudah telah mengambil Komunisme. Rakyat China, yang telah ditenggelami oleh idea-idea secara Darwin, hanya berpeluk tubuh dan menyaksikan semua pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh Mao Tse Tung, salah seorang pembunuhan paling kejam dalam sejarah.

Di samping itu, Komunisme juga adalah punca konflik-konflik gerila, perlakuan kejam keganasan, dan perang saudara di dalam banyak negara, tidak hanya di China. Turkey adalah satu di antaranya. Pada tahun 1960an dan 1970an, kumpulan-kumpulan yang bangkit menentang kerajaan telah mengheret Turkey ke kancang keganasan dengan impian untuk melakukan

satu revolusi Komunis di dalam negara. Selepas 1980, terorisme Komunis telah menyertai separatisme dan telah menjadi penyebab kepada kematian berpuluhan ribu bangsa Turki, serta polis dan askar-askar ketika menjalankan tanggungjawab mereka.

Ideologi Komunis yang telah membawa pertumpahan darah kepada dunia dengan cara ini selama 150 tahun, sering bersama dengan Darwinisme. Sehingga ke hari ini, para Komunis adalah penyokong utama Darwinisme. Setiap kali seseorang melihat kepada golongan-golongan yang menyokong teori evolusi ini, di hampir setiap negara, seseorang itu akan melihat para Marxis berada di barisan hadapan. Kerana seperti yang disebutkan oleh Karl Marx, teori evolusi membentuk asas ideologi Komunis daripada aspek sains semula jadi dan memberikan para Komunis sokongan saintifiknya paling utama terhadap penolakan agama.

Asas Perikatan Di Antara Darwinisme dan Komunisme: Kebencian Terhadap Agama

Seperti yang telah dijelaskan terdahulu, sebab utama kepada pergantungan materialis dan Komunis kepada Darwinisme ialah sokongan mantap yang diberikan oleh Darwinisme kepada ateisme. Falsafah materialis telah lama wujud, tetapi sehingga abad ke-19 kebanyakannya ahli falsafah telah menolak buku-buku teori ini. Punca utamanya ialah sehingga ke waktu itu kebanyakannya ahli-ahli sains mempercayai Tuhan dan mempercayai realiti penciptaan. Tetapi pada abad ke-19 falsafah materialis dan teori Darwin telah mula meresap masuk ke ilmu sains semula jadi. Darwinisme adalah asas utama kepada kebudayaan materialis yang telah melekapkan tandanya pada abad ke-19 dan yang paling ketara kesannya pada abad ke-20.

Ideologi-ideologi yang lahir daripada kebudayaan materialis ini, seperti yang telah kita kaji, telah mencetuskan dua perang dunia yang paling hebat, perang-perang saudara yang banyak dan tindakan-tindakan

keganasan, pemusnahan bangsa, pemusnahan, dan kezaliman. Disebabkan oleh bencana ini berpuluhan juta orang telah kehilangan tempat kediaman mereka, beratus juta telah ditindas dan terpaksa melalui layanan yang paling teruk.

Pengganas-pengganas yang telah terpengaruh dengan pandangan secara Darwin-materialis, seperti binatang yang mereka dakwa sebagai nenek moyang mereka, pergi ke pergunungan dan tinggal di gua-gua di dalam keadaan yang dahsyat. Mereka boleh membunuh orang tanpa berfikir dua kali dan membunuh bayi-bayi, orang-orang tua, dan mereka yang tidak bersalah. Dengan tidak menganggap diri mereka dan orang lain sebagai hidupan yang telah dijadikan oleh Allah berserta roh, minda, kesedaran, dan kefahaman, mereka telah melakukan perkara sama yang dilakukan oleh binatang-bintang kepada binatang yang lain. Perobohan





Ketika dan selepas revolusi Bolshevik banyak serang ke atas agama telah berlaku. Gereja-gereja dan masjid telah diruntuhkan. Hasil-hasil seni di dalam gereja telah dirampas, seperti yang dapat dilihat di dalam gambar-gambar di atas.

Stalin terhadap berdozen-dozen gereja dan masjid-masjid adalah salah satu tanda kebencian Komunisme terhadap agama.

Di dalam bukunya *The Long War Against God*, Henry Morris menggambarkan hubungan ini dengan cara berikut:

Walaupun mempunyai kelemahan saintifik, dakwaan evolusi tentang karakter sains telah digunakan untuk menjustifikasi semua sistem dan praktis yang jengkel. Antara yang paling berjaya ialah Komunisme, dan pengikut-pengikutnya seluruh dunia telah diperdaya bahawa komunisme adalah betul kerana ia berpaksi kepada bukti-bukti sains evolusi.⁹⁸

Dendam Komunisme dan materialisme terhadap agama dapat dilihat dalam setiap keganasannya sepanjang kenaikan Bolshevik. Gereja-gereja dan masjid-masjid telah diranapkan, dan di antara mereka yang disingkirkan daripada “masyarakat sosialis baru”, ialah orang-orang agama yang mempunyai kedudukan penting. Dengan menafikan bahawa kebanyakan anggota masyarakat adalah mereka yang beragama, mereka telah ditegah daripada menjalankan tanggungjawab agama mereka. Dalam usaha untuk mengetepikan hari Ahad, di mana penganut kristian ke gereja, konsep hari cuti yang biasa telah diubah. Setiap orang akan bekerja lima hari, tetapi

hari cuti adalah pada sebarang hari. Tindakan ini telah diperkenalkan oleh komunis "untuk memudahkan usaha menghapuskan agama".⁹⁹ Berikutan itu, pada 1928 dan 1930 cukai-cukai yang telah dibayar oleh mereka yang beragama telah meningkat 10 kali ganda, kupon-kupon makanan mereka telah dirampas, dan mereka tidak lagi dibenarkan menggunakan perkhidmatan kesihatan, bererti mereka tidak lagi dapat menikmati sebarang hak asasi, mereka juga sering ditahan, dipindahkan daripada jawatan mereka dan diasingkan. Pada 1936, sekitar 65% masjid dan 70% gereja telah dimusnahkan.

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (Al-Baqara:114)



Di antara tindakan paling ganas menentang agama telah dilakukan di Albania. Pemimpin Komunis Albania, yang dikenali sebagai seorang yang tidak beragama, Enver Hodja, telah mengumumkan pada 1967 Albania sebagai negara “tidak beragama” yang pertama. Mereka yang beragama telah dimasukkan di bawah pengawasan tanpa sebarang sebab, dan sebahagian mereka telah dibunuh ketika berada di dalam pengawasan ini. Pada 1948 dua orang paderi dan 5,000 orang agama telah ditembak. Orang-orang Islam juga telah dibunuh dengan cara yang sama. Akhbar bulanan *Nendori* telah mengumumkan bahawa 2,160 masjid dan gereja telah ditutup, daripadanya ialah 327 tempat ibadat Katolik.

Tidak syak lagi, tujuan praktikal ini ialah matlamat Komunisme untuk membentuk masyarakat-masyarakat yang menolak kewujudan Tuhan, tidak mempunyai sebarang kaitan dengan agama, dan yang hanya mempercayai dan menghargai perkara-perkara kebendaan. Sebenarnya, ia adalah salah satu matlamat utama Komunisme, kerana pemimpin-pemimpin Komunis sedar bahawa mereka hanya dapat memerintah orang-orang yang telah menjadi mesin, dan tidak sensitif, tidak berperasaan dan yang lebih penting, masyarakat yang tidak bertakwa kepada Allah, dan dapat mendorong mereka melakukan seberapa banyak pembunuhan dan penindasan yang mereka kehendaki. Dakwaan Darwinisme, yang telah memberikan sokongan kepada ateisme dan yang mewajarkan sebarang jenis penindasan, keganasan, konflik, pembunuhan, dan perkara yang haram di dalam agama, telah menggalakkan semua ideologi yang menumpahkan darah dan menganggap nyawa manusia sebagai tidak berharga pada abad ke-20. Kerana itulah abad lepas telah dipenuhi dengan perperangan, pembunuhan beramai-ramai, pemberontakan, tindakan-tindakan ganas, perkelahian, dan dendam yang tidak berkesudahan.

Revolusi Komunis sangat kejam. Berpuluhan juta manusia telah dibunuh beramai-ramai dan dibunuh dengan biadab. Pemimpin-pemimpin Komunis memerintahkan sesiapa yang menentang mereka mestilah dibunuh.



Penindasan dan Keganasan Yang Dibawa Ke Dunia Ini Oleh Darwinis Komunis

Anarki dan keganasan adalah dua senjata penting Marxisme dan Komunisme. Kecenderungan Marxisme terhadap keganasan dapat dilihat di dalam eksperimen Komuniti Paris ketika Marx masih hidup. Secara dasarnya, keganasan mula menjadi perkara penting kepada ideologi Komunisme disebabkan Lenin, ketika beliau cuba mempraktikkan teori-teori Marx. Komunisme menumpahkan darah berjuta-juta manusia di seluruh dunia, dan menyebabkan mereka mengalami kesengsaraan, ketakutan dan keganasan dengan membentuk organisasi-organisasi teroris. Seperti yang dapat dilihat di dalam halaman berikutnya, hari ini semua pemimpin-pemimpin Komunis diingati kerana penindasan dan pembunuhan yang telah mereka lakukan. Tetapi sebaliknya, sebahagian golongan masih mengetepikan pembunuhan-pembunuhan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan ini, dan masih menerima orang-orang gila ini sebagai guru mereka.

Walaupun sebahagian Komunis mendakwa bahawa keganasan bukan perbuatan Komunis dan bahawa ia hanya dilakukan oleh individu-



**PENINDASAN
DI RUSIA :**

Penindasan yang dialami di dalam revolusi Rusia dapat di lihat di dalam gambar ini.

individu tertentu yang mengamalkan Komunisme, dan walaupun mereka cuba membersihkan Komunisme, terdapat satu kebenaran yang tidak dapat dinafikan: **Pengasas Komunisme secara peribadi telah menyokong keganasan dan kekejaman dan menganggap ia sebagai inti pati ideologi mereka.** Seorang saintis Politik Amerika Samuel Francis menyatakan seperti berikut berkaitan dengan subjek ini:

Marx dan Engels secara umum menegaskan bahawa revolusi sentiasa ganas dan para revolucioner perlu menggunakan keganasan untuk menentang pemerintah, dan dalam beberapa keadaan mereka menyokong keganasan.¹⁰⁰

Karl Marx menyatakan “pemberontakan adalah satu seni tidak berbeza dengan peperangan” dan telah mengambil kata-kata Danton, sebuah nama yang tersohor di dalam “politik revolusi”, sebagai satu prinsip, “de l’audace, de l’audace, encore de l’audace” (Serang, serang dan serang lagi)¹⁰¹. Terdapat kenyataan jelas dikeluarkan oleh Lenin tentang kepentingan menggunakan keganasan secara sistematis. Ini adalah sebahagian daripadanya:

Realitinya sebuah negara adalah tidak lebih daripada sebuah mesin untuk penindasan satu kelas ke atas yang lain. Kediktatoran adalah peraturan berasaskan kuasa dan tanpa dibatasi oleh undang-undang... Kediktatoran revolusi proletariat (golongan pekerja makan gaji) ialah undang-undang menang dan bertahan melalui penggunaan keganasan oleh



Natiyah daripada kebuluan 1921-1922, yang disebabkan oleh rejim Komunis, merupakan yang paling menyeksakan. Gambar-gambar ini menunjukkan manusia yang mati kebuluran.

golongan proletariat menentang golongan pertengahan burjuis, peraturan yang tidak dibatasi oleh sebarang undang-undang.¹⁰²

Kami sama sekali tidak menentang pembunuhan politik... Secara terus terang, hubungan langsung dengan gerakan rakyat boleh dan hendaklah berasaskan nilai tindakan ganas individu.¹⁰³

Untuk berkuasa pekerja kelas yang berkesedaran perlu memenangi golongan majoriti ke pihak mereka. Selagi keganasan tidak digunakan menentang mereka, tidak ada jalan lain untuk berkuasa.¹⁰⁴

Bercakap di dalam sebuah mesyuarat pekerja, Lenin telah memberikan satu kenyataan pengakuan tentang peri pentingnya keganasan kepada mereka:

Sekiranya rakyat tidak bangkit segera, ia tidak akan membawa apa-apa hasil... Selagi kita gagal memperlakukan spekulator-spekulator ini dengan cara yang sepatutnya – dengan meletakkan peluru di kepala – kita tidak akan berjaya.¹⁰⁵

Salah seorang pemimpin Revolusi Oktober di Rusia yang terkenal, Trotsky, menyatakan seperti berikut untuk menguatkan dakwaan Lenin:

Tetapi revolusi menuntut kelas revolusi mencapai penamatnya dengan apa cara sekali pun – jika perlu; dengan mengangkat senjata: jika diperlukan; dengan keganasan.¹⁰⁶

Malah Trotsky lebih berani lagi di dalam ucapan beliau yang lain:

Satu-satunya pilihan kita kini ialah perang saudara. Perang saudara ialah pertarungan untuk makanan... Hidup perang saudara!¹⁰⁷

Prinsip-prinsip ahli teori Komunis seperti Lenin dan Trotsky ini telah diamalkan di dalam revolusi Bolshevik di Rusia. Ketika zaman revolusi pada musim sejuk 1917, telah berlaku pembunuhan beramai-ramai secara meluas, perampasan, dan keganasan yang sukar dipercayai. Mereka yang menentang revolusi, atau mereka yang disyaki menentang revolusi, telah dicekup tanpa sebab, ditahan, dan ditembak: rumah-rumah telah dirampas dan dimusnahkan. Keganasan yang telah dimulakan pada

zaman Lenin dan Trotsky menjadi lebih parah di zaman Stalin.

Harrison E. Salisbury dari The New York Times, menggambarkan sistem kem tahanan Soviet seperti berikut:



Tindakan kerajaan Rusia merampas hasil penduduk kampung di Ukraine telah menyebabkan penduduknya mati kebuluran.

Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan ugama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan ugama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)".

(Surah An-Nisa:75)



"senarai penyerahan" telah disusun oleh Stalin, di samping penyeksaan, mereka juga merampas hasil tuai penduduk-penduduk kampung. Unit-unit ini menindas manusia dalam berbagai-bagai cara. Mereka yang tidak dapat memberikan hasil yang mencukupi untuk diseksa sehingga mati dalam berbagai cara. Gambar menunjukkan penderitaan masyarakat di bawah pemerintahan Komunis.





... seluruh benua berada di dalam keadaan menakutkan... Dibandingkan dengan mereka yang melakukan beratus ribu hukuman bunuh dan berjuta-juta yang mati dalam sistem ganas Soviet, Czar kelihatan lebih baik... Minda kita ragu dengan pemikiran jahat bersistem ini, di mana tiga atau empat juta atau lebih lelaki dan perempuan telah dipenjarakan setiap tahun untuk mendesak buruh dan orang buangan – di dalam keadaan yang terlalu pantas sehingga banduan-banduan tersebut tidak tahu mengapa mereka dipenjarakan...¹⁰⁸

Bangsa bukan Rusia, terutamanya bangsa orang Turki Crimea dan Asia Tengah, dan Kazakhstan, terdedah kepada keganasan sistem Soviet ini. Mahkamah khas, troiki, telah dibentuk untuk membersihkan masyarakat Rusia daripada bangsa Kazakhstan. Pada Oktober 1920 sahaja, mahkamah-mahkamah troiki telah menjatuhkan hukuman mati kepada lebih 6,000 orang, dan hukuman ini telah dilaksanakan serta merta. Ahli keluarga, dan kadang kala jiran tetangga yang menentang rejim ini dan tidak ditahan, telah dijadikan sebagai tebusan dan telah dihantarkan ke kem-kem pengawasan. Martin Latsis, salah seorang ketua di kem-kem ini mengakui wujudnya kem-kem maut di dalam salah satu laporannya:

Dikumpulkan di dalam sebuah kem berhampiran Maikop, tawanan-tawanan ini yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak dan orang tua hidup di dalam keadaan yang paling teruk, di dalam kesejukan dan selut bulan Oktober... Mereka mati seperti lalat. Kaum wanita akan melakukan apa sahaja untuk menyelamatkan diri daripada kematian. Askar-askar yang mengawal di kem ini mengambil kesempatan di atas keadaan ini dan melayan mereka seperti pelacur.¹⁰⁹

Di bawah pengaruh Darwin, revolusi-revolusi Komunis telah membunuh manusia dengan berbagai cara yang gila. Telah dikenal pasti bahawa matlamat utamanya ialah penghapusan. Mereka seolah-oleh percaya bahawa semakin banyak manusia yang mereka bunuh, semakin hebat kejayaan yang akan mereka kecapi. Rancangan mereka untuk menghapuskan sesiapa sahaja yang disyaki menentang revolusi dapat dilihat di dalam salah satu keputusan mereka:

Pyatigorsk (Jawatankuasa Khas Untuk Perang Menentang Revolusi Balas), telah **membuat keputusan untuk menjalankan hukuman mati ke atas 300 orang sehari**. Mereka membahagikan sebuah bandar kepada beberapa wilayah dan mengambil satu kuota daripada setiap wilayah, dan meminta Parti mencabut senarai hukum bunuh... **Di Kislovodsk, kerana tidak ada idea yang lebih baik, mereka telah memilih untuk membunuh mereka yang berada di hospital.**¹¹⁰

Seperti yang telah diumumkan di dalam sebuah artikel akhbar *Krasnyi Mech* (Pedang Merah), yang menyokong Komunis, Komunis melihat segalanya adalah halal dan percaya bahawa darah perlu ditumpahkan supaya warna bendera Merah dapat berkibar:

Kepada kami, segalanya dibenarkan, kerana kami yang mula mengangkat senjata bukan untuk menindas bangsa-bangsa dan menjadikan mereka hamba tetapi untuk membebaskan manusia daripada belenggunya... **Darah? Biarkan darah mengalir seperti air! Biarkan darah terus menodai bendera hitam lanun yang dikibarkan oleh masyarakat burjuis (kelas pertengahan), dan biarkan bendera kita merah darah selama-lamanya!** Hanya melalui kematian dunia lama akan dapat membebaskan diri kita selama-lamanya daripada kembalinya serigala-serigala ini!¹¹¹

Di samping seksa-seksaan ini, Stalin juga telah menyediakan "senarai

penyerahan” untuk merampas hasil petani-petani secara kekerasan. Unit ini bertanggungjawab terhadap segala penindasan ini. Pada 14 Februari 1922, seorang inspektor telah menulis seperti berikut:

Penderaan berdasarkan kepada senarai penyerahan ini telah mencapai satu tahap yang tidak dapat dibayangkan lagi. Para petani yang ditahan akan dikurung di dalam gudang yang besar dan panas; mereka kemudian disebat dan diancam untuk dibunuh. Mereka yang tidak memenuhi kuota mereka akan diberkas dan dipaksa berlari dalam keadaan telanjang sepanjang jalan utama kampung dan kemudian akan dikurung di dalam bangsal. Ramai wanita telah dipukul sehingga pengsan kemudian dihumban dalam keadaan telanjang ke dalam lubang yang dikorek di dalam salji...¹¹²

Stalin percaya Sepanyol memberikannya peluang kepada USSR dan dengan itu mencampuri urusan negara ini akan membawa keuntungan. Kerana itu dia memihak dan menyokong Komunis di dalam Perang Saudara Sepanyol. Rentetan daripada itu, keganasan di USSR telah merebak ke Sepanyol. Satu contoh penindasan dan penderaan ini ialah kem pusat di mana 200 orang anti-Stalin telah ditempatkan pada awal 1938. “Apabila para penyokong Stalin memilih untuk membuka cheka”, seorang mangsa menyebut:

Terdapat sebuah perkuburan yang telah dibersihkan dekat sini. Para Chekis ini mendapat idea jahat: mereka membiarkan batu nisan kubur tersebut terbuka, dalam keadaan tengkorak dan badan mayat terdedah. Di situ lah mereka mengurung kes-kes yang sukar. Mereka mempunyai beberapa cara penyeksaan yang ganas. Ramai banduan digantung kaki mereka dalam keadaan terbalik sepanjang hari. Sebahagian yang lain pula telah dikurung di dalam almari kecil yang hanya mempunyai beberapa lubang udara berhampiran muka mereka untuk bernafas... salah satu cara paling teruk dikenali sebagai “the drawer”; banduan dipaksa bercangkung di dalam sebuah kotak empat segi selama beberapa hari. Sebahagian yang dimasukkan ke dalam kotak ini tidak dapat bergerak selama lapan ke sepuluh hari.¹¹³

Pada 1931 Paus Pius XI telah menyebut seperti berikut tentang keganasan Komunis yang telah menggugat dunia di dalam surat *Quadragesimo Anno*:

Komunis mengajar dan mencari dua objektif: **peperangan berterusan antara kelas-kelas, dan penghapusan sepenuhnya hak milik peribadi.** Mereka melakukannya secara terang-terangan, terbuka dan menggunakan apa juga cara yang boleh, walaupun secara keganasan. Untuk mencapai objektif ini, tidak perlu merasa takut untuk melakukan apa sahaja, tiada apa pun yang patut dihargai dan dihormati. Apabila telah berkuasa, ia menggalakkan kekejaman dan kezaliman. **Penyembelih dan kemusnahan yang teruk telah meluas di Timur Eropah dan Asia, telah membuktikannya.¹¹⁴**

Seperti yang disebutkan, matlamat prinsip Komunisme ialah satu peperangan antara kelas yang kejam dan menghapuskan harta peribadi. Dengan kata lain, matlamatnya adalah untuk melaksanakan teori evolusi, yang telah Darwin laksanakan di dalam bidang biologi sehingga kepada kehidupan sosial manusia, sehingga menjadikan manusia seperti haiwan liar di dalam alam semula jadi, dalam konflik, dalam perang.

Malapetaka yang dibawa oleh Darwinisme tidak hanya terhenti di Rusia. Di antara negara yang paling teruk terkesan ialah China.

Penyokong Darwin Mao Tse-Tung dan Pembunuhan Beramai-ramai

Ketua Komunis China Mao mempunyai dua panduan penting; salah satu daripadanya, seperti yang telah kita sebutkan sebelum ini, ialah Darwin, dan yang lain pula ialah Stalin. Kedua-dua nama ganas yang dapat ditemui di dalam personaliti Mao, telah membawa banyak tragedi dan meninggalkan kesan di sepanjang sejarah China. Sekitar 6 ke 10 juta orang telah dibunuh secara langsung di bawah arahan Mao Tse Tung, berpuluhan juta penyokong revolusi menghabiskan sebahagian besar hidup mereka di dalam penjara, di mana 20 juta daripada mereka mati. Di antara 20 hingga 40 juta manusia mati kebuluran pada tahun 1959-1961, di dalam zaman yang digelar “The Great Leap Forward”, natijah daripada polisi ekstrem Mao. Pembunuhan beramai-ramai di Tienanmen Square pada Jun 1989 (1000 telah terbunuh), adalah satu contoh tentang apa yang



telah dilalui oleh China di dalam sejarahnya mutakhir ini. Pembunuhan dan pemusnahan bangsa menentang orang Islam Turki di Timur Turkestan masih berlaku.

Banyak kekejaman dan perkara-perkara tidak masuk akal telah berlaku revolusi Komunis di China. Masyarakat yang terkesan oleh sejenis hipnosis, telah menyokong semua kekejaman ini dan menunjukkan sokongan mereka dengan bersorak apabila mereka melihat pembunuhan.

Buku *Le Livre Noir du Communisme* ("Buku Hitam Komunisme"), yang ditulis oleh ahli sejarah dan guru-guru telah menggambarkan kekejaman Komunis seperti berikut:

Semua orang dijemput untuk menghadiri perbicaraan umum "penyokong revolusi" yang akan dihukum mati. Semua orang yang mengambil bahagian di dalam hukuman bunuh ini, menjerit "bunuh, bunuh" kepada Red Guard yang bertanggungjawab untuk mengerat mangsanya menjadi cebisan. Kadang kala cebisan-cebisan ini dimasak dan dimakan, atau

*Penyokong-penyalahgunaan Komunis
Mao menghukum siapa sahaja
yang menentang mereka dalam
perang saudara dengan cara yang
biadab, memalukan mereka di
khalayak ramai dan kemudian
membunuhan mereka.*



Pemimpin-pemimpin parti China yang dituduh sebagai kapitalis telah dicukur kepala mereka terlebih dahulu di hadapan khayak ramai dan kemudian dibunuh.



Hukuman bunuh ke a seorang wanita Chin Wang Souxin. Wang j digunakan untuk men peluru yang digunakan dalam pembunuhan tersebut di Red Chine telah diambil daripada ahli keluarga mangsa

POL POT DAN "LADANG PEMBUNUHAN" KHMER ROUGE

Di antara tahun 1975 dan 1979, ketika pemerintahan Pol Pot, dua juta rakyat Kambodia daripada tujuh juta penduduk telah dibunuh. Jika dilihat pada pembunuhan yang dilakukan oleh Pol Pot, yang bercita-cita untuk mengasaskan sebuah negara Komunis paling sempurna, sebagai satu keuntungan kepada penduduk, maka pembunuhan itu adalah lebih dahsyat daripada Hitler dan Stalin. Sasaran utama Pol Pot ialah golongan masyarakat seperti doktor, jurutera, pakar sains,

ringkasnya golongan intelektual negara, yang telah dibunuhnya. Arahannya telah dikeluarkan bahawa "sesiapa yang memakai kaca mata" mesti dibunuh.

Hasil daripada pembunuhan kejam ini, "ladang pembunuhan" yang berlangsung selama setahun telah dibentuk.

Logik yang digunakan oleh pegawai-pegawai Khmer Rouge untuk menjustifikasi pembunuhan mereka dapat diringkaskan dalam kata-kata ini: "Biarkan




engkau hidup tidak membawa sebarang keuntungan. Kehilangan engkau juga tidak merugikan". Mereka membunuh sesiapa sahaja yang mereka anggap atau sekadar disyaki sebagai tidak berguna atau berbahaya. Sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga akan hilang nyawa di dalam pembunuhan ini.

Pol Pot, yang menganggap manusia sebagai tidak bernilai, percaya keluarga hanya akan menghalang visi radikal sosialisnya. Beliau cuba menghancurkan idea kekeluargaan dengan memecah belahkan keluarga-keluarga dan membantu mereka hidup di dalam tempat-tempat yang menjadi milik bersama. Polisi yang sama telah dilaksanakan oleh Stalin di Rusia. Mulanya tanah-tanah petani telah dirampas, kemudian beberapa bidang tanah diberikan semula, di kawasan yang jauh dari satu sama lain. Hasilnya ialah untuk membolehkan sebuah keluarga mengerjakan ladang-ladang mereka yang terdiri daripada beberapa bidang tanah, mereka perlu hidup terpisah daripada satu sama lain.



*Pol Pot dan Khmer Rouge
telah menukarkan negara
tersebut kepada "Ladang
Pembunuhan"*



dipaksa ahli keluarga mangsa yang masih hidup memakannya. Semua orang dijemput ke majlis keraian, di mana hati dan jantung bekas pemilik tanah akan dibahagikan bersama, dan ke perjumpaan di mana pengerusi akan menunjukkan deretan kepala-kepala segar yang dicucuk di kayu sula. Kelakuan menyerupai kanibalisme ini, yang kemudiannya menjadi satu kebiasaan pada zaman rejim Pol Pot, meniru prototaip purba Asia Timur yang sering berlaku pada kejadian-kejadian besar sejarah China ¹¹⁵

Korban Keganasan Komunis

Beberapa contoh kekejaman telah dialami di dalam setiap negara yang diambil alih oleh Komunis, Kambodia, Korea Utara, Laos, Vietnam dan Eropah Utara dan negara-negara Afrika. Korban berdarah ini telah diatur di dalam buku *The Black Book of Communism* seperti berikut:

Jenayah-jenayah ini cenderung menyerupai bentuk tertentu walaupun pelaksanaannya berubah-ubah kepada beberapa bentuk oleh rejim. Bentuk-bentuk ini termasuklah hukuman bunuh dengan berbagai-bagai cara, seperti skuad menembak, gantung, lemas, pukul, dan di dalam kes-kes tertentu gas, racun atau "kemalangan kereta"; kemusnahan populasi melalui kelaparan, kebuluran yang dibuat-buat, menyekat makanan, atau kedua-duanya; pengasingan, di mana kematian boleh berlaku di dalam perjalanan dari satu tempat ke satu tempat (sama ada disebabkan fizikal letih atau dikurung di tempat tertutup), atau melalui kerja berat (keletihan, sakit, kelaparan, kesejukan). Jangka masa yang digelar "perang saudara" adalah lebih kompleks – tidak mudah untuk menggambarkan peristiwa yang disebabkan oleh pergaduhan di antara pemerintah dan pemberontak atau peristiwa yang hanya boleh digambarkan sebagai satu pembunuhan beramai-ramai penduduk yang tidak berdosa.

Tidak dapat tidak, kita mesti memulakannya. Anggaran kasar berikut yang berdasarkan agakan tidak rasmi, dapat memberikan ukuran jenayah-jenayah ini:

U.S.S.R : 20 juta kematian

China : 65 juta kematian

Vietnam : 1 juta kematian

Korea Utara : 2 juta kematian

Kambodia : 2 juta kematian

Eropah Timur : 1 juta kematian

Amerika Latin : 150,000 kematian

Afrika : 1.7 juta kematian

Afghanistan : 1.5 juta kematian

Gerakan Komunis Antarabangsa dan Parti-parti Komunis yang tidak berkuasa : kira-kira 10,000 kematian

Jumlah anggaran kematian : 100 juta kematian.¹¹⁶

Semua rejim Komunis dan organisasi yang berbeza ini berkongsi satu psikologi yang sama: semua perasan manusia seperti belas, adil dan kasihan telah hilang. Seluruh masyarakat manusia tiba-tiba menjadi medan perperangan dan pembunuhan beramai-ramai di mana haiwan liar cuba hidup dan mencari makanan. Cara yang sama haiwan liar berlawan dengan ahli keluarga lain yang dari spesies yang sama untuk mendapatkan makanan dan kawasan, manusia ini juga berkelakuan seperti "haiwan-haiwan" ini dengan cara yang sama. Kerana kelahiran Darwin telah mengajar mereka bahawa mereka berasal daripada haiwan, seperti mana haiwan bergaduh untuk terus hidup, mereka juga harus berkelakuan seperti itu.

Gerakan tidak berperikemanusiaan ini beranggapan bahawa mereka telah mendapat kehormatan dengan memakai topeng palsu saintifik. Punca mengapa pemimpin Bolshevik dapat bercakap terang-terangan tentang sifat agresif, keganasan dan pembunuhan beramai-ramai ialah kebenaran yang mereka perolehi daripada teori evolusi Darwin. Di dalam buku beliau *Evolution for Naturalist*, P.J. Darlington mengaku sebagai seorang penyokong evolusi, bahawa kekejaman adalah hasil semula jadi teori evolusi dan dengan itu perbuatan ini telah dijustifikasi:

Fakta yang pertama ialah sifat mementingkan diri dan keganasan yang telah diwariskan di dalam diri kita, adalah warisan daripada nenek moyang haiwan

kita yang paling hampir... Keganasan adalah sesuatu yang biasa bagi manusia, yang terhasil daripada evolusi.¹¹⁷

Jelas melalui pengakuan penyokong evolusi ini, bahawa adalah semula jadi bagi ideologi Komunis, yang menerima teori evolusi Darwin sebagai panduan, untuk menerima manusia lain sebagai haiwan, melayan mereka sama seperti haiwan, dan menindas mereka. Kerana dia yang menerima ideologi Komunis secara Darwin terlupa bahawa dia mempunyai seorang Pencipta, tujuan kewujudannya di muka bumi ini, dan bahawa dia akan dihisab di atas apa yang telah dilakukannya di hadapan-Nya pada Hari Perhitungan. Dan hasilnya, seperti kebanyakan mereka yang tidak bertakwa kepada Allah, dia akan menjadi seorang yang mementingkan diri sendiri dan hanya memikirkan kepentingannya sahaja, menjadi seorang yang kejam, malah pembunuhan yang liar. Allah mendedahkan situasi mereka dan apa yang akan berlaku kepada mereka:

Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya. (Surah Ash-Shura 42)

Dan jatuhlah hukuman atas mereka (dengan azab) disebabkan kezaliman mereka (berlaku kufur ingkar), lalu mereka diam membisu.
(Surah An-Naml: 85)

Orang-orang yang zalim itu (tidak berfikir), bahkan menurut hawa nafsu mereka (melakukan syirik) dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah (disebabkan bawaannya sendiri), dan tiada pula bagi mereka sesiapa yang dapat menolong melepaskan mereka dari azab.

(Ar-Ruum: 29)







Pada 1968 ideologi berhaluan kiri telah mempengaruhi hampir setiap bahagian di seluruh dunia, terutamanya golongan mula di universiti-universiti. Perjumpaan-perjumpaan telah dilakukan, telah dihasut untuk menentang negara sendiri, pihak polis dan tentera. Kesan daripada keadaan ini, di mana saudara membunuh saudaranya sendiri, bandar-bandar telah dimusnahkan, dan seluruh dunia menjadi kacau bilau.

PENINDASAN DI TURKESTAN TIMUR

Walaupun telah diterima pem-bubar Soviet Union sebagai penamat kepada Komunisme sebagai sebuah rejim politik, ideologi dan amalan Komunis sebenarnya masih berterusan. Amalan Rusia, yang masih didominasi oleh mentaliti ‘Tentera Merah, di Chechnya dan China di Turkestan Timur, membuktikannya. Orang-orang Islam Uighur yang tinggal hari ini di Turkestan Timur, melalui pengalaman yang sama seperti China ‘Merah’ Mao. Golongan muda ditahan tanpa sebab, dipenjarakan seumur hidup di bawah tanah, dan ditembak, orang-orang Islam dihalang daripada menjalankan tanggungjawab agama mereka, hasil titik peluh mereka dirampas melalui cukai-cukai yang melampau, mereka hidup di jurang maut melalui ancaman kebuluran dan ujian nuklear yang dilakukan berhampiran dengan mereka sehingga menyebabkan mereka mendapat penyakit berbahaya.

Orang-orang Islam Uighur Turkestan Timur telah hidup di bawah pemerintahan China selama 250 tahun. Orang-orang China menggelarkan “Sinkiang” atau “tanah yang dijajah” kepada Turkestan Timur, sebuah tanah orang-orang Islam, dan menganggapnya sebagai tanah jajahan mereka. Setelah Komunis yang dipimpin oleh Mao mengambil alih pada 1949, tekanan terhadap Turkestan Timur meningkat ke tahap yang belum pernah disaksikan sebelum ini. Polisi rejim Komunis bermatlamatkan kemus-nahan sepenuhnya orang-orang Islam, yang menolak perpaduan. Jumlah orang-orang Islam yang dibunuh telah meningkat ke jumlah yang tidak dapat dibayangkan. Di antara 1949 hingga 1952, 2,800,000; di antara 1952 hingga 1957, 3,509,000; di antara 1958 hingga 1960, 6,700,000; di antara 1961 hingga 1965, 13,300,000 orang telah dibunuh oleh tentera China atau mati disebabkan kekurangan bahan keperluan yang disebabkan oleh rejim ini. Dengan pembunuhan

beramai-ramai selepas 1965, jumlah rakyat Turkestan Timur yang dibunuh telah mencecah ke angka yang dahsyat sekitar 35 juta orang.

Di samping menghapuskan orang-orang Islam sejak 1949, rejim ini juga telah memasukkan pendatang-pendatang China secara sistematis. Kesan daripada kempen ini, yang telah dimulakan oleh Kerajaan China pada 1953, adalah berbentuk provokasi minda. Pada 1953, terdapat 75% penduduk Muslim dan 6% China, tetapi pada 1982, anggarannya ialah 40% Muslim dan 53% China. Banci 1990, yang mendedahkan bahawa anggaran populasi kini ialah 40% Muslim dan 53% China, adalah lebih penting daripada pandangan yang mendedahkan skala pembersihan etnik.

Pada masa yang sama, pemerintah China menggunakan orang-orang Islam Turkestan Timur sebagai haiwan eksperimen di dalam ujian nuklear. Hasil daripada ujian nuklear ini yang telah bermula pada 1946, rakyat tempatan telah dihinggapi penyakit berbahaya, dan 20,000 kanak-kanak cacat telah

dilahirkan. Telah dikenal pasti orang-orang Islam yang terbunuh disebabkan oleh ujian nuklear ini ialah 210,000. Beratus-ratus manusia menjadi cacat, dan beratus-ratus yang lain menjadi mangsa berbagai penyakit seperti penyakit kuning dan kanser.

Di antara 1964 sehingga kini, China telah meletupkan 50 butir bom atom dan hidrogen. Pakar Sweden telah membuktikan bahawa satu ujian nuklear bawah tanah pada 1984 dengan sebutir bom yang mempunyai kekuatan 150 ton telah menyebabkan gempa bumi pada magnitud 8.8 skala Richter.

Penindasan China ke atas bangsa Uighur tidak berakhir di situ sahaja. Pengalaman Februari 1997, ketika berbagai kejadian meningkat secara mendadak, akan dapat merumuskan penindasan China ini. Menurut berita yang diumumkan kepada umum, pada 4 September, yang merupakan suatu hari perayaan, tentera China telah memukul 60 orang wanita, yang berkumpul di dalam masjid dan membaca al-Quran, dengan batang-batang besi dan mengheret mereka

ke ibu pejabat keselamatan. Penduduk tempatan telah pergi ke ibu pejabat tersebut dan meminta supaya wanita-wanita tersebut dibebaskan. Ketika itulah, tiga mayat wanita yang telah diseksa hingga mati dihumban di hadapan mereka. Perselisihan mula tercetus di antara orang ramai, disebabkan oleh provokasi, dan orang-orang China. Pada 4 September tersebut 7,200 rakyat Turkestan Timur telah dipenjarakan. Pada pagi 8 September, mereka yang telah dihalang oleh tentera keselamatan daripada melakukan sembahyang Jumaat di masjid di mana mereka berkumpul. Ekoran itu, perselisihan tercetus sekali lagi, dan natijahnya jumlah mereka yang ditahan, yang telah mencapai 58,000 di antara April dan Disember 1996, telah bertambah melebihi 70,000. begitu juga, seramai 100 golongan muda ditembak di kawasan lapang umum, dan 5,000 bangsa Uighur telah dibogelkan dan dipamerkan di khalayak ramai dalam kumpulan yang terdiri daripada 50 orang.

Contoh Turkestan Timur hanyalah satu daripada kepedihan

dalam abad ke-20 ini. Di setiap pelosok dunia pada abad ke-20 ini, manusia yang terdiri daripada berbagai agama, bangsa, atau ideologi telah dibunuh dan dihapuskan. Bukanlah suatu kebetulan di sebalik semua ideologi-ideologi ini yang melakukan pembunuhan-pembunuhan ini pandangan Darwin berkembang. Kerana dengan teorinya, Darwin telah memudahkan manusia membunuh manusia lain dan kemudian menjustifikasi perbuatannya.



Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: "Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya". Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: "Cukuplah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadaNya segala urusan kami)". (Surah Ali 'Imran:173)

AMNESTY INTERNATIONAL BRIEFING

CHINA
No one is safe

- abuse of power
- torture
- executions

PENINDASAN BERTERUSAN DI CHECHNYA

Penaklukan Rusia ke atas Chechnya pada 1991, setelah bergantung kepada Dzhokar Dudayev, telah berubah menjadi perperangan pada 11 Disember 1994, diikuti oleh masalah yang lebih besar pada November berikutnya. Ketika 100,000 rakyat Chechnya kehilangan nyawa mereka di dalam perperangan ini, berpuluhan ribu yang lain pula terpaksa berhijrah. Chechnya telah kehilangan beratus-ratus sumber sejarah dan ekonomi di dalam perperangan ini. Apabila Rusia mengumumkan bahawa Chechnya adalah "masalah dalaman", tiada sebarang protes datang daripada dunia luar.

Bertan-tan bom digugurkan di

setiap inci bumi Chechnya. Pemusnahan bangsa telah dilakukan, seperti yang pernah terjadi sebelum ini di dalam sejarah dunia, dengan menggunakan senjata kimia, yang telah diharamkan penggunaannya sehingga kini. Walaupun menghadapi berbagai kesulitan, pada bulan Ogos 1996 Rusia terpaksa mengaku kalah di tangan rakyat Chechnya, yang sama sekali tidak pernah gentar dan berjuang demi tanah air mereka dengan segala yang mereka miliki.

Rusia, yang terpaksa menerima Chechnya sebagai sebuah negara yang terpisah di dalam satu perjanjian yang ditandatangani di peringkat tinggi pada Ogos 1996 dan May 1997, nampaknya telah menerima situasi ini. Tetapi, pada

Oktober 1997 Rusia telah memasuki kawasan Chechnya dan mula membunuh wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua. Sasaran awam dibom tanpa henti selama berbulan-bulan. Untuk melumpuhkan kekuatan, hospital, wad bersalin, pasar, dan konvoi pelarian dipilih sebagai sasaran serangan. Akhirnya telah dikenal pasti bahawa Rusia telah menggunakan senjata kimia dan misil skud dan api menentang rakyat Chechnya. Di samping itu, Rusia juga telah memasukkan racun ke dalam Sungai Argun, yang digunakan oleh kebanyakan penduduk kampung Chechnya. Ketika beratus-ratus wanita dan kanak-kanak yang minum air beracun ini mati, beratus-ratus yang lain pula sedang menanti kematian di pintu hospital. Kerana air sungai tersebut telah meracuni penduduk-penduduk awam ini yang tidak dapat mencari air untuk minuman dan untuk tujuan-tujuan lain telah melalui masa yang sukar.

Keadaan pelarian-pelarian juga amat membimbangkan. Kajian yang

dilakukan di kawasan-kawasan pelarian menunjukkan pelanggaran hak asasi manusia telah mencecah angka yang besar. Sekitar 250,000 pelarian Chechnya telah melarikan diri daripada perang berada di bawah pelindungan Ingushetya, sementara sebahagian yang lain di negara-negara jiran. Telah diumumkan Rusia telah membelanjakan 385 juta dolar ke atas operasi ini. Chechnya mendedahkan di antara September 1999 dan 25 Julai 2000, 1,460 askar Chechanya dan 45,000 penduduk awam terbunuh. Rancangan Rusia adalah untuk menghapuskan semua pejuang Chechnya yang telah berjuang menentang mereka pada November 2000.





Disproportionate: Victims of a Russian bombing raid on a civilian market near Grozny, the Chechen capital

Dire Tales of a Dirty War

Chechnya: Locals accuse the Russians of atrocities

We mark another anniversary today to mourn one. The suffered costs exacted from a Russian soldier invading a Chechen town in Chechnya were the start of a nightmare: says Ahmed Abubakar. The soldiers hacked and beat him savagely, he says, and forced another

day. In Budyus, just east of Chechnya, hundreds of Chechens and now some local Russians are kept in various jails, subject to sadistic daily beatings. Here see the group of ex-prisoners allegedly still held as captives in palaces with the Russians till a prisoner's death at a secret camp there.

In Chechnya, as one of the many black markets, President Bill Clinton has implored, "Please, no photo ops," or "no cameras." Although the United States recognizes Russia's territorial claim to Chechnya, Clinton should appreciate how Russia's tactics are hurting its international standing. Are the Russians getting the last laugh? "They don't seem to be much joy down there," says a senior U.S. official.

"Russia's hold over the captured Russian soldiers in Chechnya may be immoral. Each soldier is maintained only by his own personal moral standards, in fear of punishment," said Edward Gollum of Russia's

THE FATAL FRONTIER

Russia's escalating war against Chechen guerrillas is taking a bitter toll on both sides



RUSSIAN TANKS

Opposite page: A Russian tank crewman scans the horizon from his vehicle. The Chechen rebels have been fighting for independence since 1991. They are supported by the Ingush, a neighboring people who share their language and culture. The Ingush are also fighting for autonomy. The Ingush are supported by the Ingush, a neighboring people who share their language and culture. The Ingush are also fighting for autonomy.

Opposite page: A Russian tank crewman scans the horizon from his vehicle. The Chechen rebels have been fighting for independence since 1991. They are supported by the Ingush, a neighboring people who share their language and culture. The Ingush are also fighting for autonomy.

Opposite page: A Russian tank crewman scans the horizon from his vehicle. The Chechen rebels have been fighting for independence since 1991. They are supported by the Ingush, a neighboring people who share their language and culture. The Ingush are also fighting for autonomy.

Opposite page: A Russian tank crewman scans the horizon from his vehicle. The Chechen rebels have been fighting for independence since 1991. They are supported by the Ingush, a neighboring people who share their language and culture. The Ingush are also fighting for autonomy.



CHECHEN HELL

ON THE LINE On the front lines of Russia's brutal battle for control of the Caucasus

— 100% 有机棉 —

General ANTHONY K. McAULIFFE, who was
nearly captured by the Germans at Bastogne, said yesterday: "I had one
of the best times of my life in Bastogne; it was a great experience."
He complained he was not given enough time to get his men out.
McAuliffe, who was promoted to general last week, said he
had been honored by a plane from Mac-

A ruined village remembers the victims of Moscow's missiles. A rebel leader escapes to fight again.

第 10 章

The media trumpet "salvation" as Pennsylvania's new motto. But that hasn't had much effect. As someone at a local association noted, "It should have been 'salvation' all along."

other more interesting ones. As a result, there was a large increase last week, and I think it will continue. The new buildings will be built, and we have already begun to do the remodeling of existing ones. Five hundred thousand dollars from the Christmas campaign will be used to help finance these improvements.

~~that Kino, as Ruriko goes, disappears~~ ~~possibly without to riddle what was~~ ~~in his mind after the loss of our son.~~

Time 5 February 1996



**REVIEWED BY THE
INTERNATIONAL BUREAU
OF THE ILO
REPRESENTATIVE OF THE
CONFEDERATION OF
PROFESSIONAL TRADES**



SUMPAHAN IDEOLOGI KOMUNISME DARWINISME TELAH DIBUBARKAN

Komunisme adalah satu ideologi yang dibawa oleh mereka yang hidup di zaman 1800-an, yang boleh digambarkan sebagai “kebodohan” pandangan sains. Antara punca utama pengaruh cepat menular di dalam berbagai sektor manusia di banyak negara oleh ideologi ini, yang analisis dan dakwaannya telah banyak kali dibuktikan salah dan telah membawa kemudaratian kepada manusia daripada kebaikan, ialah kebodohan mereka yang menerima ideologi ini.

Selepas Revolusi Industri, apabila sebahagian masyarakat berada di dalam tahap kemiskinan yang teruk, sementara dalam masa yang sama, sebahagian yang lain pula telah meningkat maju ke tahap yang lebih baik, telah menyebabkan ketegangan yang membawa kepada pergolakan di dalam kumpulan masyarakat di hampir kebanyakan negara. Ketegangan yang terbentuk di negara-negara seperti Rusia, yang masih berada pada tahap masyarakat pertanian, dan China.

Kumpulan-kumpulan masyarakat yang mencari kebenaran dan keadilan juga turut sama. Tetapi natijah akhirnya tidak memihak kepada mereka. Mereka hidup di bawah keadaan ekonomi yang lebih teruk daripada sebelum ini, di samping berjuang supaya tidak mati kelaparan, yang lain pula hidup di dalam ketakutan dan kengerian daripada dibunuhan pada bila-bila masa sahaja, disiksa, dibuang, dan dirompak.

Telah terbukti bahawa satu ideologi yang berasaskan kepada kelemahan iman, yang percaya asas utama pembangunan ialah konflik, pergaduhan, dan perperangan, bahawa manusia berasal daripada haiwan, yang berasaskan kepada penyimpangan bahawa nilai-nilai moral seperti keluarga, keimanan, hubungan rapat adalah tidak berguna dan tidak relevan, tidak akan memberikan manusia kebebasan, keselamatan, kegembiraan, dan, keadilan. Tetapi kumpulan masyarakat ini lemah dari segi pandangan dan kefahaman untuk menilai dan menganalisis perkara

ini. Mereka merenung gambar Marx dan Engels dan menganggap mereka sebagai pemikir yang "dalam", "sukar dimengertikan" dan "berilmu". Mereka melihat penipuan saintifik dan luaran dan kelakuan sentimental mereka yang menyokong mereka dan merasa terpengaruh dengan mantera Komunisme dan materialisme. Tetapi hari ini, sekiranya mereka masih hidup, mereka akan faham bahawa setiap ketua Komunis mempunyai kefahaman yang dangkal dan primitif dan telah memperbodohkan manusia.

Tidak seorang pun yang mereka anggap sebagai ketua bertindak dengan kelakuan yang formal, mereka hanya berjaya membawa manusia kepada mereka dengan cara menyerang dan menakutkan mereka: mereka adalah mereka yang melakukan kekejaman, keganasan, kebiadaban, dan pembunuhan sebagai uslub mereka, dan berfikir secara dangkal dan primitif. Hari ini ramai Komunis "lama" telah menyedari kesalahan besar yang dilakukannya di masa silam dan menyesalinya. Setiap seorang daripada mereka kini

menyedari dia telah mengikut secara membuta tuli satu ideal yang tidak produktif, atau sesuatu yang tidak berguna. Sebahagian yang lain pula cuba menunjukkan bahawa mereka masih belum berputus asa dengan ideologi mereka untuk tidak menerima kekalahan dan kebenaran bahawa masa telah menolaknya dan berkata, "Kami akan menang".

Satu jangka masa telah bermula di mana sains dan ilmu pengetahuan dapat dicapai di mana sahaja pada bila-bila masa sahaja, di mana setiap manusia dapat mencari kebenaran dan realiti lebih mudah daripada sebelum ini, dan pada darjah yang hebat. Di dalam keadaan ini cara anjuran, kecenderungan kepada mantera magis Komunis, materialis, dan para penyokong Darwin, tangkal ajaib dan seruan mereka untuk berperang telah kehilangan kuasanya. Ideologi-ideologi kosong seperti Komunisme, materialisme, dan Darwinisme, yang kuasa mereka boleh dilumpuhkan dengan sedikit sains dan pemikiran, telah mula kehilangan pengaruh mereka ke atas manusia. Hasilnya, hari-

hari yang lebih cerah, damai dan selesa menanti manusia. Lebih penting lagi, kesedaran terhadap penipuan Darwinisme, dengan bukti yang lengkap, akan membawa kepada kemuatan kepada ideologi ini.

Kesimpulan: Komunisme adalah keganasan yang disebabkan oleh kelemahan iman

Sesiapa sahaja yang memikirkan pembunuhan beramai-ramai, pembunuhan dan penyeksaan yang telah membebankan manusia oleh Komunis, Nazi atau kolonialis, akan tertanya-tanya bagaimana penyokong-penyokong idea ini boleh terpesong jauh daripada manusia biasa. Sebab utama kekejaman dan penindasan ditimpakan ke atas manusia oleh pemimpin-pemimpin ini ialah kelemahan iman, dan kenyataan bahawa mereka ini tidak takut kepada Allah. Sesiapa yang bertakwa kepada Allah dan mempunyai iman yang kuat terhadap hari akhirat, pasti tidak mampu melakukan sebarang penindasan, kesalahan, ketidakadilan, dan pembunuhan seperti yang kita gambarkan. Lebih daripada itu, walaubagaimana dia didorong, seorang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat tidak akan mengikut ideologi-ideologi sesat ini.

Tetapi mereka yang tidak mempunyai agama dan tidak bertakwa kepada Allah, mereka tidak mengenal sebarang batasan. Dengan hanya sedikit dorongan seorang yang percaya dia dan makhluk lain telah berubah secara kebetulan daripada benda mati, yang percaya nenek moyangnya adalah haiwan, dan percaya tiada benda yang wujud melainkan kebendaan, akan mudah melakukan berbagai keganasan. Sekali imbas mereka kelihatan tidak berbahaya kepada manusia; tetapi di dalam keadaan-keadaan tertentu mereka boleh menjadi seorang pembunuhan yang melakukan pembunuhan beramai-ramai, pembunuhan yang memukul manusia atau membiarkan mereka kelaparan hanya

kerana mereka tidak menerima ideanya, mereka yang diselubungi kebencian, dan keganasan. Kerana mereka percaya pandangan dan nilai dunia memerlukannya.

Pada tahun 1983, Alexander I. Solzhenitsyn, pemenang hadiah Nobel 1970 untuk kesusastraan, telah memberikan ucapan di London di mana beliau mengungkapkan mengapa terlalu banyak kejahanan menimpa manusia:

Selama setengah abad dahulu, ketika saya masih kanak-kanak, saya masih ingat mendengar ramai orang-orang tua memberikan penjelasan terhadap malapetaka yang menimpa Rusia: "**Manusia telah melupakan Tuhan; kerana itu semua ini terjadi**".

Sejak itu, saya telah menghabiskan 50 tahun mengkaji sejarah revolusi kita; di dalam proses ini saya telah membaca beratus-ratus buku, mengumpulkan beratus-ratus pengakuan peribadi, dan telah menambah lapan jilid milikku sendiri tentang usaha untuk membersihkan sisa-sisa keruntuhan yang ditinggalkan oleh pergolakan tersebut. Tetapi sekiranya saya diminta hari ini untuk merumuskan sebaik mungkin punca revolusi yang telah mengorbankan 60 juta orang kita, saya tidak dapat menyatakan yang lain melainkan mengulangi bahawa: "**Manusia telah melupakan Tuhan, kerana itu semua ini terjadi**"¹¹⁸

Pengenalan Solzhenitsyn ini amat jujur. Memang benar, satu-satunya sebab yang boleh mengheret sebuah masyarakat kepada keganasan yang dahsyat, tidak mempedulikan sebarang tekanan, hanya melihat di tepi jalan, adalah kealpaan mereka terhadap Tuhan. Tetapi Tuhan tidak pernah melupakan dan tidak pernah tersilap. Pemimpin-pemimpin Komunis yang kejam merasakan mereka telah membentuk sistem mereka sendiri untuk memerintah manusia di dunia, dan menyangka telah berjaya memperoleh kekuasaan dan kekuatan yang hebat. Malah mereka mengadakan perjumpaan-perjumpaan sulit, di mana mereka membisikkan di antara satu sama lain tentang penindasan yang akan mereka lakukan ke atas masyarakat untuk meningkatkan kekuasaan dan kekuatan mereka. Tetapi ketika mereka melakukannya, Allah mengetahui segala-galanya, dan Dia akan membala apa yang telah mereka lakukan.

Dia telah mengumumkannya di dalam al-Quran:

Semasa mereka semuanya dibangkitkan hidup semula oleh Allah (pada hari kiamat), lalu diterangkan kepada mereka segala yang mereka telah kerjakan. Allah telah menghitung amal-amal mereka itu satu persatu, sedang mereka telah melupakannya. Dan (ingatlah), Allah menjadi Saksi akan tiap-tiap sesuatu. Tidakkah engkau memikirkan, bahawa sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dia lah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dia lah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Ia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah Al-Mujadalah: 6-7)

Kemudian terdapat sekumpulan manusia yang mengikut pemimpin-pemimpin kejam ini, yang merangkak mengekori mereka. Keadaan mereka telah didedahkan di dalam al-Quran. Ia disebutkan di dalam ayat:

Sesungguhnya Allah tidak menganiaya manusia sedikitpun, akan tetapi manusia jualah yang menganiaya diri mereka sendiri. (Surah Yunus:44)

Dengan kata lain, mereka menzalimi diri mereka sendiri dengan melupakan agama Allah dan mengikut pemimpin-pemimpin penyokong Darwin. Ayat lain pula menerangkan bahawa manusialah yang membawa kejahanatan di dunia ini:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (Surah Ar-Ruum:41)


Satu-satunya cara untuk menghalang malapetaka ini daripada menimpa manusia sekali lagi ialah dengan manusia kembali hidup dengan beriman kepada Allah dan hari akhirat dan tanpa melupakan apa yang mereka kerjakan kini akan dihisab kemudian. Dan, dengan panduan

al-Quran, telah Allah turunkan untuk semua manusia, untuk mereka ambil semua sifat-sifat baik, seperti cinta, mengasihi, mengasihani dan kesetiaan, seperti yang diarahkan di dalam ayat:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (Surah An-Nahl: 97)

MEREKA YANG DIZALIMI:

Gambar ini menunjukkan sebahagian daripada mimpi negeri di mana ideologi Komunis telah mempengaruhi manusia. Manusia yang menjadi lemah disebabkan oleh kebuluran, dahaga, dan kekecewaan, hidup dalam kemiskinan dan kekurangan...





Sebuah rejim yang berpandangan Darwinisme-Komunisme melihat manusia tanpa nilai. Ia membiarkan mereka mati dan berada dalam kemiskinan. Rusia adalah salah satu contohnya.



BAB 5

KAPITALISME DAN PERJUANGAN UNTUK HIDUP DI DALAM EKONOMI



P erkataan kapitalis bererti kesetiaan kepada kekayaan, satu sistem bebas dan tidak terbatas yang berasaskan sepenuhnya kepada keuntungan di mana masyarakat bersaing di dalam kriteria ini. Terdapat tiga elemen penting di dalam kapitalisme: individualisme, persaingan dan membuat keuntungan. Individualisme sangat penting di dalam kapitalisme, kerana masyarakat tidak menganggap diri mereka sebahagian daripada masyarakat, tetapi sebaliknya sebagai satu individu yang berdiri di atas dua kakinya dan perlu mendapatkan sesuatu dengan usahanya sendiri. "Masyarakat Kapitalis", adalah satu arena di mana setiap individu bersaing di antara satu sama lain di dalam keadaan yang sukar dan kejam. Ia adalah sebuah arena yang digambarkan oleh Darwin, di mana yang gagah akan selamat, yang lemah akan ditindas dan dihapuskan, dan di mana peraturan-peraturan kejam dijalankan.

Berdasarkan logik, kapitalisme adalah berasaskan kepada setiap individu – dan ini termasuk juga seseorang, sebuah syarikat, atau satu bangsa –perlu berjuang untuk pembangunan dan kemajuan diri mereka sahaja. Kriteria yang paling penting di dalam perjuangan ini ialah pengeluaran. Pengeluar yang terbaik akan selamat, sementara yang lemah dan tidak berdaya saing akan dihapuskan dan lenyap. Ia membentuk sistem ini, dengan melupakan bahawa mereka yang telah dihapuskan di dalam perjuangan yang perit ini, mereka yang ditindas dan jatuh miskin, juga adalah "manusia". Perhatian utama mereka bukannya manusia, tetapi pembangunan ekonomi, dan produk, hasil daripada pembangunan ini. Kerana itulah, mentaliti kapitalis merasa tiada tanggungjawab etnik dan kesedaran kepada mereka yang ditindas dan ditekan, dan mereka

yang hidup susah. Darwinismelah yang telah mempraktikkannya di dalam masyarakat melalui ekonomi.

Dengan menyakini keperluan menggalakkan persaingan di dalam setiap lapangan masyarakat, dan beranggapan tidak perlu memberikan peluang kepada mereka yang lemah di dalam sebarang bidang, daripada kesihatan kepada ekonomi, ahli teori Sosial Darwinisme telah memberikan sokongan “falsafah” dan “sains” kepada kapitalisme. Sebagai contoh, menurut Tille, contoh mentaliti secara Darwin-kapitalis yang terkenal, adalah satu kesilapan untuk cuba menghalang kemiskinan dengan menolong “golongan-golongan yang telah ditewaskan ini”, kerana ia akan mengganggu pilihan semula jadi yang membawa kepada evolusi.¹¹⁹



Pada pandangan Herbert Spencer, teori utama Sosial Darwinisme, yang memperkenalkan prinsip-prinsip Darwinisme di dalam kehidupan masyarakat, ialah sekiranya seseorang itu miskin, itu adalah kesilapannya, siapa pun tidak wajar untuk membantunya untuk bangun. Sekiranya seseorang itu kaya, walau pun dia memperolehi kekayaan tersebut dengan cara yang tidak bermoral sekali pun, itu sebenarnya adalah kebolehannya. Kerana itulah orang-orang kaya selamat, dan orang-orang miskin pula lenyap. Pandangan ini telah tersebar luas ke hampir seluruh masyarakat hari ini, dan ia adalah inti pati daripada prinsip-prinsip moral secara Darwin-kapitalis.

Spencer yang mempertahankan prinsip-prinsip moral ini telah menyiapkan hasil kerjanya “Social Statistics” pada 1850, dan menentang semua sistem bantuan yang disediakan oleh kerajaan, perlindungan kesihatan, sekolah-sekolah kerajaan dan inokulasi wajib. Kerana menurut Sosial Darwinisme, kedudukan masyarakat terbentuk daripada prinsip

terus hidup yang terkuat. Membantu mereka yang lemah dan menyelamatkan mereka adalah bersalah dengan prinsip ini. Mereka yang kaya menjadi kaya kerana mereka lebih kuat; sebahagian bangsa menakluki sebahagian yang lain kerana mereka lebih superior daripada yang lain, sebahagian bangsa dijajah oleh bangsa lain kerana mereka lebih bijak daripada mereka. Spencer telah menyerapkan doktrin ini di dalam masyarakat manusia dengan mendakwa: "Sekiranya mereka sempurna untuk hidup, mereka akan hidup, dan memang mereka berhak hidup. Sekiranya mereka tidak sempurna untuk hidup, mereka akan mati, dan adalah lebih baik bagi mereka untuk mati."¹²⁰

Graham Sumner, pengarah Sains Politik dan Sosial di Universiti Yale, adalah wakil Sosial Darwinisme di Amerika. Di dalam salah satu tulisannya beliau meringkaskan pandangan beliau tentang masyarakat manusia seperti berikut:

"... sekiranya kita menaikkan seseorang, kita perlukan sangga tuas, satu titik tindak balas. Di dalam masyarakat, ia bererti untuk menaikkan seseorang kita perlu menjatuhkan orang lain".¹²¹

Richard Milner, editor senior majalah Nature History di American Museum of *Nature History*, menulis:

Salah seorang wakil Sosial Darwinisme Graham Summer daripada Princeton, menganggap jutawan adalah individu yang "terkuat" di dalam masyarakat dan mereka berhak mendapat keistimewaan. Mereka telah "**terpilih secara semulajadi di dalam persaingan yang kejam ini**".¹²²

Seperti dilihat daripada penyataan-penyataan ini, Sosial Darwinisme telah menggunakan teori evolusi Darwin sebagai satu ulasan "saintifik" kepada masyarakat kapitalis. Akibatnya, manusia telah kehilangan beberapa konsep yang telah dibawa oleh agama, seperti konsep saling membantu, prihatin dan bekerjasama, dan sebaliknya konsep-konsep ini telah digantikan dengan sifat mementingkan diri sendiri, licik dan secara oportunis. Menurut seorang ahli teori sosial Darwinisme Amerika yang terkenal, Profesor E. A. Ross, "Ajaran Kristian tentang kebijakan sebagai

satu sifat mulia telah mewujudkan perlindungan di mana mereka yang bodoh dan cacat dibantu dan dipelihara ". Ross juga berpendapat, "Kerajaan meletakkan mereka yang bisu dan pekak di bawah jagaan mereka, dan satu bangsa yang pekak dan bisu sedang dalam proses pembentukan." Beliau menolak semua ini kerana ia akan menghalang perkembangan evolusi semula jadi, Ross mengatakan, "Cara pintas untuk menjadikan dunia ini syurga ialah dengan membiarkan mereka yang lemah dengan keadaan mereka sendiri...".¹²³

Seperti yang disaksikan, Darwinisme telah membentuk asas falsafah kepada sistem ekonomi kapitalis di seluruh dunia dan sistem politik yang mengambil contoh daripadanya.

Kerana itulah, penyokong utama masyarakat Darwinisme adalah mereka yang memiliki kekayaan. Peningkatan mereka yang kuat dengan memijak yang lemah dan kepatuhan mereka terhadap kedudukan ekonomi yang jauh daripada perasaan belas kasihan, prihatin dan simpati, sudah tidak lagi dikecam, kerana perbuatan ini telah diterima sebagai selaras dengan "penjelasan saintifik" dan "undang-undang semula jadi".

Menurut Richard Hofstadter, pengarang buku "*Social Darwinism in American Thought*", seorang hartawan landasan keretapi abad ke-19, Chauncey Depew, menegaskan bahawa seorang yang mendapat kemasyhuran, tuah dan kuasa di banda raya New York adalah bukti terus hidup mereka yang kuat, melalui "kebolehan superior, berpandang jauh, dan dapat menyesuaikan diri".¹²⁴ Seorang hartawan lain pula, James J. Hill, menegaskan bahawa "Nasib syarikat-syarikat landasan keretapi adalah ditentukan oleh undang-undang 'yang kuatlah, yang terus hidup'".¹²⁵

Di dalam buku biografi beliau, Andrew Carnegie, salah seorang hartawan yang terkaya di Amerika, mengatakan keyakinan beliau terhadap evolusi seperti berikut, "Saya telah menemui kebenaran evolusi".¹²⁶ Seterusnya beliau menulis:

Ia (undang-undang persaingan) ada di sini, kita tidak dapat menghindarinya; tidak ada gantinya, dan walaupun kadang-kadang undang-undang ini menyulitkan seseorang, tetapi ia memberikan kebaikan kepada bangsa, kerana ia memerlukan terus hidup terkuat di dalam semua bidang.¹²⁷

Di dalam artikel beliau *Darwin's Three Mistakes*, saintis evolusi Kenneth J. Hsu, mendedahkan anggapan Darwinis terhadap kapitalis-kapitalis Amerika yang terkenal:

Darwinisme juga digunakan untuk mempertahankan saingen individualisme dan ekonominya daripada pasaran bebas kapitalisme di England dan di Amerika. Andrew Carnegie menulis bahawa "undang-undang persaingan telah berada di sini samada ianya membahayakan atau tidak; kita tidak dapat menolaknya". Rockefeller melangkah setapak ke hadapan apabila beliau mengatakan bahawa, "peningkatan perniagaan yang besar adalah 'yang kuatlah, yang terus hidup'; ia adalah tindakan undang-undang semulajadi.¹²⁸

Adalah amat menarik bahawa di yayasan-yayasan Amerika seperti Rockefeller Foundation dan Carnegie Institution, yang diasaskan oleh dinasti-dinasti kapitalis seperti Rockefeller dan Carnegie, dapat

MEREKA YANG TIDUR DI JALAN-JALAN :

Orang-orang miskin dibiarkan tidur di jalan-jalan dalam sebuah negara yang kaya dan selesa.



memberikan bantuan kewangan kepada penyelidikan evolusi.

Seperti yang dapat disaksikan daripada apa yang telah dijelaskan setakat ini, kapitalisme telah mengheret manusia untuk menyembah wang dan kuasa yang terhasil daripada wang tersebut. Dengan mengetepikan semua nilai-nilai agama dan etnik, masyarakat yang telah terpengaruh dengan saranan-saranan evolusi ini telah mula memberikan tumpuan kepada kuasa material, dan mula menjauhkan diri daripada perasaan belas, kasihan dan pengorbanan.

Prinsip moral kapitalis ini telah mempengaruhi hampir semua masyarakat hari ini. Kerana itulah, mereka yang miskin, tidak berdaya dan lemah, dinafikan kebajikan mereka, tidak dipedulikan atau dilindungi. Sekali pun mereka ditimpa penyakit yang serius dan berbahaya, mereka tidak akan dapat mencari sesiapa untuk melindungi mereka dan membantu menyembuhkan mereka. Orang-orang miskin ditinggalkan dengan sakit mereka dan dibiarkan untuk mati. Di kebanyakan negara, perbuatan kejam dan tidak berperikemanusiaan



seperti kanak-kanak kecil yang dipaksa bekerja dan ditinggalkan tanpa hak sosial, amat kerap terjadi.

Hari ini, faktor yang menyebabkan negara-negara seperti Ethiopia ditimpa kemarau dan kebuluran adalah disebabkan oleh dominasi prinsip kapitalis ini. Bantuan dan sokongan banyak negara mungkin dapat membantu mereka, tetapi sebaliknya mereka ditinggalkan di dalam keadaan kebuluran dan kemiskinan.

Di antara sifat lain masyarakat kapitalis ialah cara ia memberikan peluang yang tidak adil. Di dalam masyarakat seperti ini, jurang di antara yang kaya dan miskin, dan kekayaan mereka yang berharta terus menjadi bertambah hebat. Kewujudan berjuta-juta orang yang tidak mempunyai rumah dan ditinggalkan dalam keadaan yang paling teruk, sekali pun di Amerika yang merupakan sebuah negara paling maju di dunia, adalah disebabkan oleh prinsip kapitalis ini. Memang masyarakat Amerika cukup kaya untuk melindungi mereka dan memberikan mereka



pekerjaan. Tetapi prinsip moral yang mereka amalkan tidak membenarkan yang miskin meningkat maju, tetapi mereka sendiri mesti maju dengan menindas orang-orang miskin, maka tidak ada sebarang penyelesaian diberikan kepada mereka. Ini adalah hasil praktikal daripada saranan masyarakat Darwinis bahawa “untuk maju, perlu ada satu batu pemijak untuk seseorang itu memijaknya”.

Pada peringkat ini, kita perlu memberikan perhatian kepada satu fakta penting: Sepanjang sejarah sentiasa terdapat masyarakat di mana yang miskin dan lemah ditindas, hanya material sahaja yang penting, dan di mana sifat kedekut, lokek, dan menipu di anggap sebagai satu-satunya cara untuk menjadi kaya: dahulu juga terdapat mereka yang hanya mementingkan material yang terdiri daripada mereka yang berharta dan tidak mempunyai sifat-sifat terpuji. Tetapi sejak separuh kedua abad ke-19, mereka yang mempunyai pandangan seperti ini telah memasuki satu zaman berbeza. Sepanjang 150 tahun, mereka yang mengamalkan sifat-sifat ini tidak lagi dicemuh atau dikritik seperti yang lain. Tingkah laku

MEREKA YANG MENDERITA KEBULURAN :

Walaupun hari ini terdapat bantak sumber bahan mentah, berjuta-juta kanak-kanak terbiar kebuluran disebabkan oleh mentaliti kapitalis ini.





Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

(Surah Adh-Dhariyat:19)



Time, 29 May 2000

WILL THERE BE ANY HOPE FOR THE POOR?

Prominent African journalists demand an intervention in post-war Somalia by the United Nations. Millions of people have been condemned to death because of the lack of understanding of who should stand at the gate. Some 100,000 people are now on the move, many of whom are refugees from Ethiopia. They are being forced to leave their homes and families. The situation is desperate. The world must act now to prevent a humanitarian crisis.



POOR?



'We Ask People for Anything to Eat'

The strong steal from the weak...and the weak fight each other in a bid to survive in Somalia

By JONATHAN BERNSTEIN

After the civil war in Somalia, the country has become a land of opportunity for those who are willing to take advantage of it. The government is no longer able to control the economy, so there is a lack of regulation and a lack of accountability. This has led to a rise in crime and corruption. The government is unable to provide basic services, such as electricity and water, to its citizens. The lack of infrastructure has made it difficult for people to live in safety and dignity. The government is also unable to provide basic services, such as electricity and water, to its citizens. The lack of infrastructure has made it difficult for people to live in safety and dignity.



Newsweek, 7 September 1992

Dan janganlah orang-orang yang berharta serta lapang hidupnya dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.

(Surah An-Nuur: 22)

Newsweek, 28 September 1992

The Road to Hell

Racked by civil war and famine, Somalia depends on aid from the outside world for its survival. But how far can international intervention go?

By JONATHAN BERNSTEIN

In the last few months, Somalia has become a major concern for the international community. The civil war that has been raging for nearly two years has reached a new level of intensity, with both sides fighting for control of the capital, Mogadishu. The fighting has caused widespread suffering and displacement, with thousands of people fleeing their homes and seeking refuge in neighboring countries. The international community has responded by providing humanitarian aid to those affected by the conflict, but the situation remains dire. The future of Somalia is uncertain, and the world must act now to prevent a humanitarian crisis.



International donors and the UN have provided millions of dollars worth of aid to Somalia. This will help to alleviate some of the immediate suffering, but more needs to be done to address the underlying causes of the conflict. The international community must work together to find a peaceful solution to the conflict, and to ensure that the people of Somalia are able to rebuild their lives and communities.

seperti ini akhirnya telah diterima sebagai undang-undang semula jadi. Dan pada ketika ini, Darwinisme telah menjadi satu agama songsang yang menjustifikasi sifat-sifat yang tidak bermoral dan berperikemanusiaan ini.

Robert E. D. Clark menjelaskan situasi ini seperti berikut:

Evolusi, secara ringkasnya, telah menyebabkan mereka yang melakukan kejahanan merasa lega. Perbuatan paling teruk kepada seorang pesaing telah dirasionalkan; kejahanan boleh digelar kebaikan.¹²⁹

Dan H. Enoch menulis di dalam bukunya *Evolution or Creation*:

Profesor J. Holmes menyatakan, "Darwinisme secara konsisten telah meletakkan ukuran kebaikan itu pada nilai terus hidup"... Ini adalah undang-undang rimba di mana "yang kuat sentiasa benar", dan yang paling gagah akan selamat. Semakin licik dan ganas, penakut atau penipu, dan apa sahaja yang membolehkan seseorang itu selamat adalah baik dan betul untuk individu atau masyarakat tersebut.¹³⁰

Seperti yang dapat kita lihat, kelemahan iman dan Darwinisme yang menjadi puncanya, berada di sebalik setiap orang, sistem-sistem dan ideologi-ideologi yang menimbulkan kebimbangan, kesukaran, kesakitan, dan putus asa kepada dunia, terutamanya pada akhir 150 tahun ini. Mereka yang menyangka dapat melindungi diri dan kepentingan mereka di dalam masyarakat yang kejam dan mementingkan diri ini yang disebabkan oleh kelemahan iman, melihat Darwinisme sebagai penyelamat kepada mereka. Mereka menerima tesis Darwin bahawa "yang lemah akan lenyap, sementara yang kuat akan selamat", sebagai falsafah hidup mereka.

Mereka tidak menyadarinya, mereka yang menyangka telah menyediakan perangkap kepada semua manusia, sebenarnya menyediakannya untuk diri mereka sendiri. Kerana walau betapa gigihnya mereka berusaha untuk selamat dan terus hidup, hanya terdapat seorang hakim, seorang raja, dan seorang Tuan, samada kepada diri

mereka sendiri, seluruh dunia, segala apa yang mereka cuba miliki, ketua tempat mereka bergantung, atau ideologi dan “isme” yang mereka yakini. Allah adalah satu-satunya hakim dan kuasa. Dan bukannya kuasa dan peluang-peluang sementara yang diberikan kepada manusia, benda-benda yang mereka capai secara kejam dengan menentang dan menindas manusia lain, dengan titik peluh mereka sendiri. Kekayaan, kekuatan dan kuasa yang mereka sangkakan telah diperoleh sendiri, sebenarnya telah diberikan kepada mereka oleh Allah untuk menguji mereka. Walaupun dia cuba meyakinkan bahawa dia berada di dalam satu arena pertempuran di mana yang lemah dihapuskan dan yang kuat menguasai, sebenarnya, setiap manusia hidup sebagai ujian daripada Allah untuk dirinya. Allah menjelaskan di dalam ayat al-Quran bahawa Dia menguji manusia dengan peluang-peluang yang diberikan kepada mereka:

Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya. (Al-Kahfi:7)

Mereka yang beranggapan bahawa mereka telah berjaya memperolehi apa yang mereka usahakan hasil daripada “fight for survival” (perjuangan untuk hidup) ini akan merasa kecewa kerana tidak mendapat sebarang imbuhan, dan merasa sedih apabila bersemuka dengan realiti di hari kiamat dan akan mendapati betapa kosongnya idea yang mereka ikuti itu.

Dan (apabila ahli-ahli Syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka dengan berkata: "Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka adakah kamu juga telah dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya betul?". Mereka menjawab: "Benar ada". Kemudian berserulah penyeru (malaikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: "Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim". Iaitu mereka yang menghalang (dirinya sendiri dan juga orang lain) dari menurut jalan Allah, dan mencari helah menjadikan jalan itu bengkok terpesong, sedang mereka pula tidak percayakan hari akhirat. (Al-A'raaf:44-45).

Dan orang-orang yang berada di atas tembok Al-A'raaf menyeru beberapa orang (Ketua kaum kafir) yang mereka kenal dengan tandanya, dengan berkata: "Nampaknya kumpulan kamu yang ramai (atau kekayaan kamu yang besar) dan juga segala apa yang kamu sombongkan dahulu - tidak dapat menolong kamu".(Al-A'raaf:48).

Bagi mereka yang tidak terpengaruh dengan pemikiran secara Darwin-kapitalis ini dan mereka yang tidak melupakan tujuan kewujudan mereka dan kewujudan Allah, mereka melihat manusia lain sebagai makhluk hidup yang dijadikan Allah. Seperti mana yang diarahkan oleh Allah, mereka sentiasa melayani manusia lain dengan baik, dengan kasih sayang, dan simpati, dan akan melakukan apa sahaja yang termampu untuk menghilangkan kesukaran dan kebimbangan mereka. Mereka sering menuturkan perkataan yang lunak, mengambil berat terhadap anak-anak yatim, membantu yang sakit dan cacat, melindungi dan menjaga mereka. Orang seperti ini akan menghindari dosa dan menjalankan tanggungjawab mereka kepada Allah seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran dan mereka adalah golongan yang paling mulia di sisi Allah: mereka tidak menghiraukan kekayaan, bangsa, warna kulit, kelas, ideologi, dan falsafah.

BAB 6

KERUNTUHAN MORAL YANG DIBAWAKAN OLEH DARWINISME



Malapetaka paling teruk yang dibawa oleh Darwinisme kepada manusia ialah pemesongan manusia daripada agama. Moral yang ganas dan kepincangan jiwa akan segera melanda masyarakat yang berpaling daripada agama. Terdapat banyak contoh masyarakat seperti ini hari ini.

Pada noktah ini, seseorang mungkin akan menyatakan bahawa Darwinisme tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kelemahan iman manusia kerana sebahagian besar mereka yang hidup tanpa agama tidak pernah mendengar tentang dakwaan-dakwaan Darwinisme. Bahagian kedua bantahan ini adalah benar. Pada hari ini, jumlah mereka yang mempertahankan Darwinisme secara ilmiah adalah amat terhad. Tetapi golongan minoriti ini terdiri daripada mereka yang menyalurkan idea-idea kepada masyarakat di dalam berbagai bidang. Pengaruh yang mereka bentuk di dalam masyarakat telah mencapai angka yang tidak terkira banyaknya. Mereka mempunyai kemampuan untuk menyuntik pandangan mereka kepada sebahagian besar masyarakat. Contohnya, pensyarah-pensyarah universiti terkenal, sebahagian besar pengarah filem, dan editor-editor penyiaran tersohor, akhbar-akhbar dan majalah, adalah sebahagian besarnya evolusionis, dan tentu sahaja adalah ateis. Kerana itulah, sebahagian besar masyarakat yang mendengar syarahan mereka telah terpengaruh dan dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran evolusi mereka yang anti-agama. Hasilnya, masyarakat terus berkembang di dalam keadaan idea-idea liar ini diterima secara meluas.

Ernst Mayr, seorang biologis di Universiti Harvard dan salah seorang pakar evolusi terkenal di dunia, menggambarkan kedudukan teori evolusi di dalam kehidupan masyarakat seperti berikut:

Sejak Darwin, setiap orang mengaku berasal daripada beruk... evolusi telah memberikan impak ke atas setiap aspek pemikiran manusia: falsafahnya, metafiziknya, etniknya...¹³¹

Penyebaran luas Darwinis yang mendominasi seluruh kehidupan manusia bertindak sebagai satu bentuk ‘hipotesis’ yang kuat ke atas manusia. Terutamanya generasi muda yang tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk membentuk sebarang pandangan dunia, walau yang paling dangkal sekali pun, dengan mudah terpengaruh dengan pandangan-pandangan seperti ini. Adalah terlalu mudah untuk mengheret golongan ini melalui majalah-majalah yang mereka baca, filem, persembahan atau klip-klip muzik yang mereka tontoni, dan, yang paling penting, pendidikan yang mereka terima di sekolah. Pengaruh inilah yang menyebabkan mereka mempercayai bahawa teori evolusi ini adalah benar selama 150 tahun, tanpa mengira hakikatnya yang menipu dan tidak saintifik.

Jika kamu perhatikan, propaganda anti-agama jarang dilakukan secara terbuka, tidak seorang pun mendakwa secara terang-terangan bahawa dia tidak perlu mempunyai agama. Tetapi sebaliknya uslub yang berbeza telah digunakan, yang tidak disedari sekali imbas. Ejekan terhadap agama, subjek-subjek agama, atau mereka yang dikenali dengan keimanan mereka, dan juga penggunaan perkataan-perkataan yang menjurus ke arah penolakan agama, takdir, dan agama, di dalam lirik-lirik lagu, novel, filem, tajuk-tajuk berita, dan lawak jenaka, adalah sebahagian daripada uslub-uslub lain yang digunakan.

Dari segi lain pula, subjek-subjek Darwinisme adalah senjata utama propaganda anti-agama ini. Walaupun di dalam subjek-subjek yang sama sekali tidak berkaitan, penipuan bahawa moyang kita adalah beruk telah ditekankan. Malah, teori evolusi juga turut dicatatkan di dalam analisis psikologi manusia. Dengan cara ini, masyarakat manusia yang lahir ialah mereka yang tidak mengambil berat tentang agama, hari qiamat, dan tanggungjawab moral, mereka tidak berfikir, tidak beriman atau bertaqwa

kepada Allah, dan tidak benar-benar percayakanNya, walaupun apabila ditanya mereka akan mengakui bahawa mereka mempercayai Tuhan dan agama. Mereka yang tidak beriman dan bertaqwah kepada Allah, tidak mengenali sebarang batas di dalam apa-apa bidang, dan mula hidup seperti haiwan yang mereka anggap sebagai asal mereka.

Sebagai contoh, seseorang tidak boleh mangharapkan seorang yang cuai dan tidak bertakwa kepada Allah untuk memelihara akhlaknya, kerana mereka beranggapan bahawa tidak ada sebarang sempadan yang perlu mereka awasi. Mereka akan terus melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral selagi mana mereka bebas daripada pengawasan. Seperti keadaan sekarang ini, terutamanya golongan muda dan bahagian tertentu di dalam masyarakat, tindakan-tindakan yang melampaui batas, penyebaran fahaman yang menganggap nilai-nilai moral dan perintah Tuhan itu sebagai sesuatu yang tidak bererti, pemalingan manusia daripada agama hasil daripada dakwaan-dakwaan Darwinisme, adalah di antara kesannya. Mereka yang menganggap diri mereka terbiasa tanpa sebarang batasan dan mereka yang percaya bahawa mereka tidak perlu bertanggungjawab kepada orang lain, mempamerkan sikap boros yang melampau setiap hari. Pemuda dan pemudi boleh mengeluarkan kenyataan kepada akhbar menerangkan kehidupan seksual mereka secara terperinci, dan akhbar akan menyikarkannya, dan pembaca juga tidak ambil kisah. Perzinaan, yang media agungkan dan gambarkannya dengan berhati-hati, malah menyeru manusia untuk melakukannya, telah menjadi satu amalan yang tidak lagi dianggap luar biasa. Melalui pemerhatian yang teliti, di dapati di sebalik pembunuhan, pelacuran, dan penipuan di dalam segala aspek, memberi dan menerima rasuah, dan pembohongan: ringkasnya di dalam semua perkara yang tidak bermoral, kelemahan iman dapat dilihat di sini. Cara paling efektif kelemahan iman ini tersebar ialah kesan daripada penipuan Darwin yang mendakwa bahawa "manusia telah berkembang hasil daripada kebetulan yang amat tipis".

Ken Ham, pengarang buku *The Lie: Evolution*, menjadikan kelemahan

iman yang disebabkan oleh Darwin sebagai subjek dan berkata:

Sekiranya kamu menolak Tuhan dan menggantikanNya dengan kepercayaan lain yang meletakkan peluang, proses-proses rawak di tempat Tuhan, tidak akan ada asas pertimbangan yang betul dan salah. Undang-undang akan menjadi apa yang kamu inginkan. Tidak akan ada sebarang prinsip kukuh yang dipegang. Manusia akan menulis undang-undang mereka sendiri.¹³²

Seorang evolusionis terkenal, Theodosius Dobzhansky, bersetuju bahawa idea “pilihan semula jadi”, yang menjadi asas Darwinisme, telah menyumbang ke arah kemerosotan moral di dalam masyarakat:

Pilihan semula jadi boleh menyebabkan egotisme, hedonisme, pengecut, penipu dan eksplorasi, sementara etika kumpulan di dalam setiap masyarakat berusaha untuk menghalang atau mengharamkan perilaku ‘tabii’ seperti ini, dan memuliakan perlakuan yang bertentangan dengannya, seperti: baik hati, bersopan santun, dan berkorban untuk kepentingan kumpulan atau bangsa lain dan seterusnya untuk manusia sejagat.¹³³

Jika kita perhatikan di sekeliling, kita dengan mudah akan mengesan kerosakan moral yang telah dibawa oleh Darwinisme. Idea bahawa peningkatan, kemajuan, dan ketamadunan, adalah hasil daripada manusia yang hidup berasingan di antara satu sama lain dan tanpa ikatan untuk saling membantu, kesetiaan, menghormati, dan kasih sayang, telah membebankan masyarakat. Idea bahawa akibat-akibat seperti ini terpaksa diterima untuk penghasilan dan pembangunan yang lebih hebat, telah dibuat berulang kali. Sedangkan ia sebenarnya adalah hasil daripada perbuatan manusia yang mengheret diri mereka kepada “status binatang”, bukannya kepada pembangunan dan ketamadunan.

Sedangkan sebenarnya manusia bukan satu spesies haiwan dan tidak muncul daripada sebarang haiwan. Manusia, yang Allah ciptakan dengan kewarasan, kecerdikan, kesedaran, dan jiwa, adalah makhluk yang jauh berbeza dengan hidupan lain oleh beberapa kualiti yang baik. Tetapi akibat terpengaruh dengan moral secara Darwin-materialis, manusia telah melupakan kualiti-kualiti ini dan terjerumus kepada kebengkengan,

ketidaksopanan dan tiada kesedaran dan berfikiran lebih teruk daripada haiwan. Kemudian mereka mengatakan bahawa, "Lagi pun kita ini berasal daripada haiwan, (perangai buruk) ini juga adalah warisan genetik daripada mereka", dan menyediakan asas saintifik sebagai jawapan kepada kelemahan jiwa dan kesedaran mereka.

Ramai para pakar kajian kelakuan manusia secara Darwin menggunakan logik ini sebagai hujah, dan mendakwa bahawa kecenderungan manusia kepada keganasan adalah warisan daripada haiwan yang menjadi nenek moyang mereka. Seorang penyokong evolusi terkenal, Stephen Jay Gould menerangkan dakwaan ini, yang pertama kali telah dipekenalkan oleh seorang ahli fizik Itali, Lombroso, di dalam satu bahagian buku beliau *Ever Since Darwin*:

Teori biologi jenayah adalah sesuatu yang baru, tetapi Lombroso telah memberikan dakwaan ini satu pembaharuan yang aneh, putar belit evolusi. Dilahirkan sebagai penjenayah (born criminal) bukan satu sifat gila atau penyakit; ia adalah, satu pengembalian ciri-ciri lama daripada peringkat evolusi terdahulu. Sifat-sifat keturunan moyang kita yang primitif dan bodoh kekal di dalam koleksi genetik kita. Sebahagian manusia malang telah dilahirkan bersama sejumlah besar sifat-sifat lama ini. Kelakuan mereka mungkin dapat diterima di dalam masyarakat mereka yang ganas dahulu, tetapi hari ini, kita melabelkannya sebagai penjenayah. Kita mungkin merasa kasihan kerana kelahiran penjenayah (born criminal) ini, kerana dia tidak dapat berbuat apa-apa; tetapi kita tidak dapat bersikap toleran dengan aksi-aksi sinya.¹³⁴

Berdasarkan dakwaan penyokong Darwin ini, atau dengan kata lain, pembunuhan sesama manusia, mencederakan orang lain, mencuri, dan bergaduh, adalah warisan yang dipindahkan secara genetik daripada moyang beruk mereka. Kerana itulah, berdasarkan kepada dakwaan ini, jenayah-jenayah ini tidak boleh dirujuk kepada seorang individu dan ia boleh dimaafkan.

Seperti yang dapat dilihat daripada dakwaan ini, penyokong Darwin beranggapan kewarasan dan kesedaran manusia dan berbagai kebolehan seperti pertimbangan dan pengadilan, adalah tidak berguna, dan

menerima bahawa manusia adalah makhluk tidak berakal, yang bertindak hanya berdasarkan naluri sahaja, tidak ubah seperti haiwan. Berdasarkan kepada pandangan ini, seperti mana singa tidak dapat menahan dirinya daripada sifat agresif di dalam dirinya dan tidak memamerkan sifat-sifat baik seperti mengawal kemarahannya, atau memaafkan dan bersabar, begitu keadaan manusia. Telah jelas di sini bahawa tidak akan ada keamanan dan keselamatan, kekacauan, konflik, dan perkelahian di dalam sesebuah masyarakat yang mempertahankan golongan ini.

Model Kehidupan Ganas dan Pesimistik yang Dikemukakan kepada Manusia oleh Darwinisme

Berdasarkan kepada para penyokong Darwin dan materialis, seluruh alam semesta ini, termasuk juga manusia, adalah hasil daripada tindak balas berkecamuk dan kebetulan. Apabila kesan daripada pandangan ini berkembang di dalam masyarakat, ia telah melahirkan manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab yang percaya mereka sama sekali tidak boleh dikawal.

Seorang yang tidak mempunyai matlamat tidak akan berfikir, tidak akan membentuk matlamat untuk meningkatkan dirinya, ialah seorang yang tidak ambil peduli, berpura-pura, tidak mempunyai perasan, tidak ada apa pun yang dapat menyentuh hatinya, dia tidak dapat menggunakan kesedarannya, dan tidak mengenal sebarang undang-undang dan sempadan. Dia tidak dapat melakukan sebarang kebaikan dan sifat baik. Pada pandangannya, sebagai haiwan maju, di dunia ini dia mesti mencari makanan dan membiak, dengan cara yang sama dengan hidupan lain, dan setelah memenuhi semua keperluan ini, dia mesti mencari hiburan dan kegembiraan sebanyak yang mungkin dan kemudian menanti saat kematian. Dan kemudian dapat disaksikan, walau pun kebanyakan manusia tidak mengetahui Darwinisme secara

terperinci, tetapi mereka hidup berdasarkan kepada kehidupan yang disarankan oleh Darwinisme kepada manusia.

Disebabkan mereka hidup di dalam satu kehidupan yang ganas dan yang kemudiannya akan berakhir, maka mereka menghadapi tekanan yang hebat, pesimisme, dan perasaan putus asa. Menyedari bahawa segalanya akan berakhir dengan kematian dan semuanya akan menjadi hampas, telah menyebabkan mereka menjadi tidak gembira dan terkurung. Salah satu sebab disebalik kes bunuh diri, masalah psikologi, dan tekanan ialah kesan negatif sumpahan Darwinisme ke atas pemikiran manusia.

Richard Dawkins, salah seorang pembela evolusi paling taksub di zaman kita, mendedahkan satu contoh. Dawkins mendakwa manusia ini adalah mesin-mesin gen dan tujuan utama kewujudan mereka ialah untuk memindahkan gen-gen mereka kepada generasi berikutnya. Di dalam pandangan Dawkins tidak ada matlamat lain sama ada bagi kewujudan alam semesta ini atau pun manusia. Semuanya, alam ini dan manusia adalah hasil daripada kecamukan dan kebetulan. Mereka yang tertipu dengan dakwaan seperti ini akan dengan mudah menjadi mangsa tekanan dan kekecewaan. Mereka yang percaya satu-satunya matlamat hidup ialah untuk memindahkan gennya, dan segalanya akan berakhir dengan kematian, dan bahawa segala apa yang telah dilakukannya di dalam dunia ini tidak mempunyai sebarang erti, mereka yang merasakan bahawa persahabatan, cinta, kebaikan, dan keindahan itu tidak mempunyai sebarang makna, akan merasakan bahawa hidup ini adalah kejam dan tidak berguna, dan tidak akan redha dengan apa pun. Di dalam mukadimah bukunya Unweaving the Rainbow, Dawkins mengakui kesan negatif dan pesimistik dakwaannya tentang matlamat hidup manusia kepada masyarakat:

Seorang penerbit luar kepada buku pertama saya telah mengaku beliau **tidak dapat tidur selama tiga malam** setelah membacanya, dia menghadapi kesukaran setelah mendapatkan '**pesan yang kosong dan dingin ini**'. Sebahagian yang

lain bertanyakan bagaimana saya mampu bangun setiap pagi. Seorang guru dari sebuah negara jauh telah menulis kepada saya sebagai teguran, bahawa seorang muridnya mendatanginya di dalam keadaan menangis setelah membaca buku yang sama, kerana ia telah menyakinkannya bahawa hidup ini adalah kosong dan tidak bermatlamat. Dia menasihatkan muridnya supaya tidak menunjukkan buku tersebut kepada rakan-rakannya yang lain, kerana takut ia akan mengganggu mereka dengan **pesimisme secara nihilisme** yang sama. Dakwaan-dakwaan seperti ini yang membawakan berita yang gersang dan tidak menggembirakan, sering berlaku di dalam sains secara umumnya, dan adalah mudah untuk para pakar sains mengembar-gemburkannya. Rakan saya Peter Atkins memulakan buku beliau The Second Law (1984) seperti berikut:

Kita adalah hasil kecamukan, dan struktur kebetulan yang dalam ialah pereputan. **Pada dasarnya, hanya ada kerosakan, dan kacau bilau. Hilang adalah matlamat; apa yang ditinggalkan adalah arah tuju. Ini adalah ketandusan yang terpaksa kita terima apabila kita meneliti jauh ke jantung alam semesta ini.**¹³⁵


Seorang lagi penyokong Darwin yang percaya bahawa hidup adalah kosong dan menyebabkan hidup ini dilihat secara pesimis, iaitu seorang ahli falsafah Jerman, Nietzsche, yang telah menghasilkan tesis berkaitan bangsa maju yang telah memberikan sokongan falsafah kepada Hitler. Pemikiran Nietzsche, yang dikenali sebagai “nihilisme” atau “ketiadaanisme” secara dasarnya ialah: Manusia perlu ada matlamat untuk hidup. Tetapi matlamat ini, menurut Nietzsche yang menolak kewujudan Tuhan, tidak ada sebarang kaitan dengan penciptaan manusia oleh Tuhan. Kerana itulah, di dalam falsafah Nietzsche, manusia sering mencari satu matlamat tetapi gagal menemuinya dan mula merasa pesimisme dan kecewa yang lahir daripada keadaan ini. Sebaiknya mereka mesti mencari matlamat di sebalik kewujudan manusia. Tetapi, jika seseorang, seperti Nietzsche, menolak matlamat utama (kejadian manusia) dan mula mencari matlamat di luar daripada skop kebenaran, sudah tentu dia tidak akan dapat menemuinya. Dan perlu dijelaskan di sini, bahawa Nietzsche mati di dalam keadaan gila.

Masyarakat yang lupa bahawa mereka telah dijadikan oleh Tuhan

untuk satu matlamat, akan ditimpa masalah keruntuhan moral dan kerohanian. Pembangunan harta, kesejahteraan dan ekonomi tidak akan dapat memberikan mereka keamanan dan keselamatan. Banyak perkara yang mengheret mereka, yang gagal mematuhi taakulan dan naluri mereka, dan mereka yang melihat diri mereka sebagai makhluk yang tidak boleh kawal dan tidak bermatlamat, kepada duka cita, kekecewaan dan pesimisme. Yang pentingnya ialah segala kekosongan, duka cita, dan pesimisme yang dirasai oleh mereka yang menyangka akan bebas dengan kematian, setelah mengetahui kehidupan sebenar yang akan mereka tempuh selepas mati.

Sementara mereka yang beriman dengan Allah dan hari akhirat menyedari kesudahan yang akan dihadapinya nanti. Dia sentiasa merasa gembira dan sering berharap untuk memenangi rahmat Allah dan syurga. Apa pun yang berlaku, dia sentiasa mensyukuri Allah: kerana itulah dia tidak akan terjerumus ke kanca kekecewaan dan pesimisme.

KONKLUSI PADA DARWINISME YANG MESTI DIKERINGKAN



Sepanjang sejarah telah berlaku banyak peperangan, penindasan, pembunuhan dan konflik. Tetapi punca yang menyebabkan jumlah dan bilangan tragedi ini bertambah dengan begitu hebat pada abad lepas ialah justifikasi saintifik Darwinsme salah yang membawa kepada pembunuhan, penindasan dan konflik. Dakwaan Darwinisme yang sama sekali salah tentang alam semula jadi adalah selaras dengan nada ideologi-ideologi ini, ideologi-ideologi pembunuh ganas, diktator dan sadis dapat membuktikan bahawa tindakan mereka adalah betul dan dapat mewajarkannya dengan menyatakan "undang-undang semula jadi juga berlaku kepada masyarakat" seperti polisi-polisi mereka.

Hari ini teori evolusi masih dipertahankan untuk sebab-sebab falsafah dan ideologi. Kolonialisme yang telah meledak bersama dengan teori evolusi ini pada abad ke-19, Nazi Jerman, dan Soviet Union hanya tinggal sejarah. Tetapi falsafah materialisme-Darwinisme yang menjadi asas utama mereka masih terus dipertahankan oleh beberapa golongan, dan kesan kemusnahan falsafah ini masih berlaku di seluruh dunia.

Dengan mengetepikan kenyataan bahawa beliau adalah seorang evolusionis, Kenneth J. Hsu telah menulis seperti berikut tentang tragedi yang telah dibawakan oleh Darwinisme kepada manusia:

Kita adalah mangsa kepada satu ideologi sosial kejam yang mendakwa bahawa persaingan di antara individu-individu, kelas-kelas, bangsa-bangsa, dan kaum-kaum, adalah **keadaan semula jadi kehidupan, dan adalah semula jadi juga bagi mereka yang superior untuk menindas mereka yang inferior...** Undang-undang pilihan semula jadi bukan sains. Ia adalah satu ideologi, dan ia adalah satu ideologi yang kejam...¹³⁶

Sememangnya, tindakan berjaga-jaga dari segi perundangan dan fizikal perlu diambil. Tetapi tindakan-tindakan ini hanya dapat menutup luka-luka yang disebabkan oleh ideologi-ideologi ini. Penyelesaian yang kukuh terletak kepada satu rawatan kebudayaan dan saintifik. Dengan kemusnahan Darwinisme daripada kaca mata kebudayaan dan saintifik, falsafah-falsafah yang membina kekuatan mereka di atasnya juga akan lenyap, dan ini bererti terhapusnya penindasan di muka bumi ini.

Kerana itulah, tanggungjawab berat ini terletak kepada mereka yang mempunyai kesedaran dan keyakinan, mereka yang mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai kerohanian. Adalah tidak wajar untuk melupakan atau mengabaikan kemusnahan yang telah dibawa oleh Darwinisme ke seluruh dunia, terutamanya pada abad yang lepas, dan penderitaan yang telah dialami oleh manusia dan masyarakatnya. Setiap orang yang berkemampuan perlu melakukan apa yang terdaya dilakukan untuk melakukan serangan kebudayaan bagi mengakhiri penipuan yang telah berlangsung selama 150 tahun.

Satu-satunya perkara yang dapat mengakhiri penipuan ini, dan dapat memberi jawapan kepada persoalan kehidupan manusia, ialah hidup dengan moral al-Quran. Malapetaka ini akan berakhir apabila manusia mula kembali kepada agama yang sebenar, apabila keindahan, cinta, sayang, belas kasihan, keadilan, kesetiaan, kerjasama, dan toleransi yang Allah anugerahkan kepada manusia, dihidupkan semula secara meluas. Seperti yang disebutkan di dalam ayat-ayat Allah, "kebenaran akan datang" dan "kejahatan akan binasa":

Dan katakanlah: "Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap". (Surah Al-Isra:81)